

**MADRASAH IDRISIAH BUKIT CHANDAN KUALA  
KANGSAR PERAK: SEJARAH DAN SUMBANGANNYA  
TERHADAP PENDIDIKAN ISLAM DARI TAHUN  
1985-1999**

**NOR ADINA BINTI ABDUL KADIR**

**JABATAN SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2010**

**MADRASAH IDRISIAH BUKIT CHANDAN KUALA  
KANGSAR PERAK: SEJARAH DAN SUMBANGANNYA  
TERHADAP PENDIDIKAN ISLAM DARI TAHUN  
1985-1999**

**NOR ADINA BINTI ABDUL KADIR**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN IJAZAH SARJANA USULUDDIN  
(SECARA KURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2010**

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk meneliti sejarah dan sumbangan Madrasah Idrisiah Kuala Kangsar Perak di dalam pendidikan Islam dari tahun 1985-1999. Kajian ini dibuat adalah untuk menjawab beberapa permasalahan dengan mengkaji dan menganalisis serta menemukan rumusan yang meliputi tiga bahagian utama, pertama; bagaimana sejarah perkembangan Madrasah Idrisiah, kedua; bagaimana bentuk dan jenis pengajian di Madrasah Idrisiah sebelum dan selepas merdeka, ketiga; siapakah tokoh pemulihan dan sumbangan yang dilakukannya dalam perkembangan pendidikan Islam di Madrasah Idrisiah dari tahun 1985-1999. Pada dasarnya, data-data dalam penyelidikan ini diperoleh dengan menggunakan metode perpustakaan dan dokumentasi. Bagi melengkapi metode di atas, kajian ini turut menggunakan metode temubual khususnya berhubung sejarah Madrasah Idrisiah dan sumbangan tokoh terhadap pendidikan Islam. Hasil kajian ini dapat dipaparkan secara ringkas sebagaimana berikut; Pertama, Madrasah Idrisiah dengan rasminya ditubuhkan pada tahun 1922 dan mengalami empat peringkat perkembangan iaitu peringkat kebangkitan (1917-1927), peringkat kegemilangan (1928-1969), peringkat malap (1970-1984) dan peringkat pemulihan (1985-1999). Kedua, bentuk pengajian Madrasah Idrisiah sebelum merdeka adalah lebih kepada bidang agama dan selepas merdeka menggunakan sistem kurikulum seperti di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama ataupun Kementerian Pelajaran Malaysia. Ketiga, tokoh penting yang dijadikan sampel kajian penulisan ini ialah Ustaz Musa bin Zainuddin (1985-1999) selaku pelopor pembaharuan dan pelbagai sumbangan yang dilakukannya dalam bidang Pendidikan Islam di Madrasah Idrisiah.

## ABSTRACT

The main purpose of this study is to explore the history of Madrasah Idrisiah Kuala Kangsar Perak and its contribution towards Islamic Education from 1985 to 1999. The three main research questions are; 1) how does Madrasah Idrisiah developed historically?; 2) what are the type of courses and teachings implemented in Madrasah Idrisiah before and after Malaysia independence?; and 3) who are the mastermind in redeveloping the Madrasah and what are his contributions in developing the Islamic education in Madrasah Idrisiah from 1985 to 1999. Data in this dissertation is collected from library research and documentation method. Interviews were also done specifically on identifying the history of Madrasah Idrisiah and the mastermind's contribution towards Islamic Education. The findings in summarised as: 1) Madrasah Idrisiah has officially being developed in 1922 and experiencing four levels of development evolution which is early years of development awakening stage (1917-1922), excellence stage (1928-1969), declining stage (1970–1984), and rehabilitation stage (1985-1999). 2) It is identified that before the Malaysia independence, Madrasah Idrisiah was concentrating more on Islamic courses and after the independence, it practises the curriculum system similar to what is being taught is *Sekolah Menengah Kebangsaan Agama* (Secondary Religious School) or the Ministry of Education, Malaysia. The man behind this is Ustaz Musa bin Zainuddin (1985-1999) whom is known as the Islamic education innovator for Madrasah Idrisiah. In conclusion, there was a dramatic change in Islamic Education at Madrasah Idrisiah, specifically and in Perak, generally from 1985 to 1999.

## PENGHARGAAN



Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan rahmat dan izin-Nya, disertasi yang bertajuk Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar, Perak: Sejarah dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam dari Tahun 1985-1999 berjaya disiapkan.

Jutaan terima kasih khusus kepada Dr Mohd Roslan bin Mohd Nor selaku penyelia utama serta pembimbing penulis dalam penulisan disertasi ini. Segala nasihat, bimbingan, teguran, dorongan dan sokongan Dr telah memberi input kepada keberhasilan disertasi ini.

Penulis juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pensyarah yang telah memberi tunjuk ajar dan mencurahkan ilmu kepada penulis. Mereka terdiri daripada Almarhum Prof. Dr. Abdul Halim Haji Mat Diah, Dr. Abdullah bin Yusof, Prof. Madya Dr. Ali bin Mohamad, Prof. Madya Dr. Zaki Berahim @ Ibrahim, Ustaz Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, Puan Norhayati binti Hamzah, Dr. Tatiana Denisova, Dr. Aizan dan Dr. Maher. Tidak lupa juga kepada Puan Soffihaidar binti Baharudin selaku Setiausaha Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Prof. Madya Dr. Rahimin Affandi Abdul Rahim (Jabatan Fiqh dan Usul) dan Prof. Madya Dr. Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam) yang turut membantu penulis dalam menjayakan penulisan ini sehingga selesai.

Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada Mudir dan guru-guru Madrasah Idrisiah, Ustaz Kamaruddin bin Ahmad, Cikgu Abdul Rahman Najib bin Mohd Noor, Ustaz Khairul Anwar El-Sazali, Cikgu Hamdan bin Hussain serta semua yang terlibat di atas kerjasama yang telah diberikan kepada penulis. Seterusnya penghargaan kepada keluarga Allahyarham Ustaz Musa bin Zainuddin yang banyak

membantu penulis mengumpulkan maklumat. segala bantuan yang diberikan amatlah dihargai.

Istimewanya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat mak dan abah tercinta yang telah memberikan semangat, bimbingan dan bantuan dari segi moral, tenaga dan harta sehingga penulis mampu mendaki puncak ilmu pengetahuan yang tinggi. Tidak lupa buat adik-beradik tersayang, Yong, Nyah, Jeme, Een dan Kila terima kasih kerana banyak membantu dan sama-sama kita berusaha untuk memperoleh yang terbaik di dunia dan akhirat.

Akhirnya, penghargaan turut dikalungkan kepada rakan-rakan seperjuangan Nurul Wahidah, Rafidah, Asma' Wardah, Niswa Noralina, adik-adik di bilik penyelidikan SEJATI serta rakan-rakan yang tidak disebutkan namanya kerana telah memberikan sokongan dari segi motivasi, material dan tenaga dalam penghasilan kajian ilmiah ini. Segala jasa baik kalian hanya Allah yang mampu membalasnya.

Nor Adina Binti Abdul Kadir,  
Sg. Dulang Pekan,  
36300 Sg. Sumun,  
Perak Darul Ridzuan

7 Rabiulawal 1431H  
21 Februari 2010

## JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ا, ء	a, ' (Hamzah)	سال	<i>sa'ala</i>
ب	b	بدل	<i>badala</i>
ت	t	تمر	<i>tamr</i>
ث	th	ثورة	<i>thawrah</i>
ج	j	جمال	<i>jamāl</i>
ح	ḥ	حديث	<i>hadīth</i>
خ	kh	خالد	<i>khālid</i>
د	d	ديوان	<i>diwān</i>
ذ	dh	مذهب	<i>madhhab</i>
ر	r	رحمة	<i>rahmah</i>
ز	z	زمزم	<i>zamzam</i>
س	S	سراب	<i>sarāb</i>
ش	sh	شمس	<i>shams</i>
ص	□	صبر	<i>ṣabr</i>
ض	□	ضمير	<i>ḍamīr</i>
ط	□	طاهر	<i>ṭāhir</i>
ظ	□	ظهر	<i>ẓuhr</i>
ع	'	عبد	<i>'abd</i>
غ	gh	غيب	<i>ghayb</i>
ف	f	فقه	<i>fīqh</i>
ق	q	قاضي	<i>qāḍī</i>
ك	k	كاس	<i>ka's</i>
ل	l	لبن	<i>laban</i>
م	m	مزمارة	<i>mizmār</i>
ن	n	نوم	<i>nawm</i>
و	w	وصل	<i>waṣla</i>
ه	h	هبط	<i>habaṭa</i>
ي	y	يسار	<i>yasār</i>
ة	h	قطه	<i>qiṭṭah</i>

### Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Transliterasi
ا	a	فعل	fa‘ala
ي	i	شرب	shariba
و	u	كتب	kutiba

### Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Transliterasi
ا-ي	□	كاتب	kātib
ي	□	كريم	karīm
و	□	غفور	ghafūr

### Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Transliterasi
اوّ	aw	قول	qawl
ايّ	ay	سيف	sayf
بيّ	iyy	رجعي	raj‘iyy/raj‘ī(di akhir)
وّ	uww	عدو	‘aduww/adū (di akhir)

### Pengecualian

- Huruf Arab ء (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada **a** bukan **ʾ**.  
Contoh : اكبر bukan ‘akbar.
- Huruf Arab ة (ta marbutah) pada perkataan tanpa ال (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada **t**.  
Tetapi sekiranya ia terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan akhir, ia ditransliterasikan kepada **h**.



# DAFTAR ISI

**MADRASAH IDRISIAH BUKIT CHANDAN KUALA KANGSAR PERAK :  
SEJARAH DAN SUMBANGANNYA TERHADAP PENDIDIKAN ISLAM  
DARI TAHUN 1985-1999.**

<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>Abstrak</b>	<b>i</b>
<b>Penghargaan</b>	<b>iii</b>
<b>Transliterasi</b>	<b>v</b>
<b>Daftar Isi</b>	<b>vii</b>
<b>Senarai Singkatan Kata</b>	<b>xi</b>
<b>Senarai Jadual</b>	<b>xiii</b>

## **BAB I :**

### **PENDAHULUAN**

<b>1.1</b>	<b>Latar Belakang Kajian</b>	<b>1</b>
<b>1.1.1</b>	<b>Kedudukan Geografi dan lokasi Madrasah Idrisiah Bukit Chandan</b>	<b>1</b>
<b>1.2</b>	<b>Pengertian Tajuk</b>	<b>4</b>
<b>1.3</b>	<b>Perumusan Masalah</b>	<b>14</b>
<b>1.4</b>	<b>Objektif Kajian</b>	<b>17</b>
<b>1.5</b>	<b>Kepentingan Kajian</b>	<b>17</b>
<b>1.6</b>	<b>Skop dan Batasan kajian</b>	<b>18</b>
<b>1.7</b>	<b>Kajian Literature</b>	<b>19</b>
<b>1.8</b>	<b>Metode kajian</b>	<b>25</b>
<b>1.8.1</b>	<b>Metode Pengumpulan Data</b>	<b>26</b>
<b>1.8.2</b>	<b>Metode Analisa Data</b>	<b>30</b>
<b>1.9</b>	<b>Susunan Bab</b>	<b>31</b>

## **BAB 2 :**

### **LATAR BELAKANG SEJARAH PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA**

<b>2.1</b>	<b>Sejarah Awal Pendidikan Islam</b>	<b>34</b>
<b>2.1.1</b>	<b>Pendidikan Islam Pada Zaman Rasulullah</b>	<b>35</b>
<b>2.1.2</b>	<b>Pendidikan Islam Zaman Khulafa'</b>	<b>38</b>
<b>2.2</b>	<b>Sejarah Pendidikan Islam Di Alam Melayu</b>	<b>41</b>
<b>2.3</b>	<b>Perkembangan Pendidikan Islam di Tanah Melayu Sebelum Dan Selepas Merdeka.</b>	<b>49</b>
<b>2.3.1</b>	<b>Pendidikan Islam sebelum Merdeka</b>	<b>51</b>
<b>2.3.2</b>	<b>Pendidikan Islam selepas Merdeka</b>	<b>57</b>
<b>2.4</b>	<b>Perkembangan Pendidikan Islam Di Negeri Perak.</b>	<b>61</b>
<b>2.5</b>	<b>Golongan Berpendidikan Agama dan Penglibatan Kaum Muda Dalam Perkembangan Pendidikan Islam</b>	<b>64</b>
<b>2.6</b>	<b>Kesimpulan</b>	<b>71</b>

## **BAB 3 :**

### **MADRASAH IDRISIAH BUKIT CHANDAN KUALA KANGSAR, PERAK DARI TAHUN 1922-1999**

<b>3.1</b>	<b>Sejarah Penubuhan madrasah</b>	<b>73</b>
<b>3.2</b>	<b>Tujuan penubuhan</b>	<b>75</b>
<b>3.3</b>	<b>Falsafah Pendidikan dan Visi Madrasah Idrisiah</b>	<b>76</b>
<b>3.4</b>	<b>Piagam Pelanggan Madrasah Idrisiah</b>	<b>77</b>
<b>3.5</b>	<b>Mudir-mudir Madrasah Idrisiah dan sistem pendidikan yang dilaksanakan</b>	<b>78</b>
<b>3.5.1</b>	<b>Tuan Haji Muhammad Haji Salleh (1922-1924)</b>	<b>79</b>
<b>3.5.2</b>	<b>Syeikh Abdullah Maghribi (1924-1932)</b>	<b>80</b>
<b>3.5.3</b>	<b>Syeikh Abdullah Fahim (1932-1948)</b>	<b>82</b>
<b>3.5.4</b>	<b>Tuan Sheikh Haji al-Zubair Haji Ahmad (1948-1976)</b>	<b>85</b>

3.5.5	Dato' Haji Abu Hassan bin Abdul Majid (1976-1983)	89
3.5.6	Tuan Haji Nawawi bin Hassan (1983-1985)	90
3.5.7	Ustaz Musa Bin Zainuddin (1985-1999)	91
3.6	Sistem Pentadbiran Madrasah Idrisiah	92
3.6.1	Bantuan Dan Sumber Kewangan	98
3.7	Sistem Pendidikan Madrasah Idrisiah	102
3.7.1	Biasiswa Iskandar	106
3.8	Lokasi Sekolah	108
3.9	Cabaran yang dihadapi oleh Madrasah Idrisiah Kini	109
3.10	Kesimpulan	111

#### **BAB 4 :**

#### **ANALISIS PERKEMBANGAN MADRASAH IDRISIAH DARI TAHUN 1985-1999**

4.1	Pendahuluan	112
4.2	Latar belakang dan Riwayat Hidup Ustaz Musa bin Zainuddin	112
4.2.1	Pendidikan dan Pekerjaan	114
4.3	Sumbangan Ustaz Musa bin Zainuddin di Madrasah Idrisiah di Era Pemulihannya	117
4.3.1	Bidang Pendidikan	121
4.3.2	Perubahan Jadual Waktu Pembelajaran	123
4.3.3	Menguatkuasakan semula undang-undang pemakaian pakaian seragam sekolah	123
4.3.4	Silibus Pelajaran Mengikut SMKA	124
4.3.5	Pemusatan Peperiksaan SPM dan PMR di Madrasah Idrisiah	127
4.3.6	Guru-guru diwajibkan menghadiri Latihan Perguruan	128
4.3.7	Pendidikan Empat Thanawi diperkenalkan semula	128

<b>4.4</b>	<b>Kecemerlangan Akademik</b>	<b>129</b>
<b>4.5</b>	<b>Ko-Kurikulum</b>	<b>130</b>
4.5.1	Kelab dan persatuan yang diwujudkan	131
4.5.2	Sukan	131
4.5.3	Jama'ah al-Ruasak ( Pengawas Sekolah)	132
4.5.4	Majlis Pelajar Madrasah Idrisiah (MPMI)	133
4.5.5	Pembimbing Rakan Sebaya	134
4.5.6	Pengawas Pusat Sumber	135
4.5.7	Mahkamah Pelajar	137
<b>4.6</b>	<b>Era Kemasukan Pelajar</b>	<b>137</b>
<b>4.7</b>	<b>Pengenalan Minggu Orientasi</b>	<b>142</b>
<b>4.8</b>	<b>Pembangunan Fizikal dan Prasarana</b>	<b>144</b>
<b>4.9</b>	<b>Projek Institut Pengajian Takhassus al-Idrisiah (IPTA)</b>	<b>148</b>
<b>4.10</b>	<b>Majlis Syura</b>	<b>149</b>
<b>4.11</b>	<b>Kesimpulan</b>	<b>150</b>

## **BAB 5 :**

### **PENUTUP**

<b>5.1</b>	<b>Pendahuluan</b>	<b>152</b>
<b>5.2</b>	<b>Kesimpulan</b>	<b>152</b>
5.2.1	Kesimpulan Umum	152
5.2.2	Kesimpulan Khusus	157
<b>5.3</b>	<b>Saranan</b>	<b>160</b>

**Bibliografi**

**Lampiran**

## SENARAI SINGKATAN KATA

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
a.s	‘Alaihissalam
AUKSI	Amanah Ugama Dan Khairat Sultan Idris
b	Bin
Bil	Bilangan
bt	Binti
Cet	Cetakan
D.Y.M.M	Duli Yang Maha Mulia
Dr.	Doktor
ed	Editor
En.	Encik
h	Halaman
Hj.	Haji
Ibid	Ibiden
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia
IPI	Institusi Pengajian Ilmu-Ilmu Islam
IPT	Institusi Pendidikan Tinggi
JAIPk	Jabatan Agama Islam Perak
JKAKSI	Jawatankuasa Amanah Khairat Sultan Idris
Jil	Jilid
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri

Juz	Juzuk
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
m	Masihi
MAIAMP	Majlis Agama Islam dan Adat-istiadat Melayu Perak
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MCKK	Malay College Kuala Kangsar
MIBCKK	Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar
Mr.	Mister
NGO	Non Government Organization
O.K.K	Orang Kaya Kaya
Op.cit	Opera Citato
PPD	Pusat Pendidikan Daerah
Prof.	Profesor
SAR	Sekolah Agama Rakyat
Sdn. Bhd	Sendirian Berhad
SITC	Sultan Idris Training Centre
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
s.a.w	Sallallah 'alaihi wassallam
s.w.t	Subhanahu wa-Ta'ala
terj	Terjemahan

Tn.	Tuan
t.t	Tanpa Tarikh
TITAS	Tamadun Islam dan Tamadun Asia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
WAMY	World Assembly of Muslim Youth
V	volume

## **SENARAI JADUAL**

Jadual 1	: Mata Pelajaran Madrasah Idrisiah Sejak 1922-1985
Jadual 2	: Mata Pelajaran SMKA
Jadual 3	: Jumlah Pelajar Yang Mendaftar 1986-1998
Jadual 4	: Jumlah Pelajar Madrasah Idrisiah Selepas Era Pemulihan Ustaz Musa (2000-2005)

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

#### **1.1.1 Kedudukan Geografi dan lokasi Madrasah Idrisiah Bukit**

##### **Chandan**

Madrasah Idrisiah terletak di kawasan Bukit Chandan, Kuala Kangsar Perak. Kawasan ini merupakan tempat bersemayamnya golongan kaum kerabat di raja. Kedudukannya yang terletak di kawasan istana raja telah menunjukkan bahawa madrasah ini merupakan sebuah sekolah yang didokongi oleh sultan, pembesar-pembesar istana dan juga golongan ulama. Madrasah Idrisiah terletak dalam daerah Kuala Kangsar iaitu bandar yang terkenal dengan Bandar Diraja bagi negeri Perak. Taraf sebagai bandar diraja telah diisytiharkan oleh Sultan Idris (1887-1916).<sup>1</sup> Walaupun Kuala Kangsar tidak mempunyai hasil kekayaan bumi seperti Taiping dan Lembah Kinta tetapi pada abad ke-20 bandar Kuala Kangsar menjadi pusat pentadbiran bagi negeri Perak dan ramai pegawai dan penasihat Inggeris di tempatkan di bandar ini.

Berhampiran dengan madrasah ini terdapat istana-istana tempat bersemayam kerabat diraja Perak seperti Istana Iskandariah yang merupakan istana rasmi sultan-

---

<sup>1</sup> Mohd Roselan Ab Malek (1993), *Salasilah Nama Tempat Negeri Perak Darul Ridzuan*. Selangor: Penerbit Prisma Sdn. Bhd, h. 83.



sultan Negeri Perak, Istana Hulu kepunyaan Sultan Idris Mursyidul Adzam Syah (Sultan Perak ke-28) dan Istana Kenangan. Kesemua istana ini terletak di Bukit Chandan yang sangat berhampiran dengan Madrasah Idrisiah.<sup>2</sup> Di hadapan sekolah ini terletak Masjid Ubudiah iaitu Masjid Diraja yang ditadbir dan dipengerusikan oleh sesiapa sahaja yang dilantik oleh Seri Paduka Sultan Perak. Lazimnya, penyandang jawatan tersebut ialah Orang Kaya Temenggung Paduka Raja mahupun Orang Kaya-kaya Setia Bijaya Diraja dan jawatan setiausaha diuruskan oleh seorang pegawai kerajaan yang berkhidmat di Pejabat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak.<sup>3</sup> Di sebelah masjid ini jugalah terletak Makam Diraja Perak.

Kedudukan madrasah yang berada di persekitaran istana, masjid dan makam diraja menunjukkan kewujudannya memberi gambaran jelas bahawa golongan raja atau sultan, pembesar dan ulama memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha mengembang dan mempertingkatkan madrasah ini. Dari segi lokasi, bandar Kuala Kangsar berada di tengah-tengah negeri Perak yang sangat strategik kerana menggabungkan dua buah bandar utama iaitu Taiping dan Ipoh yang terletak kira-kira 30 batu dari Kuala Kangsar.

Kedudukannya juga terletak di tepi sungai Perak yang mana luasannya kira-kira 662,160 ekar serta mempunyai 8 buah mukim. Dari segi penduduk, ia terdiri daripada berbilang kaum dan sebahagian besar daripada mereka pula adalah golongan

---

<sup>2</sup> Abdul Halim Nasir (1981), *Tempat-tempat Bersejarah Perak*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Negara, h. 163-168.

<sup>3</sup> Adid Vincent Tung Abdullah (1999), *Adat Pusaka Raja-raja dan Orang Besar-besar Negeri Perak Darul Ridzuan*. Ipoh: Compass Life Sdn. Bhd, h. 18.

penghijrah dari Tanah Seberang. Antara suku yang terdapat di Kuala Kangsar ialah Mendailing, Jawa, Aceh yang mana mereka mula berhijrah semenjak abad ke-18 dan 19 lagi.<sup>4</sup>

Kedudukan Madrasah Idrisiah juga adalah terletak di atas Bukit Chandan iaitu lebih kurang satu kilometer dari bandar Kuala Kangsar. Di kemuncak Bukit Chandan ini terletak Istana Iskandariah yang jaraknya kira-kira 0.7 kilometer dari Madrasah Idrisiah dan hanya 0.1 kilometer sahaja dari masjid Ubudiah. Manakala keluasan tapak sekolah pula ialah lima ekar di atas lot 4877.<sup>5</sup> kedudukan madrasah yang amat strategik ini merupakan satu kelebihan yang tidak dapat di madrasah-madrasah di tempat lain di negeri Perak ini. Contohnya, Maahad II Ihya Assyarif Gunung Semanggol dibuka pada tahun 1934 dan berada di kawasan perkampungan Melayu sebagai pesawah padi yang dinamakan Kampung Semanggol.<sup>6</sup> Kedudukan geografi Madrasah al-Ulum al-Syariah, Bagan Datoh Perak yang di buka pada tahun 1937 dan terletak di kawasan perkampungan petani Melayu yang berketurunan Jawa, Banjar, Kampar, Mendailing dan Rawa.<sup>7</sup>

Madrasah Idrisiah merupakan salah sebuah institusi pendidikan agama yang boleh dianggap terulung di Perak dan masih kekal hingga ke saat ini. Ia telah berusia 86 tahun (1922-2008M) dan sepanjang tempoh tersebut ia telah ditadbir oleh lapan

---

<sup>4</sup> Ismail Sudin (1971), *Sejarah Sosial Masharakat Melayu Kuala Kangsar Dari 1887 Hingga 1940 : Dengan Mengutamakan 1920 Han Dan 1930 Han*, Latihan Ilmiah, Jabtan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 6.

<sup>5</sup> Lihat Peta Topo Pejabat Daerah Kuala Kangsar. Tapak Madrasah Idrisiah terletak di Lot 4877.

<sup>6</sup> Nabir Haji Abdullah (1976), *Maahad II Ihya Assyarif Gunung Semanggol 1934-1959*. Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 25.

<sup>7</sup> Sabri Hai Said (1983), *Madrasah al-Ulum al-Syariah Perak 1937-1977: Satu Kajian Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 23.

orang mudir <sup>8</sup> yang sentiasa membawa kejayaan sebagai matlamat utama kepada madrasah. Salah seorang bekas pelajarnya dan juga Mufti Sahibus Samahah Dato' Seri Haji Harussani bin Haji Zakaria mengatakan bahawa madrasah ini dapat bertahan sehingga kini kerana tingginya nilai pendidikan Islam yang diterapkan dalam pengajaran di sekolah tanpa memikirkan keuntungan material semata-mata.<sup>9</sup> Oleh sebab itu, melihat perkaitan yang cukup rapat antara sistem pendidikan yang dilaksanakan di Madrasah Idrisiah ia mampu melahirkan insan cemerlang, gemilang dan terbilang selari dengan misi negara. Berdasarkan kejayaan inilah ia telah menarik minat penulis untuk menjadikan Madrasah Idrisiah sebagai subjek kajian kerana madrasah ini merupakan sekolah asrama agama pertama di Perak yang menggunakan sistem pendidikan moden berbanding sekolah-sekolah agama yang wujud ketika itu.

## **1.2 Pengertian Tajuk**

Tajuk penyelidikan ini ialah “Madrasah Idrisiah Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak: Sejarah dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam Dari Tahun 1985-1999”.

Menurut Kamus Dewan “Madrasah” berasal daripada perkataan Arab yang membawa maksud tempat belajar yang berkaitan dengan agama Islam, sekolah,

---

<sup>8</sup> Buku Cenderamata Majlis Ihtifal dan Majlis Pengkisahan Madrasah Idrisiah 2000.

<sup>9</sup> Jamaliah Zabidi dan Madihah Faizi ed. (2000), “Wawancara Khas Bersama Dato' Seri Haji Harussani bin Haji Zakaria”, *Jurnal Khas Madrasah Idrisiah 2000*.

perguruan<sup>10</sup>. Madrasah juga didefinisikan sebagai sekolah, aliran atau mazhab.<sup>11</sup> Tetapi, penggunaannya di dalam penyelidikan ini tertumpu pada makna madrasah sebagai tempat belajar, bukan maksud yang lain.

Perkataan “sejarah” dari sudut etimologinya mempunyai tiga pengertian iaitu asal usul (keturunan), salasilah sejarah Melayu; peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau, kisah, riwayat, tambo; kajian dan pengetahuan mengenai peristiwa-peristiwa yang telah lalu.<sup>12</sup> Manakala dalam Kamus Bahasa Melayu yang dihasilkan oleh R.O. Winstedt, perkataan sejarah dikatakan berasal daripada istilah Arab. Tanpa menyebut perkataan Arab tersebut, beliau mengertikan sejarah itu sebagai salasilah, tawarikh dan babad.<sup>13</sup> Ibrahim Alfian dan Pyan Husayn pula berpendapat kemungkinan besar perkataan Arab itu ialah *shajaratun* yang bermaksud pohon atau pokok.<sup>14</sup> Manakala dalam bahasa Inggeris, perkataan sejarah disebut *history* dan ia berasal daripada perkataan Latin *historia* yang bererti suatu penceritaan mengenai peristiwa yang benar-benar berlaku.<sup>15</sup>

---

<sup>10</sup> Hajah Noresah Baharom *et al.* (2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 973.

<sup>11</sup> Haji Osman Haji Khalid *et al.* (2006), *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*, Cet. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 729.

<sup>12</sup> Hajah Noresah Baharom *et al.* (2005), *op.cit.*, h. 1411.

<sup>13</sup> Winstedt, R. O. (1970), *Kamus Bahasa Melayu*, Cet. 4. Kuala Lumpur: Marican & Sons Sd. Bhd, h. 272. Perkataan babad ini berasal dari perkataan Jawa yang bermaksud sejarah atau riwayat.

<sup>14</sup> Drs. Teuku Ibrahim Alfian (1972/73), “Pengertian Kata Sejarah”, *Jebat*, bil. 2, Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 99. Lihat juga Pyan Husayn (1975), “Teori dan Metode Sejarah”, *Dewan Bahasa*, jil. 19, bil. 3, Mac 1975.

<sup>15</sup> Dr. Ernest Klein (1966), *A Comprehensive Etymologied Dictionary of the English Language*. Amsterdam: Elsevier Publishing Company. Lihat juga Meirē Weir Kay (1976), *Webster’s Collegiate Thesaurus*. USA: G. & C. Merriam Company Publisher, h. 402 dan *Oxford Student’s Dictionary of English*. London: Oxford University Press, h. 316.

Sejarah merupakan himpunan masa lalu yang diukur mengikut urutan masa dan perubahan yang telah berlaku. Ini bertepatan dengan apa yang dikatakan oleh Masudi seorang sejarawan Islam pada kurun ke-10M, bahawa sejarah adalah catatan yang terhimpun tentang keseluruhan ilmu pengetahuan manusia yang merupakan sains paling mulia.<sup>16</sup> Demikian juga seperti yang dicatatkan oleh Ibn Khaldun (1332-1406M) dalam karyanya *Muqaddimah* bahawa ilmu sejarah adalah catatan tentang watak masyarakat umat manusia, perjalanan nabi-nabi dan hal-ehwal pemerintahan yang bertujuan menjadi panduan dalam hal-ehwal agama dan dunia.<sup>17</sup> Bagi Imam Barnadib pula sejarah adalah jumlah perubahan kejadian-kejadian dan peristiwa-peristiwa dalam kenyataan di sekitar kita tentang perubahan-perubahan tersebut dalam masa lampau.<sup>18</sup>

Selain itu, terdapat beberapa perbezaan pandangan sejarawan barat mengenai sejarah seperti Benedetto Croce yang mengatakan sejarah itu adalah kisah mengenai kebebasan dan semua sejarah adalah semasa.<sup>19</sup> J. B. Bury menyatakan sejarah adalah sains, tidak kurang dan tidak lebih<sup>20</sup> dan R.G Collingwood pula menyebut seseorang ahli sejarawan mestilah menggambarkan kembali masa lalu di dalam akalnya sendiri.<sup>21</sup>

---

<sup>16</sup> Tarif Khalidi (1975), *Islamic Historiography: The Histories of Mas'udi*. Albany: State University of New York Press, h. 32.

<sup>17</sup> Ibn Khaldun (t.t), *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Ali Abd. Al-Wahid Wafi (ed), j.1. Qahirah: Dar al-Nahdah, h. 291.

<sup>18</sup> Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, h. 20.

<sup>19</sup> Muhd Yusof Ibrahim & Mahyuddin Haji Yahya (1968), *Sejarawan dan Pensejarahan: Tokoh dan Karya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 305.

<sup>20</sup> Muhd Yusof Ibrahim (1997), *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian dan Kaedah*, cet. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 11.

<sup>21</sup> R. G. Collingwood (1946), *The Idea of History*, c. 1. London: Oxford University Press, h. 282.

Dengan itu, penulis dapat menyimpulkan sejarah itu bukan sahaja catatan ataupun rekod mengenai sesuatu peristiwa yang telah berlaku pada masa lalu malah ia juga adalah suatu yang unik kerana dibataskan oleh tempat, keadaan, kebudayaan, anutan agama dan tempoh masa tertentu.

Manakala istilah “sumbangan” pula adalah kata terbitan yang berasal daripada perkataan “sumbang” yang menerima akhiran “an”. Kamus Dewan mendefinisikan sumbangan sebagai sesuatu yang diberikan sebagai bantuan (kepada keramaian dan lain-lain); bantuan atau pertolongan yang diberikan dan sokongan.<sup>22</sup> Bertepatan dengan tajuk kajian penulis, perkataan sumbangan digunakan untuk dikaitkan dengan usaha atau peranan yang dimainkan oleh Madrasah Idrisiah khususnya dalam bidang pendidikan Islam dengan memfokuskan sumbangan Ustaz Musa bin Zainuddin<sup>23</sup> sebagai sampel kajian.

---

<sup>22</sup> Hajah Noresah Baharom (2005), *op.cit*, h. 1540.

<sup>23</sup> Allahyarham Ustaz Musa Bin Zainuddin telah dilahirkan pada 19 April 1946 di Kampung Tebing Rebak, Teluk Intan, Perak. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Tebing Rebak pada 13.1.1952 sehingga darjah tiga dan meneruskan pelajaran di Government English School, Teluk Intan pada 18.1.1955. Kemudian, meneruskan pendidikan menengah di Sekolah Umum Tebing Rebak pada 3.1.1958 dan pada 14.2.1960 beliau meneruskan pelajaran agamanya dalam Darjah Lanjutan Agama Tapah. Atas kecenderungan minat yang mendalam terhadap ilmu agama, beliau telah meneruskan pengajiannya di Madrasah Idrisiah Kuala Kangsar dan sewaktu belajar di madrasah ini, beliau merupakan seorang yang pintar sehingga keistimewaannya itu telah melayakkan dirinya memperoleh biasiswa Almarhum Sultan Iskandar Shah. Sepanjang pengajian, beliau lulus dengan cemerlang sehingga dianugerahi Sijil Empat Thanawi. Bagi menyeimbangkan pengajian agama dan duniawi, beliau turut menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 1969 dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) pada tahun 1982. Setelah tamat peringkat menengah, beliau terus melanjutkan pengajiannya di Institusi Pengajian Ilmu-Ilmu Islam (IPI) pada tahun 1991 dalam program Diploma Pengurusan Perbandingan dan memantapkannya lagi dengan Tauliah Agama pada tahun berikutnya. Beliau memulakan tugasnya sebagai tenaga pengajar di Madrasah Idrisiah pada 9.6.1969 dan menjadi mudir madrasah pada 5.12.1985 hingga 19.4.1999 (meninggal dunia).

Perkataan “pendidikan” pula diambil daripada perkataan ‘didik’ yang bermakna pelihara, jaga (dengan berhati-hati) dan ajar. Apabila perkataan ini menerima imbuhan ‘pendidikan’ ia membawa maksud sesuatu yang dikaitkan dengan perihal mendidik atau mengasuh, melatih, membentuk serta menjaga sama ada dalam bentuk teori ataupun praktikal (amali).<sup>24</sup> Manakala dalam bahasa Inggeris, pendidikan disebut ‘*Education*’ yang berasal daripada cantuman dua bahasa Latin *e,ex* bererti keluar dan *ducere,duct-* bererti memimpin yang dapat diinterpretasikan sebagai mengumpul maklumat ke dalam diri bagi membentuk bakat.<sup>25</sup> Turut dijelaskan lagi, pendidikan berfungsi untuk menyerapkan ilmu pengetahuan ke dalam bentuk teori serta melakukan latihan dalam bentuk praktis bagi membentuk peribadi dan watak serta mencungkil bakat terpendam.<sup>26</sup> Dengan itu, Kamus Webster (*Webster’s Dictionary*) telah meringkaskan istilah tersebut menjadi suatu proses untuk mendapatkan disiplin mental dan moral daripada pendidikan dan arahan.<sup>27</sup>

Dalam bahasa Arab pula, terdapat beberapa istilah pendidikan digunakan seperti ‘*tarbiyah*’ yang berasal daripada perkataan ‘*rabba, yurabbi, rabban*’. Istilah ‘*rabba*’ bermaksud subur, ‘*yurabbi*’ ialah berkembang dan terjadi manakala perkataan ‘*rabban*’ pula bermaksud membaiki, memberi tugas, mentadbir, menjaga dan memelihara.<sup>28</sup> Ini ditekankan lagi dalam kamus Idris al-Marbawi bahawa pendidikan disebut dengan nama ‘*tarbiyah*’ iaitu kata terbitan bagi kata kerja ‘*rabba,*

---

<sup>24</sup> Hajah Noresah Baharom (2005), *op.cit* , h. 350.

<sup>25</sup> Joseph T. Shipley (1945), *Dictionary of Word Origins*. New York: The Philosophical Library, h. 144.

<sup>26</sup> Hj. Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 5.

<sup>27</sup> *Webster’s Unified Dictionary and Encyclopedia*, h. 1338.

<sup>28</sup> ‘Abd. Al-Rahman al-Ba’ni (1983), *Madkhal ala Tarbiyyah fi Dau’i al-Islam*. C. 2. Beirut: Maktabah al-Islam, h.7.

*yurabbi, tarbiyah* yang bermaksud mengasuh, mendidik atau memelihara.<sup>29</sup> Namun, kadang-kadang ia juga disebut *'ta'lim* yang berasal daripada perkataan *'allama* yang bererti mengajar. Sebutan ini amat bersesuaian dengan firman Allah yang berbunyi:

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا...

Maksudnya: Dan dia mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda-benda) seluruhnya...

Surah al-Baqarah, (2):31

Berbeza dengan pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas seorang intelektual dan ilmuan Islam kini, beliau lebih cenderung menggunakan istilah *"ta'dib"* berbanding *"tarbiyah"* mahupun *"ta'lim"*. Beliau menegaskan istilah *"ta'dib"* sangat berkait erat dengan ilmu. Ilmu tidak boleh diajar dan disampaikan kepada anak didik kecuali orang tersebut memiliki adab yang tepat terhadap ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang.<sup>30</sup> Dan dari pandangan penulis, pendidikan itu merupakan aktiviti perkembangan dan penyuburan pemikiran anak didik melalui pembelajaran sama ada secara formal mahupun tidak formal agar mereka mampu berperanan langsung dalam perkembangan manusia.

---

<sup>29</sup> Muhammad Idris Abd Rauf (1990), *Kamus Idris al-Marbawi*. Kuala Lumpur : Dar al-Fikr, h. 225.

<sup>30</sup> [Megaproyek Islamisasi Peradaban Syed M. Naquib Al-Attas](http://indrayogi.multiply.com), <http://indrayogi.multiply.com>, 29 Jun 2008.



Selain itu, para ilmuwan juga mempunyai pelbagai pandangan mengenai pendidikan. Antaranya John Dewey seorang ahli falsafah Amerika menyatakan pendidikan (*education*) ialah:

*“may be conceived either retrospectively or prospectively. That is to say, it may be treated as process of accomodating the future to the past or as an utilization of the past for a resource in a developing future”.*<sup>31</sup>

Ini bermaksud, pendidikan merupakan suatu proses untuk melahirkan kecenderungan asas yang berbentuk akliah dan perasaan terhadap alam manusia. Sebagaimana yang telah disebutkan oleh Horne seperti yang dipetik oleh John Dewey sebagai proses abadi bagi menyesuaikan perkembangan diri manusia dari segi rohani dan jasmani serta perasaan manusia terhadap Tuhan.<sup>32</sup> Kenyataan ini bertepatan sekali dengan apa yang dicatatkan oleh Plato, seorang ahli falsafah Yunani Klasik bahawa melalui proses pendidikan sahaja dapat membentuk individu yang berakhlak mulia.<sup>33</sup>

Pada umumnya pendidikan berlaku melalui tunjuk ajar, latihan dan indoktrinasi.<sup>34</sup> Sebagaimana Ducasse menakrifkan pendidikan sebagai proses mendidik iaitu memimpin keluar atau membawa keluar<sup>35</sup> dan pendefinisian beliau disokong oleh pendapat Mohamad Atiyyah al-Abrasyi sebagaimana yang dijelaskan:

---

<sup>31</sup> John Dewey (1944), *Democracy and Education: An Introduction to the Philosophy of Education*. New York: The Macmillan, h. 79.

<sup>32</sup> *Ibid.* lihat juga Abdul Halim el-Muhammady, *Pendidikan Islam (Falsafah, Disiplin Dan Peranan Mendidik)*. Kuala Lumpur: ABIM, h. 3.

<sup>33</sup> Mak Soon Sang (1996), *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd, h.5.

<sup>34</sup> Bermaksud perihal atau perbuatan menanamkan sesuatu doktrin sama ada fahaman, ajaran dan sebagainya ke dalam fikiran seseorang atau segolongan manusia.

<sup>35</sup> Hj. Abdullah Ishak (1995), *op.cit*, h. 9.

*“...pendidikan ialah mempersiapkan seseorang (anak didik) supaya ia dapat hidup dengan sempurna, bahagia, cinta kepada tanahair, kuat jasmaninya, sempurna budi pekertinya, sistematik pemikirannya, halus perasaannya, cekap dalam karyanya, bekerjasama dengan orang lain, indah ungkapannya, dalam tulisan dan lisannya dan tangannya melakukan pekerjaanya dengan baik”.*<sup>36</sup>

Abdul Halim mengukuhkan pernyataan tersebut dengan mengklasifikasikan pendidikan sebagai proses yang dilalui oleh anak didik melalui bimbingan yang dilakukan secara sengaja oleh si pendidik untuk membentuk keperibadian yang tertentu berdasarkan cita-cita dan falsafah hidupnya.<sup>37</sup>

Berdasarkan beberapa pengertian di atas, penulis berpendapat istilah pendidikan itu bukan sekadar proses pengajaran dan pembelajaran semata-mata malah ia meliputi usaha ke arah satu tujuan dan matlamat tertentu untuk melahirkan manusia yang berilmu pengetahuan.

Manakala perkataan “Islam” pula berasal daripada istilah Arab *salima* yang memberi makna penyerahan diri, ketaatan dan kepatuhan.<sup>38</sup> Perkataan Islam turut membawa kepada pengertian tunduk dan patuh kepada perintah Allah yang Maha Pemerintah dan larangannya tanpa bantahan. Dinamai agama kita ini dengan Islam kerana ia mengajarkan kepatuhan kepada Allah dan tunduk kepada perintahnya tanpa

---

<sup>36</sup> Mohammad Atiyyah al-Abrasyi (t.t), *Ruh al-Tarbiyyah wa al-Ta'lim*, c. 10. Mesir: Isa al-Bab al-Halabi, h.5.

<sup>37</sup> Abdul Halim bin Haji Mat Diah (1989), *Islam dan Demokrasi Pendidikan*, Cet. 1. Kuala Lumpur: ABIM, h. 44.

<sup>38</sup> Ahmad Mukhtar Umar, ed (1998), *al-Mu'jam al-Arabi al-Asasi*. Tunis: al-Munazzamah al-'Arabiah lil al-Tarbiah wa al-Thaqafah wa al-Ulum, h. 637-638.

membantah.<sup>39</sup> Islam juga bermaksud mengesakan Allah s.w.t. mematuhi, tunduk dan mengikhlaskan hati kepada-Nya serta mengimani pokok-pokok kebenaran tentang Islam.<sup>40</sup> Hal ini amat sesuai dengan ajaran Islam yang memerintah umatnya agar taat kepada segala perintah Allah dan menjauhi larangan Nya.<sup>41</sup> Setiap individu yang patuh kepada Allah s.w.t. adalah dikatakan Muslim.<sup>42</sup>

Haron Din berpendapat definisi Islam dari segi bahasa mempunyai pelbagai pengertian kerana perkataan Islam itu adalah nama tersirat dan kata kerjanya ialah perkataan “salam”. Perkataan ini mengandungi tiga makna:

- i. Tulen dan suci dari sebarang kecacatan zahir dan batin.
- ii. Damai, aman atau sejahtera.
- iii. Taat dan menyerah.<sup>43</sup>

**Manakala Islam dari sudut syarak bermaksud mentauhidkan Allah, patuh, tunduk dan jujur hati kepada-Nya serta beriman dengan ajaran Allah yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w daripada Allah s.w.t.<sup>44</sup> Islam mempunyai kaitan rapat dengan sistem dan prinsip-prinsip kehidupan yang telah dipertanggungjawabkan ke atas manusia untuk menegakkannya. Ia merangkumi seluruh aspek kehidupan insani meliputi hal-hal keagamaan, kehidupan duniawi, perhubungan sesama manusia, politik dan ekonomi. Hanya**

---

<sup>39</sup> Abu A'la al-Maududi (1985), *Asas-Asas Islam*, terj. H.O.K Rahmat, Selangor : Dewan Pustaka Fajar, h. 8.

<sup>40</sup> Abdullah Fatah Thayyarah (1996), *Ruh al-din al-Islam*, cet. 2. Mesyuarat Jemaah Abd Rahman, h. 17.

<sup>41</sup> Sayyid Abul A'la al-Maududi, *Towards Understanding Islam*, Khurshid Ahmad (terj.). Lahore: Islamic Publishing Limited, h. 2.

<sup>42</sup> Abu Urwah (1984), *Risalah Usrah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h. 34.

<sup>43</sup> Dr. Haron Din (1985), *Manusia Dan Islam*. Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia, h. 26.

<sup>44</sup> *Ibid.*

**agama Islam sahaja agama yang diredhai oleh Allah s.w.t untuk umat manusia.**

**Perkara ini telah ditegaskan oleh Allah s.w.t sebagaimana firmanNya:**

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِرِينَ ﴿٨٥﴾

*Maksudnya: Barangsiapa mencari agama selain agama islam, Maka sekali-kali tidaklah akan diterima (agama itu) daripadanya, dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi.*

**Surah Ali ‘Imran, (3) : 85**

Manakala apabila perkataan ‘pendidikan’ disebut bersekali dengan ‘Islam’ menjadi ‘Pendidikan Islam’ maka ia mempunyai maksud yang tersendiri. Makna pendidikan Islam dalam penulisan ini menurut Ismail Ab. Rahman ialah perkembangan pengajian fardhu ain dan agama seperti wujud di kelas-kelas al-Quran dan di sekolah-sekolah agama sejak dahulu hingga kini.<sup>45</sup>

Abdul Halim El-Muhammady mendefinisikan pendidikan Islam sebagai proses mendidik dan melatih akal, jasmani, rohani dan emosi manusia berasaskan sumber wahyu, al-Quran dan Sunnah, pengalaman Salaf al-Salih serta ilmuan muktabar untuk melahirkan insan soleh yang mampu memikul tanggungjawab

---

<sup>45</sup> Ismail Ab. Rahman (1993), Pendidikan Islam Malaysia. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 15.

khalifah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah s.w.t ke atas manusia supaya mengimarahkan alam ini untuk kebahagiaan hidupnya di dunia dan akhirat.<sup>46</sup>

Abdul Halim Haji Mat Diah dalam definisi lain mengatakan bahawa pendidikan Islam ialah proses yang dilalui anak didik dengan bimbingan yang dilakukan secara sengaja oleh pendidik untuk mencapai tujuan membentuk manusia muslim berdasarkan ajaran Islam.<sup>47</sup>

Seterusnya Burlian Somad turut menjelaskan lagi konsep pendidikan Islam dengan membuat huraian yang lebih jauh. Menurutnya pendidikan Islam ialah aktiviti atau kegiatan yang bertujuan membentuk individu menjadi seorang yang mempunyai personaliti yang baik dan bernilai tinggi menurut kacamata Islam. Pendidikan Islam juga membentuk rasa anak didik menjadi halus dan tajam sehingga mampu mencintai Allah yang ghaib serta berasa sangat takut mendapat azab Allah, berasa bertanggungjawab untuk mengangkat darjah hidup kaum melarat dan anak-anak yatim serta perasaan bertanggungjawab untuk membela agama Allah dengan rela mengorbankan apa saja yang dimiliki untuk keperluan perjuangan kerana Allah.<sup>48</sup>

**Berdasarkan pengertian di atas, maka jelaslah bahawa kajian ini  
berhubung dengan sejarah dan sumbangan yang diberikan oleh Madrasah  
Idrisiah dalam bidang pendidikan Islam. Penekanan utama akan diberikan**

---

<sup>46</sup> Abdul Halim El-Muhammady (1993), Pendidikan Islam Era 2020: Satu Penghayatan Menyeluruh. Dalam Khailani Abdul Jalil & Ishak Ali Shah (Ed.), *Pendidikan Islam Era Tasawur Dan Strategi*. Kajang: Bintang Jaya, h. 14

<sup>47</sup> Abdul Halim Haji Mat Diah (1989), *Islam dan Demokrasi Pendidikan*. Kuala Lumpur: ABIM, h. 44.

<sup>48</sup> Burlian Somad (1981), *Beberapa Persoalan Dalam Pendidikan Islam*. Bandung: al-Ma'arif, h. 21

**pada zaman pentadbiran Ustaz Musa bin Zainuddin untuk meneliti sumbangannya dalam pendidikan Islam. Huraian lanjut berhubung dengan pengertian dan sejarah pendidikan Islam ini akan disentuh oleh penulis di dalam bab dua.**

### **1.3 Perumusan Masalah**

Kajian ini akan memfokuskan secara langsung beberapa masalah yang timbul berkaitan tajuk yang ingin dikemukakan. Sebagai rumusan kepada permasalahan yang menjadi tumpuan utama kajian penulis adalah seperti yang digarapkan di bawah.

- i) Isu-isu pendidikan dan intelektual keagamaan di Tanah Melayu mula berkembang pesat pada abad ke-19 sama ada di Kelantan, Terengganu, Kedah, Johor hatta di negeri Perak sendiri. Institusi pendidikan di Perak menjalani proses pendidikan yang sama rata dengan yang dialami oleh institusi di negeri-negeri lain. Sepanjang penelitian penulis, penulis mendapati bahawa salah satu sejarah penubuhan sekolah agama pertama di Perak ialah Madrasah Idrisiah kerana ia adalah sebuah sekolah yang diasaskan oleh Kesultanan Perak Darul Ridzuan iaitu Almarhum Sultan Idris Mursyidil ‘Azam Shah. Sejarah penubuhan madrasah ini adalah berdasarkan kepada tiga period masa yang berbeza iaitu tahap kemunculan, kemunduran dan pemulihan. Di peringkat awal penubuhannya, madrasah ini telah memulakan pengajiannya dengan mengambil seramai 23 orang anak

yatim sebagai penuntut sulung dan kesemua mereka adalah lelaki. Sistem ini dijalankan di bawah pentadbiran sultan kerana sikap keperihatinan baginda untuk memberikan pendidikan keagamaan kepada rakyatnya dan juga sebagai salah satu niat awalan untuk mencetuskan gerakan pendidikan intelektual di Perak pada ketika itu. Disebabkan itu penulis merasakan perlu untuk mengetahui dan diteliti sejauh mana perkembangan madrasah Idrisiah dari dulu hingga kini.

ii) Dilihat dari aspek kurikulum pendidikan yang dilaksanakan oleh Madrasah Idrisiah pula terdapat perbezaan yang jelas dalam bentuk pendidikannya sama ada era sebelum merdeka dan era selepasnya. Ia dapat dilihat apabila sebelum kemerdekaan bentuk pendidikan di sekolah ini lebih mengutamakan bidang agama semata-mata tanpa memasukkan subjek-subjek yang bersifat akademik. Manakala selepas kemerdekaan, bentuk pendidikan di sekolah ini telah disusun semula iaitu para pelajar tidak hanya belajar dalam bidang agama sahaja malah, ditambah dengan pendidikan sekular yang baru yang lebih menekankan keperluan kerjaya dan semasa seperti ilmu geografi, matematik, sejarah dan sebagainya. Maka berdasarkan permasalahan ini, penulis merasakan perlu untuk diketahui dan diselidiki bentuk kurikulum yang dilaksanakan dalam dua era yang disebutkan tadi.

iii) Sumbangan ulama dan ilmuan merupakan tonggak kepada sesebuah negara. Antara ulama yang terkenal tanah air ialah Tok Kenali, Tuan Tabal, Haji Hussain Che Dol dan ramai lagi. Manakala ulama yang terkenal di negeri Perak pula boleh disebutkan seperti Syeikh Abdulah Fahim, Abu Bakar al-Baqir, Syeikh Muhammad Idris al-Marbawi dan antara tokoh yang menjadi

sampel kajian penulis ialah Haji Musa bin Zainuddin. Beliau merupakan tokoh ilmuan yang disegani di negeri Perak dan dikenali sebagai pelopor kepada pembaharuan di Madrasah Idrisiah. Pelbagai pembangunan yang dilaksanakan oleh beliau di sekolah ini malah lebih hebat lagi pemikiran beliau ada dinukilkan dalam bentuk penulisan, pengajaran dan perkhidmatan sepanjang hayatnya. Sumbangan beliau ini dirasakan amat perlu untuk ditonjolkan kepada masyarakat kerana ia tidak hanya dilihat dalam bentuk yang kecil sahaja bahkan berjaya membawa satu pembaharuan kepada sesebuah institusi pendidikan seperti Madrasah Idrisiah ini. Maka penulis merasakan kajian beliau ini memberi satu ilmu baru kepada masyarakat mengenai sumbangannya dalam bidang pendidikan Islam di Perak.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Terdapat beberapa objektif kajian ini dilakukan oleh penulis, antaranya untuk:

- 1) Menyelidik sejarah perkembangan dan tujuan didirikan Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar, Perak.



- 2) Meneliti apakah jenis dan bentuk pengajian di Madrasah Idrisiah sebelum dan selepas merdeka.
- 3) Mengkaji biografi dan sumbangan Ustaz Musa bin Zainuddin sebagai tokoh pendidik di Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar, Perak dalam bidang pendidikan Islam.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Berasaskan sorotan yang dilakukan, terdapat beberapa kajian yang hampir sama dengan kajian ini telah dilakukan oleh mereka terdahulu. Namun begitu masih terdapat beberapa kekurangan yang perlu diperbaiki dan diberi penambahan bagi melengkapkan kajian mereka agar terbentuknya sebuah catatan sejarah yang lengkap dengan tokoh pendidiknya yang begitu banyak berjasa dalam bidang pendidikan Islam.

Idea untuk melakukan penyelidikan ini muncul apabila penulis dapati masih tiada kajian mengenai sumbangan Ustaz Musa bin Zainuddin seorang tokoh yang banyak berjasa dalam melakukan anjakan paradigma di madrasah ini terutamanya dalam bidang pendidikan Islam. Usaha-usahanya kurang mendapat perhatian yang sewajarnya dari para pengkaji sejarah Islam tempatan.

Kelompongan inilah yang menarik minat penulis untuk menjalankan kajian mengenai perkembangan Madrasah Idrisiah dan sumbangan tokoh tersebut memandangkan masih ada generasi lama yang hidup sezaman dengan beliau untuk dijadikan sumber kepada penulisan ini. Segala data dan maklumat mengenai kajian

ini adalah warisan sejarah yang berharga serta penulis akan mendokumentasikannya sebagai bahan sejarah agar menjadi sebuah informasi kepada masyarakat dan ia tidak luput ditelan zaman.

### **1.6 Skop dan Batasan kajian**

Penyelidikan ini mempunyai skop dan batasan tertentu, antaranya:

- a) Penyelidikan ini dibuat khusus mengenai sejarah perkembangan Madrasah Idrisiah Bukit Chandan dari awal penubuhannya 1922 hingga 1999. Penentuan terhadap kajian ini melihat kepada 4 era iaitu peringkat kebangkitan (1917-1927), peringkat kegemilangan (1928-1969), peringkat malap (1970-1984) dan peringkat pemulihan (1985-1999). Beberapa perkara lain juga akan disebut dalam disertasi ini kerana ia bertepatan dengan tajuk kajian penulis untuk mengkaji sejarah dan sumbangan Madrasah Idrisiah dalam bidang pendidikan Islam. Skop kajian ini hanyalah dikhususkan kepada sekolah ini sahaja dan tidak melangkaui pensejarahan sekolah-sekolah lain sama ada ia menyumbang terhadap pensejarahan intelektual di Perak mahupun tidak.
- b) Skop pengkajian ini juga meliputi sumbangan yang dimainkan oleh seorang tokoh mudir bernama Ustaz Musa bin Zainuddin sebagai agen penyumbang di dalam mencetuskan pembaharuan akademik di dalam pendidikan Islam sama ada secara formal atau tidak formal di sepanjang

tempoh penglibatan beliau sebagai guru agama di Madrasah Idrisiah. Skop kajian ini melihat bahawa perlunya tokoh sampel ini kerana beliau juga adalah salah seorang agen penggerak di dalam mencetuskan idea pembaharuan di madrasah ini. Pensejarahan tentang biografi dan sumbangan beliau dilihat penting kerana turut terlibat sebagai guru di Sekolah Menengah Tsung Wah Persendirian dan Ghandi Memorial School, Pegawai Penerangan Agama di Jabatan Agama Islam Perak dan aktiviti beliau dalam bidang penulisan.

### **1.7 Kajian Literatur**

Pendidikan Islam amat sinonim dengan masyarakat Malaysia dan mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Dengan kemasukan Islam, pusat pengajian dan budaya hidup Islam mula berkembang dan antara institusi-institusi pengajian Islam yang ada umpamanya surau, pondok dan madrasah telah memainkan peranan yang amat besar sekali dalam memperkasakan ajaran Islam di rantau ini. Oleh itu, antara madrasah yang terkenal di Perak dan menjadi pilihan penulis untuk disingkap sejarah dan peranannya dalam bidang pendidikan Islam ialah Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar, Perak.

Berdasarkan kajian-kajian lalu, didapati penulisan mengenai Madrasah Idrisiah Bukit Chandan telahpun dilakukan oleh para pengkaji terdahulu. Perbincangan mereka adalah banyak menyentuh mengenai ruang lingkup sejarah, organisasi dan kurikulum pendidikan secara umumnya. Namun begitu, sumbangan

Ustaz Musa bin Zainuddin sebagai pelopor pembaharuan pendidikan ke atas Madrasah Idrisiah dan pendidikan Islam di Perak secara khusus tidak pernah lagi dikaji sama ada secara sepintas lalu mahupun secara mendalam.

Terdapat beberapa kajian menjurus mengenai perbincangan terhadap sejarah, organisasi, kurikulum pendidikan dan juga falsafah pendidikan khususnya di Perak telah pun diperbincangkan oleh beberapa orang sejarawan. Di antara mereka ialah Hasan Langgulung, Abdul Halim El-Muhammady, Haji Abdullah Ishak dan Mohd Yusuf Ahmad.<sup>49</sup> Tokoh-tokoh ilmuan ini membuat kajian kebanyakannya dianggap menyeluruh tentang institusi pendidikan Islam sama ada di peringkat pondok, madrasah, menengah dan institusi pengajian tinggi. Apa yang diusahakan kebanyakannya membabitkan pelbagai aspek yang agak terhad, seperti kajian lebih menumpukan kepada sejarah pengajian pondok dan pengajian tinggi tanpa banyak mengulas pengajian sistem madrasah di Alam Melayu. Walau bagaimanapun ada di kalangan ahli akademik contohnya Ahmad Hidayat Buang, Mohd Roslan Mohd Nor dan Luqman Abdullah<sup>50</sup> ada menjalankan pengkajian mengenai sistem madrasah di Malaysia tetapi kajian yang dikaji oleh mereka masih umum kerana lebih membincangkan perbezaan antara sistem pondok dan madrasah tanpa menghuraikan

---

<sup>49</sup> Maklumat lanjut boleh di dapati dalam Prof. Dr. Hasan Langgulung (1991), *Pendidikan Islam Menghadapi Abad Ke-21*. Shah Alam: HIZBI, Rujuk juga Abdul Halim El-Muhammady (1991), *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*. Selangor: Dewan Pustaka Islam, Haji Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Mohd Yusuf Ahmad (2002), *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya dan Abdullah Muhammad Zin, Zulkiplie Abd. Ghani dan Abdul Ghafar Hj. Don (2005), *Pendidikan Islam Di Malaysia Dari Pondok Ke Universiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>50</sup> Prof. Dr. Ahmad Hidayat Buang et.al (2008), *The Madrasah System in Malaysia: Its Contribution to the Nation and Challenges*. Dalam IAS-AEI International Conference on New Horizons in Islamic Area Studies: Islamic Scholarship Across Cultures and Continents, pada 22-24 November 2008.

salah sebuah madrasah yang wujud pada waktu itu dan ini memerlukan kupasan yang lebih lanjut.

Mohammad Redzuan bin Othman di dalam beberapa buku dan penulisan<sup>51</sup> membicarakan mengenai rekonstruksi Pendidikan Islam di Mekah ke dalam pendidikan Islam di Tanah Melayu. Penyelidikan yang dibuat mengenai perkara ini banyak dikupas dalam artikel-artikelnya dan salah satunya adalah mengenai Madrasah Idrisiah yang merupakan model institusi pendidikan yang terawal menggunakan sistem pendidikan Islam secara teratur dan terancang kerana empat orang daripada mudirnya mendapat pendidikan secara langsung dari Mekah. Kajian yang dilakukan oleh beliau dalam karangan-karangannya tadi banyak menekankan mengenai bagaimana pendidikan Islam di Mekah diadaptasikan ke dalam pendidikan Islam di Tanah Melayu, yang mana skop kajiannya lebih menjurus kepada perkara-perkara tersebut dan hanya menyebut secara minor berkenaan rujukan mengenai Madrasah Idrisiah. Maka penulis berpandangan apa yang dikatakan tentang Madrasah Idrisiah hanyalah menceritakan sekadar empat orang mudirnya yang mendapat pendidikan di Mekah. Dengan itu, penulis berasakan bahawa terdapat kelompongan lagi terhadap kajian yang beliau jalankan iaitu tidak menyebut mengenai tokoh-tokoh madrasah.

---

<sup>51</sup> Mohammad Redzuan bin Othman (1998), "The Role of Makka Educated Malay in the Development of Early Islamic Scholarship and Education in Malay" dalam *Journal of Islamic Studies*, v. 9:2, rujuk juga buku *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, "Malays, Islam and the Middle East before World War II: A critical Analysis on the Historical Sources", dalam Danny Wong Tze-Ken, Joseph M. Fernando, Mardiana Nordin dan Sivachandralingham Sundra Raja (2006), *Sejarah Sumber dan Pendekatan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Manakala Wan Mohd Nor Wan Daud dalam buku karangannya<sup>52</sup> mengenai pendidikan Islam memberikan banyak penjelasan mengenai idea-idea dan amalan pendidikan salah seorang cendekiawan Islam terulung masa kini, Prof. Dr Syed M. Naquib al-Attas. Beliau turut mengetengahkan pelbagai bukti dan hujah bahawa al-Attas yang bertanggungjawab menemu dan menghuraikan gagasan kependidikan dan kebudayaan terpenting untuk umat Islam zaman ini iaitu Islamisasi ilmu pengetahuan semasa dan pendidikan. Menurut Wan Mohd Nor Wan Daud lagi, konsep ilmu telah dijadikan kunci utama oleh Syed M. Naquib Al-Attas dalam usaha beliau untuk membina individu yang baik atau sempurna yang juga merupakan tujuan atau matlamat pendidikan itu sendiri. Oleh itu, sepanjang pengamatan penulis berasa konsep ilmu tersebut turut dimanifestasikan dalam institusi pendidikan Islam termasuklah Madrasah Idrisiah.

Seterusnya, Syed M. Naquib Al-Attas<sup>53</sup> sendiri merumuskan bahawa konsep ilmu itu mempunyai pelbagai aspek atau unsur antaranya definisi ilmu, tujuan ilmu atau matlamat pendidikan dan konsep-konsep yang berkaitan dengan konsep ilmu. Al-Attas turut mengulas tujuan pendidikan adalah untuk melahirkan manusia yang baik dalam pengertian yang menyeluruh meliputi kehidupan spiritual dan material. Menurutnya lagi, perhatian penuh terhadap individu merupakan sesuatu yang sangat penting kerana tujuan utama dalam perspektif Islam adalah untuk individu itu sendiri. Ini berikutan kedudukan manusia sebagai agen akhlak yang mana ia perlu

---

<sup>52</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), *Falsafah Dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

<sup>53</sup> Syed M. Naquib al-Attas (1993), *Islam and Secularisme*. Kuala Lumpur: ISTAC (International Institute of Islamic Thought and Civilization), h. 60.

menentukan sendiri untuk dimasukkan ke dalam syurga atau neraka pada hari kebangkitan kelak.

Penulis juga melakukan beberapa bahan sorotan perpustakaan merujuk khas kepada bahan latihan ilmiah yang ditulis oleh Taufik Shuhaimi bin Ahmad<sup>54</sup> dan Rabiaton Laila binti Mohd Yaacob.<sup>55</sup> Isi-isi kandungan yang telah dijalankan oleh mereka contohnya melalui Taufik Shuhaimi bin Ahmad kebanyakannya hanya menekankan mengenai sistem pendidikan Islam yang telah dilaksanakan oleh Madrasah Idrisiah telah terbukti mampu melahirkan manusia yang seimbang. Beliau mengatakan ramai alumni sekolah ini telah berjaya bukan sahaja dalam bidang agama semata-mata tetapi mereka turut mempunyai kerjaya cemerlang serta mampu memenuhi keperluan semasa masyarakat dan negara seiring ledakan maklumat khususnya sains dan teknologi.

Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Rabiaton Laila binti Mohd Yaacob hanya meneliti sejarah perkembangan Madrasah Idrisiah sebelum dan selepas merdeka serta menumpukan perhatian terhadap sistem pendidikan Islam dalam era globalisasi dan kesannya telah melahirkan para penuntut yang lengkap dengan ilmu duniawi di dada. Kajian ini juga banyak menceritakan secara ringkas mengenai sumbangan madrasah kepada masyarakat setempat dalam pelbagai bidang kehidupan

---

<sup>54</sup> Taufik Shuhaimi bin Ahmad (1998), *“Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar: Satu Kajian dari Segi Sejarah Penubuhan, Perkembangan dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam”*. Kertas Projek, Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>55</sup> Rabiaton Laila binti Mohd Yaacob (2002), *“Madrasah Idrisiah: Sejarah Penubuhan, Peranan dan Sumbangannya Terhadap Masyarakat Setempat”*. Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.

serta tidak mengait dan menerangkan peranan tokoh-tokoh yang banyak berjasa dalam bidang tersebut secara terperinci. Kekurangan yang dibuat oleh kedua-dua pengkaji ini ialah mereka tidak menekankan tokoh yang dikaji secara detail begitu juga mengenai perkembangan dari sudut kurikulum dan kokurikulum yang diterapkan oleh Madrasah Idrisiah tidak begitu mendalam.

Penulis juga mendapati bahawa terdapat beberapa penulisan lain yang dilakukan oleh tokoh-tokoh sejarawan terdahulu yang mana salah satunya yang terdapat dalam “Suara Majlis”, Tajuddin Saman dan Ab. Manaf Haji Ahmad, Raja Ahmad Shalaby dan oleh Arkib Negara Malaysia<sup>56</sup> yang mana penulisan-penulisan ini hanya menekankan mengenai Haji Abdullah Fahim sebagai tokoh mudir terhebat dalam era pertama Madrasah Idrisiah. Ketokohan dan sumbangan beliau kepada madrasah ini sangat banyak sehingga beliau menjadi salah seorang ulama dan sejarawan yang sentiasa disebut-sebut hingga kini. Tetapi amat menyedihkan apabila didapati tokoh Ustaz Musa bin Zainuddin yang turut menyumbang sewaktu proses pemulihan selepas era kemerosotan Madrasah Idrisiah tidak dibincangkan. Oleh sebab itu, penulis mengambil pendekatan bahawa beliau perlu ditonjolkan kepada masyarakat kerana sumbangannya yang besar dalam bidang pendidikan Islam tidak patut dilupakan.

---

<sup>56</sup> Sila rujuk “Mudir Madrasah Idrisiah Yang Disegani: al-Allamah Syeikh Abdullah Fahim”, *Suara Majlis*, bil. 7, April 1983, rujuk juga Tajuddin Saman dan Ab. Manaf Haji Ahmad (2005), *Tokoh-tokoh Agama dan Kemerdekaan di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Raja Ahmad Shalaby et. al (2004), *Tokoh-tokoh Guru Nusantara*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, *Haji Abdullah Fahim: Ketokohan dan Sumbangannya*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.



Daripada tinjauan dan pembacaan yang telah dilakukan oleh penulis mengenai Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa masih terdapat kekosongan kajian mengenai pembentangan sumbangan yang dimainkan oleh Ustaz Musa bin Zainuddin iaitu seorang mudir yang turut bertugas sebagai pendidik di Madrasah Idrisiah, sering dilupakan oleh kebanyakan pengkaji moden untuk diketengahkan. Penerangan mengenai pedagogi dan kurikulum yang dilaksanakan di Madrasah Idrisiah sebelum dan selepas merdeka juga tidak diulas secara terperinci kerana dalam kedua-dua era ini terdapat perbezaan kurikulum yang dilaksanakan oleh madrasah. Lantaran itulah penulis merasakan bahawa tanggungjawab ini harus dipikul dan diberikan perhatian oleh penulis.

### **1.8 Metode Penyelidikan**

Perkataan metodologi berasal daripada bahasa Yunani Kuno yang terdiri daripada dua perkataan iaitu "*Methodos*" yang bererti jalan atau cara dan "*Logos*" bermaksud pengertian sebagai ilmu mengenai sesuatu. Dalam bahasa Inggeris pula disebut sebagai "*Method*" yang bermakna sistem, aturan, cara membuat atau kaedah.<sup>57</sup> Dalam Kamus Dewan pula mendefinisikan metode kepada dua iaitu pertama, cara melakukan sesuatu, sistem dan kedua memberi erti buku pelajaran.<sup>58</sup>

---

<sup>57</sup> Khalid M. Hussain (1999), *Kamus Dwibahasa*. Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 781.

<sup>58</sup> Hajah Noresah Baharom et.al (2002), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 887.

Penyelidikan ialah usaha untuk mencari penyelesaian terhadap sesuatu persoalan dengan menggunakan disiplin ilmiah. Dengan penyelidikan ilmiah, metodologi bererti tatacara yang teratur yang digunakan oleh manusia untuk menambah ilmu pengetahuan baru.<sup>59</sup> Selain itu penyelidikan juga merujuk kepada kajian yang serius dan terperinci terhadap sesuatu subjek. Tujuannya ialah untuk memperoleh fakta-fakta terbaru, kaedah-kaedah saintifik ataupun untuk menguji sesuatu idea.<sup>60</sup>

Pada dasarnya bersesuaian dengan objek kajian penulis, kajian ini dirangka khusus menggunakan dua bentuk kaedah utama iaitu metode pengumpulan data dan penganalisaan data yang biasa digunakan dalam menghasilkan sebuah disertasi atau tesis.

### **1.8.1 Metode Pengumpulan Data**

**Data ialah butir atau maklumat yang diketahui atau yang dikumpulkan tentang sesuatu dan dapat dijadikan asas untuk membuat kajian.<sup>61</sup> Termasuk dalam apa yang dimaksudkan dengan data tersebut adalah perkataan, surat, rajah, carta, kertas undi, bacaan meter air dan sebagainya<sup>62</sup>. Untuk mendapatkan data bagi melaksanakan kajian ini, penulis akan menggabungkan**

---

<sup>59</sup> Ahmad Mahdzan Ayob (1985), *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 3.

<sup>60</sup> Keontranigrat (1986), *Metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: P.T Gramedia, h. 7.

<sup>61</sup> Noresah Binti Baharom *et al.* (2002), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 275.

<sup>62</sup> Mohd Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 63-64

**beberapa metode dengan melakukan dua bentuk penyelidikan utama iaitu Penyelidikan Perpustakaan (*Library Research*) dan Penyelidikan Lapangan (*Field Research*).**

### **1.8.1.1 Penyelidikan Perpustakaan.**

#### **1.8.1.1.1 Metode Dokumentasi**

Metode ini merupakan satu kaedah pengumpulan data yang berbentuk teori dan konsepsi dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang diperolehi yang berkaitan dengan tajuk kajian. Penulis telah menggunakan metode ini yang kebanyakannya bergantung pada bahan primer dan sekunder. Pemilihan yang rapi telah dibuat terhadap bahan-bahan primer dan sekunder yang bergantung sepenuhnya dengan autoriti yang dimiliki oleh kedua-dua bahan yang terpilih. Metode ini digunakan oleh penulis kerana ianya berkaitan dengan sistem ethos Islam, peranan institusi pendidikan Islam, sejarah hidup tokoh yang dikaji dan sumbangan yang dimainkan oleh beliau. Antara bahan-bahan primer yang digunakan ialah karya hasil peninggalan tokoh, jurnal terbitan madrasah dan koleksi simpanan individu untuk memperolehi data-data yang diperlukan.

Manakala untuk bahan sekunder pula, penulis telah membahagikan kepada beberapa jenis yang utama seperti:

- 1) Bahan kajian yang ditulis oleh tokoh-tokoh pendidikan Islam menyentuh persoalan institusi pendidikan secara umum dan konsep pendidikan Islam secara khusus.
- 2) Bahan-bahan rujukan merangkumi buku-buku, jurnal akademik, jurnal sejarah, majalah, kertas kerja, disertasi dan kamus.

Untuk memperoleh bahan-bahan tersebut penulis menggunakan perkhidmatan perpustakaan yang terdapat di dalam kampus Universiti Malaya mahupun di mana-mana universiti yang berkaitan seperti Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Kuala Kangsar, Pusat Islam, Perpustakaan Tun Sri Lanang dan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Dapatan daripada sumber-sumber tersebut penulis gunakan dalam menghuraikan definisi tajuk dalam bab satu dan menghuraikan fakta di dalam bab dua kajian ini.

#### **1.8.1.2 Penyelidikan Lapangan.**

Dalam metode ini, penulis menggunakan tiga kaedah utama iaitu kaedah temu bual, observasi dan pensejarahan. Penulis melakukan penelitian dengan cara mengumpul maklumat dan data yang berkaitan dengan isu yang sedang dibincangkan dan kemudiannya penulis membuat pentafsiran terhadap data-data dan maklumat yang telah dikumpulkan. Data-data dan maklumat yang telah di peroleh itu adalah didapati daripada sumber-sumber primer dan sekunder.

*a) Metode Temu bual*

Metode ini merupakan salah satu metode yang penting digunakan oleh penulis untuk mendapatkan maklumat. Tujuan utama metode ini adalah untuk mendapatkan maklumat dan data-data yang penting daripada informan dan responden dalam memberikan jawapan kepada soalan-soalan yang diutarakan mengikut keperluan kajian.

Metode temu bual ini dijalankan secara formal dan tumpuan utama metode jenis ini adalah untuk mengutarakan soalan-soalan kepada informan yang menjadi sampel kajian penulis. Penulis telah mengadakan temu janji dengan mereka yang terlibat seperti Mudir Madrasah Idrisiah, timbalan Mudir, guru-guru, ahli-ahli jawatankuasa dan alumni Madrasah Idrisiah yang terpilih. Kaedah ini digunakan bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data terkumpul melalui temu bual.<sup>63</sup> Melalui kaedah ini penulis tidak hanya bergantung kepada maklumat yang diberikan oleh mudir Madrasah sahaja, malah merujuk kepada guru-guru lain supaya data yang diperoleh adalah tepat dan konsisten.

*b) Metode Observasi*

Metode pemerhatian ini merupakan kaedah penglibatan penulis secara langsung di Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar, Perak. Melalui tinjauan ini, penulis dapat melihat gambaran yang jelas mengenai sekolah dan

---

<sup>63</sup> Janesik Velerie J. (1994), "The Dance of Qualitative Research Design" dalam Ed. Norman K. Denzin Yvonna S. Lincoln, *Handbook of Qualitative Research*. London: Sage Publication, h. 214-215.

suasana perkembangan sistem pendidikan di Madrasah Idrisiah. Kaedah ini bakal membantu penulis untuk menilai kebenaran dan kesahihan maklumat yang diperoleh daripada metode dokumentasi dan temu bual.

### *c) Metode Sejarah*

Metode pensejarahan<sup>64</sup> yang akan digunakan oleh penulis dalam kajian ini mengandungi dua perspektif utama iaitu sosio-historis dan *critical methode*. Sosio-historis iaitu menggunakan kronologi dan latar belakang sejarah untuk mengetahui asal usul sesuatu perkembangan manakala *critical methode* adalah usaha memetik dan mengkritik sebarang pendapat dan nilai yang terhasil daripada peristiwa sejarah yang dipilih.<sup>65</sup> Metode ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data-data yang mempunyai nilai-nilai sejarah.<sup>66</sup> Jika dirujuk kepada kajian penulis, sejarah penubuhan Madrasah Idrisiah adalah hasil maklumat yang menggunakan metode jenis ini.

## **1.8.2 Metode Analisa Data**

Kaedah analisis ini untuk menerangkan bagi memudahkan pemahaman apa-apa konsep yang susah difahami (abstrak). Memecahkan tema kajian kepada komponen kecil yang dilihat pada faktor sebab musabab serta menghubungkaitkan fakta atau objek kajian dengan fakta-fakta lain untuk hasil yang lebih holistik.

---

<sup>64</sup> Maklumat lanjut mengenai pendekatan ini boleh didapati dalam Muhammad Yusoff Hashim (1992), *Pensejarahan Melayu: Kajian Terhadap Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur, h.1-3 dan Muhammad Natsir Mahmud (1997), *Orientalisme: Al-Quran Di Mata Barat*. Semarang, h. 68-69.

<sup>65</sup> Gufran A. Mas'adi (1997), *Pemikiran Fazlur Rahman Tentang Metodologi Pembaharuan Hukum Islam*. Jakarta, h. 62-68.

<sup>66</sup> Imam Barnadid, Prof (1982), *Arti dan Metode sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: FIP-IKIP, h. 57.

Apabila segala data yang diperlukan di peroleh maka data tersebut diolah dan di analisa melalui metode-metode berikut:

#### *8.2.1 Metode Biografi Tokoh*

**Kaedah analisis biografi yang bakal meneliti secara terperinci latar belakang pendidikan seseorang tokoh terpenting demi untuk mengetahui asas utama sesuatu aliran pemikiran yang dipegangnya,<sup>67</sup> dan dalam kontek kajian ini penumpuan khusus akan diberikan kepada analisis biografi tokoh Ustaz Musa bin Zainuddin sebagai penyumbang dalam pendidikan Islam.**

#### *8.2.2 Metode Induktif*

Kaedah ini bermaksud suatu cara bagi menganalisa data melalui pola berfikir untuk mencari pembuktian dari dalil-dalil yang bersifat khusus kepada kesimpulan yang bersifat umum. Penulis menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan data menyeluruh dalam bab dua iaitu mengenai pendidikan Islam.

#### *8.2.3 Metode Deduktif*

Menganalisa data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari dalil yang bersifat umum untuk sampai kepada hal-hal yang khusus. Dalam kajian ini penulis menganalisis secara terperinci mengenai konsep pendidikan Islam, corak dan metode pengajaran yang digunapakai, menilai kesan dan sumbangan institusi ini kepada pendidikan Islam di Perak. Penulis menggunakan kaedah ini semasa menganalisis data dalam bab tiga dan bab empat.

---

<sup>67</sup> Kim Keum Hyun (1995), *Konsep Jadi Orang dalam masyarakat Melayu : satu kajian kes di Negeri Terengganu*, Tesis Sarjana Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 4-5.

## **1.9 Susunan Bab**

Penulis membahagikan kajian ini kepada tiga klasifikasi utama iaitu:

### **a. Bahagian Pendahuluan**

Bahagian ini mengandungi halaman judul, abstrak, penghargaan, isi kandungan, jadual transliterasi huruf dan senarai singkatan.

### **b. Bahagian Isi**

Penulis dalam membahaskan kajian ini, telah membahagikan penulisan kepada lima bab. Di dalam setiap bab terkandung sub-sub yang mengandungi perbincangan tertentu berdasarkan kepada kajian yang dibuat.

Bab Pertama.

Penulis menghuraikan latar belakang masalah kajian, skop kajian, kepentingan kajian, objektif kajian, kajian literatur, metodologi penyelidikan dan susunan penulisan. Secara ringkasnya bab ini adalah permulaan kepada bab-bab seterusnya.

Bab Kedua.

Bab ini merupakan penjelasan kepada bab pertama. Ia membahaskan landasan teori bagi kajian ini. Penulis membincangkan mengenai sejarah awal pendidikan Islam, sejarah pendidikan Islam di Alam Melayu, perkembangan pendidikan Islam di negeri Perak, perkembangan pendidikan Islam di Tanah Melayu sebelum dan selepas



merdeka dan golongan berpendidikan agama dan penglibatan kaum muda dalam perkembangan pendidikan Islam.

Bab Ketiga.

Bab ini merupakan lanjutan kepada landasan teori. Di sini penulis membincangkan mengenai Madrasah Idrisiah yang merangkumi sejarah penubuhan, tujuan penubuhan, mudir-mudir madrasah, sistem pentadbiran, sistem pendidikan, lokasi sekolah, falsafah pendidikan dan visi madrasah, piagam pelanggan dan cabaran yang dihadapi

Bab Keempat

Merupakan bab analisa. Penulis akan melakukan analisis kajian tentang latar belakang dan riwayat hidup Ustaz Musa bin Zainuddin, pendidikan dan pekerjaan serta sumbangan yang dilakukannya terhadap pendidikan Islam di Madrasah Idrisiah khususnya dan di Perak umumnya.

Bab Kelima

Bab ini merupakan kesimpulan kepada kajian yang dilakukan. Dalam bab ini penulis melakukan analisis secara keseluruhan tentang permasalahan yang dikaji. Ia juga merupakan kesimpulan kepada bab-bab lain. Di dalamnya terdapat juga saranan dan pandangan yang bakal diperolehi daripada kajian ini dan seterusnya penutup kepada keseluruhan kajian.

**c. Bahagian Penutup**

Bahagian ini merupakan bab terakhir dalam penulisan ini. Dalam bahagian ini dimuatkan bibliografi dan lampiran.

## **BAB 2:**

### **LATAR BELAKANG SEJARAH PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA**

#### **2.7 Sejarah Awal Pendidikan Islam**

Pendidikan adalah suatu yang amat penting dalam Islam dan kehidupan manusia. Ini dapat dilihat apabila ayat al-Quran pertama diturunkan adalah menyentuh tentang pendidikan iaitu surah al-Alaq. Pendidikan dalam Islam bermula sejak zaman Rasulullah SAW lagi yang berbentuk penyebaran agama Islam iaitu

melalui penerangan daripada baginda sendiri kepada orang ramai tentang wahyu yang diturunkan Allah SWT melalui Jibril a.s untuk dijadikan panduan kepada seluruh alam.

Dalam pensejarahan Islam, sebahagian sarjana berpendapat pendidikan bermula pertama kali di rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam di Bukit Sofa, Makkah pada tahun 610 M dan berkembang sedikit demi sedikit di Kota Makkah. Perkembangan pada peringkat awal ini agak lambat disebabkan banyak gangguan dan halangan daripada musuh-musuh Islam. Walau bagaimanapun, dengan hijrah Rasulullah ke Madinah yang diikuti kemudiannya oleh umat Islam yang lain menjadikan proses perkembangan pendidikan Islam bertambah baik dan pesat.<sup>68</sup>

### **2.7.1 Pendidikan Islam Pada Zaman Rasulullah**

Pada zaman Rasulullah, pendidikan Islam memperlihatkan tahap-tahap kemajuan pemikiran yang berjaya mengubah sikap, pandangan, pegangan hidup dan perlakuan manusia. Pendidikan tersebut memperlihatkan garis pemisah antara natijah pendidikan Islam yang berteraskan tauhid dengan pendidikan Jahiliyyah Arab yang berasaskan pemikiran logik dan bermatlamatkan keduniaan semata-mata. Dengan

---

<sup>68</sup> Zawawi Hj. Ahmad (1984), "Struktur Pendidikan Islam", *Jurnal Pendidikan Islam*, bil. 1. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), h. 172.

kata lain. Pendidikan yang berlangsung pada zaman ini lebih menumpukan kepada pembentukan individu mukmin dalam rangka pembentukan ummah.<sup>69</sup>

Penurunan ayat al-Quran sewaktu baginda berada di Gua Hira' memperlihatkan bermulanya titik tolak pendidikan Islam kepada manusia. Ini dibuktikan apabila, al-Quran berperanan sebagai asas pemikiran manusia telah menyusun semula peraturan dan kepercayaan untuk mentauhidkan Allah SWT dan menolak segala kuasa selain-Nya. Pendidikan Islam pada zaman Rasulullah ini terbahagi kepada dua peringkat; pertama peringkat Makiyyah yang mengalami dua tahap perkembangannya iaitu secara sembunyi dan terang-terangan, manakala kedua adalah peringkat Madaniyyah.<sup>70</sup> Pada peringkat awal penyebaran Islam, Rasulullah telah menyampaikannya secara sulit iaitu hanya kepada orang-orang terdekat dengan baginda seperti isterinya Saidatina Khadijah r.a serta sahabat baginda Saidina Abu Bakar, Sayidina Ali bin Abi Talib dan Zaid bin Thabit. Dakwah yang dilakukan secara sembunyi dan tidak secara terang-terangan adalah untuk mengelak daripada kafir Quraisy yang pada waktu itu ingin membunuh baginda setelah mengetahui Rasulullah adalah seorang Rasul<sup>71</sup>. Seperti mana firman Allah SWT:

وَأَنْذِرْ عَشِيرَتَكَ الْأَقْرَبِينَ ۖ وَاحْفَظْ جَنَاحَكَ لِمَنِ اتَّبَعَكَ مِنَ  
الْمُؤْمِنِينَ

<sup>69</sup> Ahmad Mohd Salleh (1997), *Pendidikan Islam, Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, h. 53.

<sup>70</sup> *Ibid.* lihat juga Muhammad Ahmad al-'Adawi (1979), *Da'wah al-Rusul ila Allah Ta'ala*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, h. 371.

<sup>71</sup> Dr Soekarno dan Drs. Ahmad Supardi, *Sejarah dan Falsafah Pendidikan Islam*. Bandung: Penerbit Angkasa, h. 30.

*Dan berilah peringatan kepada kerabat-kerabatmu yang terdekat.  
Dan rendahkanlah dirimu terhadap orang-orang yang mengikutimu,  
yaitu orang-orang yang beriman.*<sup>72</sup>

Surah al-Syu'arak (26): 214-215

Oleh sebab pendidikan Islam yang disampaikan melalui dakwah Rasulullah SAW pada masa itu adalah secara rahsia, baginda telah memilih rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam di Bukit Safa sebagai markaz pendidikan<sup>73</sup> serta membuka unit usrah bagi kaum muslimin pada ketika itu. Pada peringkat awal, unit usrah ini bilangannya adalah kecil tetapi semakin bertambah dari semasa ke semasa sehingga menjadikannya seramai 38 orang yang terdiri daripada bangsawan Quraisy, pedagang serta hamba sahaya.<sup>74</sup> Cara yang digunakan untuk menyebarkan ajaran Islam kepada sahabat adalah melalui ceramah, berdialog, berdiskusi dan bersoal jawab mengenai sesuatu perkara yang berkaitan dengan akhlak, muamalat dan ibadah. Baginda juga menjelaskan kepada sahabat mengenai wahyu yang diterima dan memberi penerangan mengenai hal-hal yang berkaitan dengannya. Kurikulum yang diajarkan oleh Rasulullah berasaskan al-Quran itu sendiri yang diturunkan oleh Allah SWT secara berperingkat-peringkat mengikut suasana dan keperluan kaum muslimin pada ketika itu.<sup>75</sup>

Setelah seruan secara sulit kepada Bani Abdul Mutalib kurang berkesan, Nabi dan para sahabat bersepakat meningkatkan kegiatan dakwah secara terang-terangan berdasarkan firman Allah SWT:

---

<sup>72</sup> Al-Quran, Surah al-Syu'arak (26): 214-215.

<sup>73</sup> Dr Soekarno dan Drs. Ahmad Supardi, *op.cit*, h. 31.

<sup>74</sup> Ahmad Mohd Salleh (1997), *op.cit*, h. 54.

<sup>75</sup> Dr Soekarno dan Drs. Ahmad Supardi, *op.cit*, h. 31.

فَأَصْدَعْ بِمَا تُؤْمَرُ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ ﴿٩٤﴾ إِنَّا كَفَيْنَاكَ الْمُسْتَهْزِئِينَ ﴿٩٥﴾

*Maka sampaikanlah olehmu secara terang-terangan segala apa yang diperintahkan (kepadamu) dan berpalinglah dari orang-orang yang musyrik. Sesungguhnya kami memelihara kamu daripada (kejahatan) orang-orang yang memperolok-olokkan (kamu),<sup>76</sup>*

Surah al-Hijr (15): 94-95

Berdasarkan firman Allah di atas, pendidikan Islam mula dilaksanakan secara umum kepada seluruh masyarakat Arab ketika itu. Jika sebelum ini rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam dijadikan sebagai pusat perkembangan Islam namun setelah turunnya ayat tersebut Islam telah meluas di Mekah. Oleh sebab kurikulum pendidikan Islam pada tahap ini lebih tertumpu pada pembentukan aqidah tauhid maka, isi pelajaran yang disampaikan oleh Rasulullah lebih menekankan kepada menolak segala adat istiadat, kepercayaan dan cara beribadah kaum Jahiliah yang mensyirikkan Allah SWT dan berpaling kepada ajaran Islam yang sebenar. Selain itu Rasulullah bukan sahaja mengajar mengenai masalah keagamaan tetapi juga membincangkan berkaitan kehidupan secara menyeluruh sama ada dari segi individu, kemasyarakatan mahupun pemerintahan.<sup>77</sup>

Pendidikan Islam semakin berkembang maju apabila berlakunya penghijrahan Rasulullah SAW dari Mekah ke Madinah dan masjid dijadikan sebagai pusat pendidikannya yang pertama. Pada waktu ini, masjid mempunyai fungsi dan peranan yang luas sebagai tempat untuk menuntut ilmu, mengajar, beribadah, tempat

<sup>76</sup> Al-Quran, Surah al-Hijr (15): 94-95.

<sup>77</sup> (1971), Yayasan Penyelenggaraan Penterjemahan/ Penafsir al-Quran. Jakarta: Department Agama Republik Indonesia, h. 399

menyelesaikan masalah rakyat, kerajaan dan ia juga sebagai pusat perlindungan dari serangan musuh serta tempat pengajian kanak-kanak.<sup>78</sup> Selain itu, masjid nabi di Madinah menyediakan sistem *halaqah* dan *usrah* untuk melaksanakan pendidikan Islam. Dalam sistem *halaqah*, para sahabat mengelilingi Rasulullah SAW yang sedang berkhotbah dan selepas itu akan berlangsung soal jawab antara mereka dengan baginda tentang isu-isu yang dibangkitkan. Manakala sistem *usrah* pula dijalankan oleh sahabat secara berkelompok dan kadang kala tidak semua daripada mereka berkesempatan untuk mendengar pidato Rasulullah di masjid.<sup>79</sup> Dengan itu, dapat di simpulkan bahawa pendidikan Islam di Madinah ini telah menjadi asas kepada pendidikan Islam zaman tabiin dan zaman kegemilangan Islam di Baghdad dan Damsyik.

### **2.7.2 Pendidikan Islam Zaman Khulafa'**

Pemerintahan Khulafa al-Rasyidin (11-40H/ 632-661M) yang diterajui oleh empat orang sahabat Rasulullah SAW bukan sahaja bertindak sebagai *Uli Amr* yang memelihara kestabilan dan keselamatan dalam negara bahkan memberi penekanan yang begitu intensif terhadap perkembangan ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam.<sup>80</sup>

---

<sup>78</sup> Prof. Dr. Ahmad Shalaby (1974), *Sejarah Pendidikan Islam*. Singapura: Pustaka Nasional, h. 74. Lihat juga "Masjid Sebenarnya Untuk Apa", *Dewan Budaya*, April 1991, h. 4.

<sup>79</sup> Ahmad Mohd Salleh (1997), *op.cit*, h. 57.

<sup>80</sup> *Ibid*, h. 60.

Khalifah pertama, Abu Bakar as-Siddiq (632-636M) bukan sahaja memelihara keutuhan negara dari kehancuran akibat tindakan liar orang-orang munafik dan musuh-musuh Islam, tetapi turut memberi perhatian berat terhadap ilmu pengetahuan. Beliau bukan sahaja mengajak umat Islam mempelajari dan menghayati al-Quran serta Sunah Rasulullah SAW bahkan bertindak mengumpul dan menulis semula ayat-ayat al-Quran dalam sebuah mashaf. Usaha ini dilakukan bagi menjamin supaya isi kandungan al-Quran tidak hilang dan lenyap ekoran kematian penghafaz-penghafaz al-Quran kerana syahid di medan peperangan.<sup>81</sup>

Begitu juga pada zaman Khalifah Umar al-Khattab (636-646M), beliau juga memberi perhatian terhadap perkembangan ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam. Menurut ahli sejarah, seluruh Semenanjung Tanah Arab, Farsi, Syam dan Mesir yang merupakan wilayah kerajaan Islam semasa pemerintahannya telah dibina masjid-masjid dan surau sebagai tempat ibadah di samping berfungsi sebagai pusat pengajaran dan pendidikan Islam. Malah beliau bukan sahaja memberi penekanan yang serius terhadap ilmu pengetahuan yang bersifat kerohanian kepada rakyat, tetapi turut memberi penekanan kepada ilmu pengetahuan yang bersifat fizikal seperti memanah, berenang dan menunggang kuda.<sup>82</sup>

Manakala pada zaman Kerajaan Bani Umayyah (40-130H/660-750M) pula para sahabat dan tabiin berlumba-lumba mewujudkan institusi pengajian Islam di masjid-masjid, kuttab, istana dan rumah. Kurikulum pelajarannya yang utama ialah

---

<sup>81</sup> *Ibid.*

<sup>82</sup> *Ibid*, h. 61



membaca, menulis dan mempelajari al-Quran di samping ilmu tafsir, hadis, fiqah, bahasa dan kesusasteraan Arab dan sebagainya. Masjid biasanya dijadikan pusat pengajian bagi orang dewasa manakala kuttab pula untuk kanak-kanak.<sup>83</sup>

Zaman Kerajaan Bani Abbasiyyah (132-656H/ 750-1258M) terutama pada zaman pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid (786-809 H) dan Khalifah al-Ma'mun (786-833 H), kedua-kedua zaman ini merupakan zaman kemajuan serta kegemilangan ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam. Masjid-masjid, surau, kuttab, istana dan lain-lain telah dijadikan pusan pembangunan ilmu. Di samping institusi tersebut, pusat pengajian yang moden dan lebih lengkap didirikan di seluruh negara terutamanya di Kota Baghdad, Madinah, Kufah, Kaherah dan sebagainya. Pusat-pusat pengajian tersebut terkenal sebagai madrasah yang mencakupi pengajian peringkat rendah, menengah dan tinggi. Kurikulum pelajarannya termasuklah aqidah, syariah, ilmu hisab, kimia, astronomi, mantik, falsafah, sejarah, seni muzik dan seni binaan.<sup>84</sup>

Hasil usaha dan pengorbanan para sahabat dan tabiin ini memperlihatkan bahawa ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam jelas berkembang sehingga mencapai kemuncak yang cemerlang terutama pada zaman Kerajaan Abbasiyyah dan Umayyah di Sepanyol (711-1492M).<sup>85</sup> Kerajaan Islam khususnya semasa pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid (786-809M) dan Khalifah al-Ma'mun (815-

---

<sup>83</sup> Haji Abdullah Ishak (1995), *op.cit.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 31-32.

<sup>84</sup> *Ibid*, h. 62.

<sup>85</sup> Hassan Langgulung (1986), *Manusia dan Pendidikan: Suatu Analisis Psikologi Pendidikan*. Jakarta: Penerbit Pustaka al-Husna, h. 10.

855M) dianggap sebagai zaman keemasan khasnya dalam bidang ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam.

## **2.8 Sejarah Pendidikan Islam Di Alam Melayu**

Istilah Alam Melayu dikenali juga sebagai Gugusan Kepulauan Melayu atau Nusantara yang meliputi kawasan geografi yang didiami oleh orang Melayu di Asia Tenggara.<sup>86</sup> Ia meliputi beberapa buah negara seperti Indonesia, Malaysia, Selatan Thai, Selatan Filipina dan Brunei. Dengan tidak mengambilkira keadaan bagaimana dan sejauh mana tahap penembusan Islamisasi pada masa awal kemunculannya di Alam Melayu, sejarah telah membuktikan bahawa kedatangan Islam di rantau ini merupakan titik peralihan bagi perjalanan sejarah di Alam Melayu.

Sebelum kedatangan Islam, masyarakat Melayu menganut fahaman animisme. Keadaan ini berubah selepas kedatangan Islam yang membawa konsep tauhid dengan menafikan kewujudan Tuhan yang banyak. Bermula dengan konsep keesaan Tuhan dan ibadat yang luas Islam telah berjaya menarik minat masyarakat tempatan. Sejak kedatangan Islam, kehidupan harian masyarakat Melayu dan adat istiadat tertentu yang didapati bertentangan dengan akidah ditinggalkan secara beransur-ansur.<sup>87</sup>

---

<sup>86</sup> Muhammad Yusoff Hashim (1988), *Pensejarahan Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Teks Publishing, h. 11.

<sup>87</sup> Ruslan Zainuddin. (2004). *Sejarah Malaysia (edisi ke-2)*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, h. 91-92.

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu dipercayai bermula pada abad ke-7 Masihi. Pandangan ini berdasarkan kemungkinan agama Islam disebarkan oleh para pedagang dan pendakwah dari Asia Barat ke Negara China. Seterusnya Islam semakin berkembang pesat berikutan dengan kemunculan beberapa buah kerajaan Islam di Pasai dan Perlak di persekitaran Selat Melaka pada abad ke-13 Masihi. Mengikut catatan Marco Polo, agama Islam telah tersebar di Tanah Melayu sebelum abad ke-15. Pada tahun 1292, semasa Marco Polo dalam perjalanan pulang dari China, beliau telah melawat Sumatera. Perlak ialah pelabuhan pertama yang disinggahinya. Beliau menyatakan pada masa itu telah wujud usaha-usaha untuk mengislamkan penduduk tempatan oleh para pedagang Arab di Nusantara. Menurut beliau lagi, itulah satu-satunya negeri Islam di Kepulauan Melayu pada masa itu.<sup>88</sup>

Manakala Ibn Battutah, pengembara Arab yang singgah sebanyak dua kali di Samudera semasa dalam perjalanan pergi dan balik dari Negara China antara tahun 1345 hingga 1346, menyatakan bahawa raja Samudera ketika itu telah memeluk Islam dan mengamalkan Mazhab Shafie. Menurut beliau lagi, negeri-negeri lain di sekelilingnya masih belum memeluk Islam. Sepanjang tempoh abad ke-13 dan ke-16 Masihi, agama Islam telah tersebar dengan meluas hampir ke seluruh Kepulauan Melayu dan mengurangkan pengaruh agama Hindu-Buddha yang bertapak berabad-abad lamanya di Tanah Melayu. Sejak itu, Islam telah berkembang pesat sehingga menjadi agama yang dianuti oleh sebahagian besar penduduk di Kepulauan Melayu.<sup>89</sup> Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, perpindahan masyarakat Melayu dari

---

<sup>88</sup> *Ibid.*

<sup>89</sup> *Ibid.*, h. 91

sistem keagamaan Hindu-Buddha kepada Islam disamakan seperti perubahan dunia Barat yang pada mulanya dipengaruhi oleh mitologi Yunani kepada dunia perkembangan pemikiran dan pencerahan.<sup>90</sup>

Berdasarkan perspektif sejarah, pelajaran dan pendidikan Islam yang julung-julung kali diperkenalkan di Nusantara khususnya di Tanah Melayu adalah dalam bentuk mengaji al-Quran. Struktur demikian tidaklah berbeza dengan mana-mana daerah atau kawasan yang didatangi Islam sama ada di Arab, India, Nusantara dan sebagainya. Ini dapat dibuktikan seperti mana di Tanah Melayu sendiri di zaman kerajaan Melayu Melaka (1400-1511M), pengajian al-Quran merupakan pelajaran asas di samping ilmu-ilmu lain. Sesi pengajian berlangsung di rumah tok guru, surau dan masjid serta ianya adalah secara tidak formal. Ada juga yang mengatakan bahawa istana turut menjadi tempat pengajian.<sup>91</sup> Bagi memudahkan penduduk tempatan menyebut dan membunyikan kalimah al-Quran serta huruf-huruf Arab maka, ulama dan mubaligh Islam telah memperkenalkan bentuk huruf ke dalam bahasa Melayu yang dikenali sebagai huruf jawi iaitu sama bentuknya dengan huruf Arab.<sup>92</sup> Ini bukan sahaja bertujuan memudahkan penduduk tempatan mempelajari al-Quran malah turut menyenangkan mereka mempelajari kitab-kitab lain yang kebanyakannya dikarang menggunakan bahasa Arab.

---

<sup>90</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas (1969), *Preliminary Statements on General Theory of Islamization of Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 5

<sup>91</sup> Prof. Dr. Ahmad Hidayat Buang et.al (2008), *op.cit.*

<sup>92</sup> *Ibid*, h. 131.

Pada waktu ini, rumah tok guru merupakan tempat belajar ilmu pengetahuan di samping surau, masjid dan madrasah. Pengajian agama Islam biasanya diadakan pada waktu malam di surau-surau dan masjid yang dihadiri oleh lelaki dan perempuan dewasa sahaja. Ia diadakan pada waktu malam kerana di siang hari guru-guru dan jemaah kelas bekerja. Tenaga pengajar terdiri daripada guru-guru agama sama ada daripada golongan pedagang, pengembara, pendakwah yang berketurunan Sayid ataupun Syeikh.<sup>93</sup> Dengan kehadiran mereka yang datang dari pelbagai pelosok daerah seperti Mekkah, Madinah, Hadramaut, Mesir, India, China, Jawa dan Parsi ini telah membantu golongan istana dan penduduk tempatan mengenai hal-hal berkaitan agama Islam khususnya dalam pengajaran al-Quran seperti membaca al-Quran dan Tajwid, Tafsir al-Quran dan Hadis, Fiqah dan Tauhid.<sup>94</sup> Di Melaka, perkembangan pendidikan Islam itu bermula dari istana apabila sultan mula belajar dengan sheikh-sheikh dan perubahan itu diikuti oleh para pembesar serta orang awam<sup>95</sup>. Di sini tempat bermulanya pendidikan Islam di Tanah Melayu.

Kecintaan terhadap agama dan inginkan ilmu pengetahuan serta pendidikan Islam jelas mempengaruhi jiwa raja-raja Melaka sejak zaman permulaan Islam lagi. Tindakan sultannya yang memeluk Islam itu bukan sahaja untuk memelihara kepentingan diri dan politik tetapi juga untuk mempelajari peraturan dan hukum

---

<sup>93</sup> Muhd Nur Manuty (1984), "Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia: Beberapa Analisis Kritis Terhadap Penilaian Asas Dalam Perspektif Sejarah", *Jurnal Pendidikan Islam*, jid.2, Oktober 1984. Kuala Lumpur: ABIM, h. 45.

<sup>94</sup> Khoo Kay Kim (1980), "Perkembangan Agama Islam", dalam Awang Had Salleh, *Pendidikan ke arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti, h. 7.

<sup>95</sup> Ghazali Darusalam (2001), *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, h. 101.

agama. Keinginan sultan Melaka untuk mempelajari ilmu pengetahuan Islam telah dijelaskan oleh Shellabear seperti di bawah:

“Maka baginda pun berguru kepada makhdum akan tertib sembahyang”<sup>96</sup>

Dengan itu jelas membuktikan bahawa pendidikan Islam merupakan elemen terpenting dalam proses tumbesaran dan kematangan individu yang dapat melahirkan generasi berguna dan berakhlak mulia. Kedatangan Islam ke rantau ini telah membawa semangat nasionalisme dan intelektualisme bukan sahaja di kalangan golongan istana bahkan merebak kepada rakyat jelata. Dalam catatan sejarah, institusi pengajian Islam telah dilaporkan sebagai salah satu badan yang bertindak cemerlang sehingga mampu melahirkan lulusan dan sarjana Islam yang bersifat serba boleh.<sup>97</sup> Manakala jika ditelusuri dari perspektif sejarah didapati pertumbuhan pendidikan Islam silam dimulai dengan era penubuhan Madrasah seperti Nizamiyyah dan dan Universiti al-Azhar.<sup>98</sup>

Sejarah perkembangan pendidikan di Tanah Melayu terbentuk agak unik kerana waktu itu Tanah Melayu menjadi sebuah negara pelbagai kaum. Setiap etnik memiliki institusi pendidikan yang terpisah dan tersendiri. Bagi orang Melayu pendidikan agama merupakan pendidikan yang wajib dilalui. Bermula dengan pendidikan tidak formal iaitu surau, masjid dan rumah guru. Kemudian berkembang

---

<sup>96</sup> Shellabear, W. G (1948), *Sejarah Melayu Or The Malay Annals*. Singapore: Printed At The Malay publisher House, h. 63.

<sup>97</sup> Md. Sidin Ahmad Ishak (2000), *The Malays In The Middle East, With A Bibliography Of A Malay Printed Works Published In The Middle East*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 26-34.

<sup>98</sup> Dr. Mahmud Arif (2008), *Pendidikan Islam Transformative*. Yogyakarta: LKiS Yogyakarta, h. 133.

kepada pembentukan sistem pendidikan pondok dan ia merupakan sistem pendidikan tertua yang pernah wujud di Tanah Melayu. Sistem ini turut mengalami perubahan dan reformasi iaitu dengan lahirnya sistem madrasah/maahad bagi melahirkan sistem pendidikan yang lebih sistematik. Sistem pendidikan agama ini berjalan lancar sehinggalah kedatangan para imperialisme Barat dengan sistem sekular yang menggugat sistem pendidikan agama di Tanah Melayu pada waktu itu. Ini akhirnya telah berlaku proses asimilasi dan integrasi di dalam sistem pendidikan Melayu. Setiap institusi pendidikan melahirkan pelbagai bentuk pemikiran sama ada pemikiran Islam, nasionalisme, sosialisme dan komunisme.<sup>99</sup>

Kedatangan British bukan sekadar untuk menguasai kekayaan ekonomi Tanah Melayu tetapi turut mengorientasikan pemikiran orang Melayu dengan sistem pendidikan sekular.<sup>100</sup> Ini kerana dasar pendidikan Inggeris sebelum perang disifatkan sebagai dualistik kerana mengkhaskan pendidikan Inggeris untuk golongan aristokrat manakala pendidikan vernakular pula sesuai untuk masyarakat umum. Ini bertujuan untuk mewujudkan jurang perbezaan di dalam masyarakat Melayu kerana sistem pendidikan Inggeris merupakan saluran untuk melatih pekerja kolar putih yang diperlukan bagi mengisi jawatan pegawai rendah dan menengah dalam perkhidmatan awam serta alam perniagaan. Manakala pendidikan vernakular membantu

---

<sup>99</sup> Ishak Saat (2007), *Sejarah Politik Melayu Pelbagai Aliran*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd. h. 32.

<sup>100</sup> *Ibid*, h. 33.

membendung masyarakat umum dalam order masyarakat tradisi yang didapati sesuai dengan kepentingan British.<sup>101</sup>

Kemunculan sekolah-sekolah Inggeris pada awal abad ke-18 seperti *Penang Free School (1816)*, *Malacca Free School (1826)*, *Singapore Free School (1834)*, *Raffles Institution (1863)*, *Victoria Institution (1894)* dan sekolah King Edward VII Taiping (1906) telah memberi kesan yang besar terhadap masyarakat Melayu Islam di Tanah Melayu. Ini kerana pada waktu ini, masyarakat Islam amat kuat berpegang kepada ajaran agama Islam dan berasa curiga terhadap pertumbuhan sekolah-sekolah Inggeris. Mereka takut anak-anak mereka dikristiankan melalui sekolah-sekolah Inggeris yang pada waktu itu diusahakan oleh para mubaligh Kristian<sup>102</sup> kerana kurikulum pendidikan Inggeris ini langsung tidak ditekankan pendidikan agama. Bahkan ia lebih bertujuan untuk pembentukan akhlak berdasarkan ajaran agama Kristian semata-mata. Sebagaimana pendapat yang ditegaskan oleh Mok Soon Sang dan Lee Shok Mee seperti:

*“sekolah-sekolah mubaligh ini dibuka kepada kanak-kanak berbilang kaum serta dan tujuan menubuhkan sekolah itu ialah menyediakan pendidikan umum serta memperbaiki akhlak kanak-kanak berdasarkan ajaran Kristian.”*<sup>103</sup>

---

<sup>101</sup> Tan Liok Ee (1990), “Dasar Pendidikan Dalam Konteks Dekolonisasi: Semenanjung Tanah Melayu 1945-1955, dlm. Cheah Boon Kheng dan Abu Talib Ahmad (ed.), *Kolonialisme di Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, h. 205.

<sup>102</sup> Abdullah Jusuh (1989), *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.16.

<sup>103</sup> Mok Soon Sang dan Lee Shok Mee (1988), *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budi, h. 205.



Kenyataan ini amat membimbangkan masyarakat Melayu untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris kerana menganggap sekolah Inggeris berusaha mahu mengkristiankan orang Melayu. Malah, kewujudannya juga merupakan suatu ancaman kepada perkembangan pendidikan Islam di Tanah Melayu ketika itu.

Islam dikembangkan di Alam Melayu melalui peranan para ulama dan intelektual Islam yang mendapat tempat dalam masyarakat Melayu sama ada di peringkat istana mahupun masyarakat bawahan. Hubungan yang rapat antara mereka dapat dilihat sehingga ulama dan intelektual Islam dilantik sebagai pegawai istana, guru istana, mubaligh negara dan pembesar semata-mata untuk menyebarkan Islam di alam Melayu. Peranan para ulama dalam sistem pendidikan pondok berjaya melahirkan ramai intelektual Melayu Islam di rantau Nusantara.<sup>104</sup> Sistem pendidikan pondok amat popular di kalangan masyarakat Melayu sebelum Perang Dunia Kedua kerana ia berjaya melahirkan individu-individu yang berilmu pengetahuan serta berfikiran luas terhadap kehidupan. Ini juga kerana peranan sekolah agama ketika itu mencerminkan tindakan yang cukup bersejarah bagi menolong memperkembang dan memperkemaskan lagi pendidikan Islam sekali gus membangkitkan semangat cintakan negara.

Contohnya, dalam sejarah perkembangan sekolah agama di Perak, William R. Roff berpendapat kelahiran pelajar-pelajar Melayu yang mendapat pendidikan Inggeris seperti di Malay College Kuala Kangsar (MCKK) yang ditubuhkan pada

---

<sup>104</sup> Awang Had Salleh (1977), "Institusi Pondok di Malaysia", dlm. Zainal Kling (ed.), *Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, h.33.

1909 dan Sultan Idris Training Centre (SITC) yang ditubuhkan pada 1922 telah memainkan peranan dalam mengubah minda dan nasionalisme Melayu ketika itu.<sup>105</sup> Walau bagaimanapun, Redzuan Othman seorang sarjana tempatan telah menolak teori Roff ini kerana Roff lebih menonjolkan peranan SITC dan MCKK sahaja sehingga melupakan peranan sekolah agama dalam perkembangan kesedaran nasionalisme Melayu.<sup>106</sup> Penulis juga bersetuju dengan pandangan Redzuan Othman kerana institusi pendidikan Islam seperti pondok dan madrasah telah memainkan peranan yang cukup besar dalam membangkitkan semangat kesedaran masyarakat Melayu ketika dulu, dan ini sekaligus mencerminkan tingginya nilai dan peranan sekolah-sekolah agama saat itu.

## **2.9 Perkembangan Pendidikan Islam di Tanah Melayu Sebelum Dan Selepas Merdeka.**

Pendidikan yang berbentuk bukan formal dipercayai telah berkembang di Semenanjung Tanah Melayu dan Nusantara Melayu pada abad ke-14 hingga 16 bersama-sama dengan pengembangan Islam yang dibawa oleh pedagang Arab dan India yang datang berdagang ke Asia Tenggara.<sup>107</sup> Manakala pendidikan secara formal dan sistematik di Tanah Melayu telah bermula dengan kedatangan syarikat-syarikat perdagangan Inggeris berserta dengan mubaligh Kristian pada akhir abad ke-

---

<sup>105</sup> William R. Roff (1980), *The Origin Of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 77.

<sup>106</sup> Mohammad Redzuan Othman (2006), "Malays, Islam And The Middle East Before World War II: A Critical Analysis On The Historical Sources", dlm. Danny Wong Tze-Ken, Joseph M. Fernando, Mardiana Nordin dan Sivachandralingam Sundara Raja (ed.), *Sejarah Sumber dan Pendekatan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 208.

<sup>107</sup> Sufean Hussin (2002), *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia: Teori dan Analisis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 128.

18.<sup>108</sup> Antara abad ke-18 hingga akhir abad ke-19, ramai tokoh ulama Islam telah berusaha mendirikan sekolah-sekolah pondok (Arab) dan madrasah di seluruh Semenanjung Tanah Melayu terutamanya di Kelantan, Terengganu dan Kedah.<sup>109</sup>

Institusi pendidikan Islam didapati telah berperanan positif dalam mengembangkan ajaran Islam sama ada melalui institusi surau, pondok dan madrasah. Ada yang berpendapat ia berilhamkan dari ajaran-ajaran reformis dari Timur Tengah seperti Sayid Jalaluddin al-Afghani (1839-1907) dan Muhammad Abduh (1849-1905), di mana sekolah-sekolah agama telah menjadi satu momentum yang sesuai untuk masyarakat mendapatkan pendidikan pada ketika itu. Para sarjana Islam telah memikirkan dan merancang pelbagai usaha bagi memperkasakan peranan institusi pendidikan Islam ini dalam menghadapi pelbagai cabaran mendatang. Antara elemen yang ditekankan dalam mana-mana institusi pendidikan Islam ialah:<sup>110</sup>

- (i) Aspek disiplin yang cukup tinggi bagi melahirkan insan Muslim yang mantap dari segi ilmu dan akhlak,
- (ii) Pendekatan dan penerapan konsep budaya ilmu dan pendemokrasian pendidikan kepada pelajar terbabit,
- (iii) Mewujudkan sukatan pelajaran yang *advance* untuk kepentingan semasa,

---

<sup>108</sup> *Ibid*, h. 129.

<sup>109</sup> Sufean Hussin (1993), *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 3.

<sup>110</sup> Rahimin Affandi Abd Rahim dan Idris Awang (2003), "*Usaha Memperkasakan Institusi Pendidikan Islam di IPTA Malaysia: Satu Analisa Terhadap Pengalaman APIUM*", dalam Prosiding Seminar Kebangsaan memperkasakan sistem pendidikan. Johor Bharu :Anjuran Fakulti pendidikan UTM, , pada 21 Okt 2003

- (iv) Menggalakkan pelajar untuk mengadakan rihlah ilmiah (melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi) dan
- (v) Mewujudkan jalinan antara institusi pendidikan Islam sedunia yang saling mendapat pengiktirafan yang cukup baik.

Pada umumnya, struktur pendidikan Islam atau pengajian Islam di Nusantara adalah bersifat menyeluruh bermula di peringkat rendah, menengah dan tinggi.<sup>111</sup> Pendidikan Islam turut berlaku di rumah, surau, pondok dan masjid oleh para guru yang terdiri daripada imam dan ulama di mana ada sebahagiannya berketurunan sayid dan syeikh. Pada waktu ini peringkat-peringkat pengajian tidak begitu ketara kerana ia hanya merupakan pengajian yang tidak formal. Penekanan pengajian lebih kepada mendalami kitab suci al-Quran, bahasa Arab, Tasawuf, Fiqah, tauhid, Sejarah Islam dan Fardu Ain.<sup>112</sup> Perkembangan pendidikan seperti ini penting kerana telah menyediakan asas kepada perkembangan pendidikan orang Melayu. Asas yang diterokai ini membantu memudahkan perkembangan vernakular apabila diperkenalkan kemudiannya oleh British sebagai satu bentuk pendidikan dalam masyarakat Melayu.<sup>113</sup>

### **2.9.1 Pendidikan Islam sebelum Merdeka**

---

<sup>111</sup> Haji Abdullah Ishak (1995), *op.cit*, h. 187.

<sup>112</sup> Awang Had Salleh (1980), *Pendidikan ke arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*. Kuala Lumpur: Fajar bakti, h. 7.

<sup>113</sup> C. D. Chelliah (1947), *A History of Education Policy of The Straits Settlements*. Kuala Lumpur: Tha Government Press, h. 63.

Kemasukan penjajah Inggeris ke negara ini telah menyebabkan perkembangan pendidikan Islam berlaku dengan begitu terhad sekali.<sup>114</sup> Kejatuhan Melaka pada tahun 1511 M ke tangan Portugis sedikit sebanyak menjadikan bangsa Melayu mula menempuh zaman gelap sama ada dalam bidang politik, ekonomi, kebudayaan, agama mahupun pendidikan. Namun, orang Melayu yang sebelum ini telah dipengaruhi dan dibentuk dengan konsep Islam melalui akidah, syariah, akhlak dan pendidikannya berjaya dapat mempertahankan diri daripada diresapi seluruh pemikiran Barat sama ada dalam bidang kebudayaan, agama mahupun pendidikan.

Ini terbukti apabila masyarakat Melayu berusaha mempertahankan institusi tradisional seperti rumah, surau, masjid atau sekolah al-Quran sebagai pusat menjadi tumpuan pelajar sehingga ada di antara mereka yang menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi seperti di Makkah, Mesir, Pattani dan sebagainya. Sesudah tamat pengajian, mereka kembali ke tanah air dan membuka pusat pengajian Islam yang lebih tinggi tarafnya seperti pondok atau madrasah. Ini disokong dengan beberapa tulisan ahli sejarah bahawa kemunculan pondok di Tanah Melayu bermula sekitar abad ke-19M.<sup>115</sup> Institusi pondok adalah salah satu daripada institusi pengajian tradisional yang unggul dan merupakan cetusan daripada pengajian di rumah, surau, masjid dan istana.<sup>116</sup> Matlamatnya untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam kepada masyarakat bagi membentuk keperibadian Muslim yang sempurna.

---

<sup>114</sup> David James Redcliffe (1978), *Education and Cultural Change Among The Malays, 1900-1940*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 48.

<sup>115</sup> Dr. Abdullah Ishak (1994), *op.cit*, h. 160.

<sup>116</sup> Awang Had Salleh (1997), *Institusi Pondok di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributor, h. 33. Lihat juga Haji. Abdullah Ishak (1995), *op.cit*, h. 137.

Pengajaran yang diberikan di pondok mempunyai taraf yang lebih tinggi berbanding pengajian di rumah-rumah imam dan guru. Ini turut disokong oleh Mohd Salleh yang menyatakan sistem pengajian pondok boleh dikatakan kemas daripada penyampaian guru agama di rumah ataupun surau.<sup>117</sup> Negeri yang terkenal dengan sekolah pondok ialah Kelantan, Kedah, Terengganu dan sebahagian lagi negeri seperti Perak dan Pulau Pinang.<sup>118</sup> Setengah berpendapat Kelantan merupakan negeri paling terkenal dengan pengajian pondok sehingga dikenali sebagai Serambi Mekah iaitu tempat persinggahan sementara untuk belajar sebelum melanjutkan pelajaran mereka ke kota Mekah. Antara pondok yang terkenal di Kelantan<sup>119</sup> ialah Pondok Kubang Pasu, Pondok Tok Semaian dan Pondok Sungai Budur. Di Terengganu<sup>120</sup> pula Pondok Pulau Manis, Pondok Haji Ali Atas Tol dan Pondok Haji Wan Latif di Besut. Manakala di Kedah, Pondok Batu 16 atau lebih dikenali sebagai Pondok Pak Ya, Padang Lumat<sup>121</sup>, Pondok Tuan Haji Ahmad, Pondok Haji Abdullah bin Kechik dan sebagainya.

Kurikulum pengajian pondok menitikberatkan ilmu-ilmu naqliyah di samping ilmu *asriyah* iaitu ilmu perantaraan. Antara ilmu yang dimaksudkan ialah membaca al-Quran, Tajwid, Usuluddin, Fiqh, Usul Balaghah, Falak, Kesusasteraan Islam, Bahasa

---

<sup>117</sup> Ahmad Mohd Salleh (1997), *Pendidikan Islam Falsafah, Pedagogi, Metodologi*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, h. 67-68

<sup>118</sup> Universiti Malaya (2004), *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 190.

<sup>119</sup> *Ibid.*

<sup>120</sup> Abdullah Jusuh (1990), *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 10

<sup>121</sup> Md. Noor Salleh, Abdul Halim Haji Salleh (1998), *Islam di Kedah Darul Aman*. Kedah: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman, h. 110.

Arab, Sejarah Islam dan Ubat-ubatan bagi sesetengah pondok.<sup>122</sup> Antara keistimewaan yang dimiliki oleh institusi pendidikan Islam silam (pondok) ini adalah<sup>123</sup> pertama, sistem pengajian yang dibuat secara swasta tanpa kongkongan dan kekangan polisi dari pihak pemerintah. Keadaan ini menyebabkan seseorang ulama itu dapat bertindak secara bebas tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak yang mempunyai agenda dan kepentingan tertentu.

Lebih tepat lagi, ulama pondok dalam era tradisi telah bertindak selaku agen perubahan dan intelektual ummah yang bersikap sensitif dan proaktif dengan isu semasa yang timbul di dalam masyarakat. Kedua, sistem pengajian yang berorientasikan perkaitan antara teori dan praktikal, yang menekankan pemupukan budaya ilmu bagi menjadikan seseorang pelajar itu mendapat sebanyak mungkin ilmu untuk mencapai keredaan Allah. Ketiga, sistem pengajian yang bersifat terbuka yang memberi peluang kepada sesiapa sahaja untuk mengikutinya tanpa mengira latar belakang keturunan dan faktor umur. Apa yang boleh dibanggakan adalah melalui pendekatan ini secara tidak langsung ianya telah pun mengamalkan konsep pendemokrasian pendidikan berasaskan penekanan kepada kepentingan ilmu dalam kehidupan seseorang Islam, ilmu adalah milik bersama dan setiap individu berhak diberi peluang untuk mendapatkan ilmu.

---

<sup>122</sup> Universiti Malaya (2004), *op.cit*, h. 209.

<sup>123</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim (2003), "Analisis Sejarah Dakwah dan Jalinan Intelektual Rantau Malaysia-Indonesia", dalam Zulkiple Abd. Ghani (ed.), *Jaringan Dakwah Malaysia-Indonesia*. UKM: Terbitan Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), h. 47-74.

Walau bagaimanapun, institusi pondok ini akhirnya mengalami kemerosotan selepas berlakunya perang dunia kedua iaitu selepas tahun 1945.<sup>124</sup> Dengan itu, sistem pendidikan berbentuk madrasah atau sekolah-sekolah agama/Arab yang lebih formal dan sistematik telah ditubuhkan serta ia diasaskan sendiri oleh Kaum Muda yang merupakan pelopor kemajuan bangsa pada waktu ketika itu. Pendidikan madrasah ini mula berkembang pada awal tahun 1920-an dan sistem itu kekal hingga ke hari ini.<sup>125</sup> Tujuan penubuhannya yang utama adalah untuk bersaing dengan sekolah-sekolah Inggeris dan vernakular Melayu.<sup>126</sup>

Sistem pentadbiran madrasah berlaku secara berasingan namun, kurikulum asas yang diperkenalkan adalah sama iaitu Akidah, Syariah dan Bahasa Arab dijadikan bahasa pengantar dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Ramai pelajar lepasan dari institusi madrasah melanjutkan pelajaran mereka ke Asia Barat seperti di Masjidil-Haram, Makkah dan Universiti Al-Azhar, Mesir. Madrasah pertama yang wujud di Tanah Melayu ialah Madrasah al-Iqbal pada tahun 1907 di Singapura dan 10 tahun selepas itu didirikan pula Madrasah al-Hadi di Bandar Kaba, Melaka (1917) yang diasaskan sendiri oleh Syed Sheikh Ahmad al-Hadi seorang tokoh Kaum Muda yang terkenal di Tanah Melayu ketika itu. Antara madrasah-madrasah lain yang terkenal selepas itu ialah Madrasah al-Masyhur Pulau Pinang, Madrasah Muhammadiyah Kota Baharu, Madrasah Alawiyah ad-Diniah Perlis dan Maahad Al-Ihya' asy-Syarif Gunung Semanggol, Perak.

---

<sup>124</sup> William R. Roff (1967), *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur : University of Malaya Press, h. 126.

<sup>125</sup> Mohd Salleh Lebar (2002), *Perancangan Pendidikan Peringkat Sekolah dan Ipt*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, h. 46.

<sup>126</sup> Awang Had Salleh (1980), *op.cit*, h. 9.



Proses pendidikan madrasah boleh dikatakan seimbang kerana mencakupi ilmu fardu Ain dan fardu Kifayah. Pendidikan di madrasah juga dapat memberi bimbingan, semangat dan kekuatan kepada muridnya untuk menghadapi segala cabaran dan dugaan akibat daripada proses sekularisasi yang dianjurkan oleh institusi Barat. Melalui sistem ini, mata pelajaran Islam sudah tidak tertumpu kepada soal-soal ibadah dan tauhid semata-mata tetapi lebih komprehensif dengan memasukkan mata pelajaran lain dalam kurikulumnya seperti bahasa Arab, matematik, geografi, sejarah dan lain-lain subjek yang boleh menolong pelajar-pelajar mendapat pendidikan yang sempurna.<sup>127</sup>

Namun, penubuhan sistem pendidikan tersebut sebenarnya memberi rasa tidak senang hati kepada pihak penjajah yang pastinya mencari peluang untuk menyekat perkembangan agama Islam. Maka, proses pre-sekularisasi pendidikan anak-anak Melayu berlaku dengan pesat dan radikal sekali. Bidang pelajaran Melayu, bahagian Vernakular Melayu telah diwujudkan di bawah *Malacca Free School* pada awal abad ke-19. Hal ini disebabkan oleh kesedaran mubaligh kristian dari *London Missionary Society* tentang tebalnya prasangka masyarakat Melayu terhadap pelajaran Inggeris. Maka mereka berusaha memperkenalkan seluas-luasnya sistem pelajaran Melayu kepada orang melayu melalui sistem ini.

Sekolah vernakular Melayu yang ditubuhkan oleh kerajaan Inggeris pada tahun 1856 kurang mendapat sambutan dari masyarakat Melayu kerana tidak diajar

---

<sup>127</sup> Ahmad Mohd Salleh (1997), *op.cit*, h. 72.

al-Quran.<sup>128</sup> Dengan itu, pada tahun 1871, A.M Skinner selaku nazir sekolah-sekolah atau *Inspector of School*<sup>129</sup> yang pernah menjadi Pemangku Majistret di Seberang Perai menubuhkan Sekolah Melayu dan di sekolah ini diajar al-Quran di sebelah petangnya.<sup>130</sup> Sekolah pagi murid-murid Melayu belajar bacaan, mengarang, ejaan, menulis, ilmu hisab, latihan jasmani dan ilmu alam. Kemudian pada kurun ke-20 ditambah pula dengan pelajaran perkebunan dan anyaman.<sup>131</sup> Walau bagaimanapun, dasar diplomasi dan toleransi pelajaran Melayu penjajah ini telah diberhentikan mulai tahun 1917 apabila R. O Winstead, Penolong Pengarah Pelajaran Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah mencadangkan dalam laporannya (Laporan Winstead), antaranya ialah pelajaran agama (Pelajaran Al-Quran) hendaklah diberhentikan di sekolah-sekolah Melayu kerana kelas pelajaran al-Quran yang digunakan sebagai pendorong supaya ibubapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah, tidak perlu lagi.<sup>132</sup> Kesannya, pengajian agama dan al-Quran di sekolah-sekolah Melayu telah diketepikan dari jadual rasmi sekolah dan diarah supaya di ajar pada waktu sebelah petang. Tanpa disedari lahirlah dalam pemikiran masyarakat Melayu suatu konsep dualisme terhadap ilmu yang asasnya ilmu itu bersifat sepadu. Wujudlah ilmu bukan agama yang dikenali sebagai akademik dan ilmu agama iaitu bukan akademik yang lazimnya didiskriminasi kerana dikatakan tidak memberi apa-apa sumbangan dalam pembangunan negara.

---

<sup>128</sup> Shahril @ Charil Marzuki dan Rakan (1995), *op.cit*, h. 34.

<sup>129</sup> Wong Hoy Kee dan Gwee Yee Hean (1972), *Perspective: The Development of Education in Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: Heinemann Education Book, h. 22.

<sup>130</sup> Mohd Salleh Lebar (1992), *Perubahan dan Kemajuan Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h.52.

<sup>131</sup> Shahril @ Charil Marzuki dan Rakan (1995), *op.cit*.

<sup>132</sup> Khoo Kay Kim (prof.) dan Mohd Fadzil Othman (1995), *Pendidikan di Malaysia Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 14.

Selepas negara mencapai kemerdekaan, madrasah menjadi lumpuh kerana berhadapan dengan sistem pendidikan negara yang sekular selain dari kekurangan pelajar dan sumber kewangannya.<sup>133</sup> Hal ini kerana, jaminan ekonomi lebih diberikan kepada pengajian di sekolah kerajaan semata-mata. Keadaan ini telah mengubah perspektif masyarakat bahawa pendidikan di sekolah kerajaan adalah jauh lebih baik daripada pengajian di madrasah. Ringkasnya, perkembangan pendidikan Islam sebelum merdeka telah mencapai peringkat tertinggi dengan tertubuhnya Kolej Islam Malaya 1955 di Klang dan ia merupakan institusi pendidikan Islam yang berjaya melahirkan ramai graduan mahir dari segenap bidang kehidupan.<sup>134</sup> Penubuhan kolej tersebut adalah perintis kepada penubuhan beberapa buah pusat pengajian tinggi Islam yang lain di negara ini khususnya selepas Malaysia mencapai kemerdekaan.

### **2.9.2 Pendidikan Islam selepas Merdeka**

Setelah lahirnya konsep pendidikan sekular di Barat, sekolah-sekolah agama yang berteraskan pendidikan Islam telah mengalami zaman kemerosotan. Ini kerana melalui sistem sekular, pelajar-pelajar sekolah kerajaan diberi jaminan dari segi ekonomi. Disebabkan rakyat Malaysia menyedari bahawa ekonomi merupakan faktor penting dalam kehidupan maka ramailah ibu bapa pada ketika itu cenderung menghantar anak-anak ke sekolah kerajaan berbanding sekolah-sekolah agama.<sup>135</sup> Di bawah sistem pendidikan sekular, kurikulum pendidikan dipecahkan kepada dua

---

<sup>133</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia (1988), *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur: Malaysia Kementerian Pelajaran, h. 175.

<sup>134</sup> Abdullah Muhammad Zin, Zulkiplie Abd. Ghani dan Abdul Ghafar Hj. Don (2005), *Pendidikan Islam di Malaysia: Dari Pondok ke Universiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 57.

<sup>135</sup> Sobri Sakamon (1988), *Masalah Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pustaka al-Rahmaniah, h. 21.

kumpulan yang saling berkaitan iaitu bahagian Islam dan bahagian moden.<sup>136</sup> Namun, sistem sekular ini telah mendominasi pelajaran akademik dan mendiskriminasikan pelajaran agama di sekolah-sekolah.

Pelaksanaan Pendidikan Islam dalam sistem Pendidikan Kebangsaan adalah berdasarkan perakuan-perakuan yang terkandung di dalam Penyata Razak 1956, Penyata Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961 dalam Seksyen 36 (1) dan (2).<sup>137</sup> Perakuan dalam kedua-dua penyata dan akta tersebut memperuntukkan supaya Pendidikan Islam atau matapelajaran Agama Islam perlu di ajar di mana-mana sekolah yang didaftarkan dengan syarat terdapat sekurang-kurangnya 15 orang murid beragama Islam.<sup>138</sup> Hasil daripada perakuan perakuan akta tersebut maka pelajaran Pengetahuan Agama Islam di ajar di sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan. Pada mulanya ia diajar di luar waktu sekolah (sekolah petang). Sehingga pada tahun 1962, barulah mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam dimasukkan ke dalam jadual waktu rasmi sekolah dengan peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran sebanyak 120 minit seminggu.<sup>139</sup>

Kurikulum Pengetahuan Agama Islam pada masa itu hanya menumpukan kepada perkara-perkara asas agama seperti Fikah, Tauhid, Sejarah Islam dan

---

<sup>136</sup> Mustafa Kassim (1991), *Pengislaman Ilmu*, cet. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 7.

<sup>137</sup> Zainal Abidin Abdul Kadir (1994), Ke arah Amalan dan Penghayatan Nilai Islam Satu Pendekatan Bersepadu, dalam. Abd Halim El-Muhammady, *Pendidikan Islam Peranannya Dalam Pembangunan Ummah*. Selangor: Persatuasn Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, h. 105.

<sup>138</sup> Legal Research Board (1987), *Education Act, 1961*. Kuala Lumpur: International Law Book Services. Lihat juga Zawawi Haji Ahmad (1984), *Pendidikan Islam: Kaedah dan Teknik Pengajaran*, Edisi 1. Kuala Lumpur: International Book Service, h. 32.

<sup>139</sup> Zainal Abidin Abdul Kadir (1994), *op.cit*, h. 106.

Pengajaran daripada beberapa ayat al-Quran dan Hadis yang dipilih.<sup>140</sup> Berdasarkan isi kandungan kurikulum itu, pelajaran Agama Islam menumpukan kepada memberi ilmu agama lebih daripada penekanan aspek amalan dan penghayatan. Selain itu, cara penyampaian guru semasa pengajaran dan pembelajaran juga bercorak memberi ilmu dan maklumat seperti yang terdapat dalam sukatan pelajaran. Pelajar-pelajar pula lebih banyak menghafal maklumat yang diberi tanpa mengaitkannya dengan amalan dan penghayatan. Ini kerana mereka mengambil pelajaran agama semata-mata untuk mengetahui dan lulus dalam peperiksaan sahaja sama ada di peringkat Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).<sup>141</sup>

Masyarakat menyedari kelemahan pelajar dalam mengaitkan pelajaran agama dengan amalan seharian mereka. Maka akhirnya sebuah Jawatankuasa Mengkaji Mata Pelajaran Agama Islam di Sekolah dibentuk pada tahun 1974.<sup>142</sup> Fungsi jawatankuasa ini adalah mengkaji dan menilai semula kurikulum Pengetahuan Agama Islam termasuk kaedah pengajaran, penyeliaan dan tenaga pengajar. Hasil kajian itu dilaporkan melalui Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran 1979 yang menyatakan:

*Mutu pengajaran dan pembelajaran Pengetahuan Agama Islam di sekolah-sekolah sekarang ini belum lagi mencapai satu peringkat yang diharapkan, keadaan ini timbul kerana kebanyakan guru-guru agama ini tidak mempunyai kelayakan ikhtisas yang diperlukan. Di samping itu mereka juga tidak mendapat bimbingan yang sewajarnya Pendidikan Agama Islam seperi yang dijalankan pada masaini kurang*

---

<sup>140</sup> Mohd Yusuf Ahmad (2004), *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 89. Lihat juga Zainal Abidin Abdul Kadir (1994), *op.cit*, h. 106-107.

<sup>141</sup> *Ibid.* h. 90.

<sup>142</sup> Tuan Haji Zainal Abidin Abdul Kadir (1994), *op.cit*, h. 107.

*menitikberatkan aspek amali sebagaimana yang dijangka dan dikehendaki.*<sup>143</sup>

Daripada Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 dapat dirumuskan kepada beberapa aspek. Pertama, aspek amalan dan penghayatan agama Islam tidak diberi penekanan di dalam pengajaran dan pembelajaran agama Islam. Kedua, aspek pengajaran guru lebih tertumpu pada penyampaian pengetahuan agama Islam dan sangat kurang menekankan aspek amali kerana tidak menggunakan alat bantu mengajar yang diperlukan. Ketiga, guru tidak menjalani latihan perguruan, penyeliaan dan bimbingan yang sewajarnya. Menyedari kelemahan ini beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang telah diambil bagi memperbaiki keadaan dan kelemahan tersebut.

Antara langkah yang diambil ialah dengan memberi latihan perguruan kepada guru-guru yang tidak terlatih, melantik para pegawai yang mencukupi di Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah dan mewujudkan Nazir Mata Pelajaran Agama di sekolah. Selanjutnya, menggubal serta melaksanakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), Kurikulum Baru Pendidikan Islam (1982) dan kesinambungan daripada itu lahir Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989.<sup>144</sup>

Dengan merujuk kepada kenyataan dan beberapa fakta di atas, penulis berpendapat semua ini merupakan latar belakang dan sejarah Pendidikan Islam yang

---

<sup>143</sup> *Ibid*, h. 107-108.

<sup>144</sup> *Ibid*. h. 108-109.

berlaku di Malaysia yang mana ia bukan sahaja melibatkan perubahan daripada tempat belajar, bahkan waktu belajar, kurikulum, matlamat dan kaedah pengajaran juga turut berubah. Ini kerana, pendidikan Islam sebelum merdeka hanya membolehkan pelajar membaca al-Quran dan pendidikan rohani sahaja manakala pendidikan selepas merdeka adalah sekadar untuk pengetahuan semata-mata. Bagi pendidikan Islam KBSR dan KBSM ia berhasrat untuk menjadikan seseorang Islam itu bertamadun. Kesemua perubahan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pendidikan Islam di kalangan pelajar melalui pelajaran Agama Islam.

## **2.10 Perkembangan Pendidikan Islam Di Negeri Perak.**

Islam telah dibawa ke Tanah Melayu dalam bentuk hubungan perdagangan kemudian menjadi hubungan keagamaan apabila pemerintah dan rakyat telah menerima Islam sepenuhnya.<sup>145</sup> Kedatangan Islam ke alam Melayu melalui jalan damai dengan mengambil tempoh dakwah yang panjang. Para pedagang yang datang berdagang di Tanah Melayu adalah terdiri dari ulama' dan ahli sufi.<sup>146</sup> Disamping menjalankan perniagaan mereka berdakwah kepada masyarakat Melayu dan ada di kalangan mereka yang mengahwini wanita tempatan. Setelah sekian lama berada dalam masyarakat Melayu, orang-orang Melayu mula tertarik dengan ajaran yang

---

<sup>145</sup> Drs. Hasbullah Bakry (1963), "*Tjataan tentang Mula Masuknya Islam ke Indonesia*" Kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar "Sejarah Masuknya Islam ke Indonesia", Medan : Panitia Seminar Sejarah Masuknya Islam ke Indonesia, t.t, h. 87.

<sup>146</sup> Wan Ngah bin Wan Dagang (1975), "Islam ke Alam Melayu Dibawa Ahli-ahli Sufi", *Pengasuh*, bil. 406, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Mei 1975, h. 43.

dibawa oleh para pendakwah ini sehingga mereka menukar agama lama kepada Islam.<sup>147</sup>

Kadaan ini menimbulkan minat rakyat untuk menuntut ilmu sepertimana yang terdapat dalam ajaran Islam itu sendiri. Dorongan mempelajari dan menuntut ilmu itu telah memajukan pendidikan Islam kerana ia menjadi faktor dalam melahirkan sistem Pendidikan Islam. Di Perak, perkembangan pendidikan di negeri ini tidak dapat lari daripada institusi pendidikan seperti pondok. Pondok yang terawal ditubuhkan di Perak adalah pada 1907M dan penubuhannya tidak jauh jika dibezakan ia dengan penubuhan sekolah-sekolah al-Quran di negeri-negeri lain seperti Kelantan, Terengganu dan Kedah pada waktu itu. Apabila sekolah-sekolah ini bertambah, maka dibentuk satu Jawatankuasa Pelajaran Quran atau Jawatankuasa Sekolah Quran pada tahun 1917.<sup>148</sup> Tujuannya untuk menyusun dan membaiki pengajaran di sekolah-sekolah al-Quran yang berjumlah tidak kurang daripada 30 buah sekolah ketika itu.<sup>149</sup> Peranan utama penubuhan sekolah-sekolah al-Quran adalah untuk membolehkan murid-murid membaca al-Quran dengan lancar mengikut hukum tajwid yang betul dan menyediakan asas bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.<sup>150</sup>

Ketika pendudukan Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1942-1945, sekolah-sekolah ini diberhentikan sementara waktu dan hanya berfungsi semula selepas

---

<sup>147</sup> P.E. De Josselin De Jong (1963), *Agama-agama di Gugusan Pulau-pulau Melayu*, Abdullah Hussain (terj), Kuala Lumpur : Oxford University Press, h. 42-45.

<sup>148</sup> Mohamed Sith haji Muhamed (1974), *Sekolah Rendah Agama Negeri Perak*. Perak: Pejabat Agama Perak, h. 2.

<sup>149</sup> *Ibid.*

<sup>150</sup> *Ibid*, h. 3.



merdeka kerana pada 23 Oktober 1949 sekolah ini telah dibuka semula dan ia beroperasi di bawah Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perak sejeurus selepas Majlis Agama ini ditubuhkan.<sup>151</sup> Dengan penubuhan tersebut, Jawatankuasa Sekolah Agama telah diletakkan di bawah kuasa Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu dan ditukar namanya kepada Sekolah Agama Kerajaan Negeri serta berkembang sehingga kini. Meskipun sekolah-sekolah al-Quran ini menjadi nukleus terawal di dalam penubuhan institusi keagamaan di Perak tetapi sistem pendidikan pada peringkat awal itu belum berjalan secara sistematik. Maka perkembangan dari sudut pendidikan terhadap institusi keagamaan ini mula berkembang apabila masuknya awal abad ke-19M. Hal ini bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh William Roff bahawa wujud berpuluh-puluh madrasah yang bergerak di negeri Perak, di mana madrasah ini sedang melahirkan guru-guru dan pegawai-pegawai agama yang menggalakkan.<sup>152</sup> Kenyataan beliau ini menunjukkan bahawa telah terdapat sistem pendidikan yang kukuh dan seimbang di Perak sehingga ia berjaya mengeluarkan para intelak sama ada di bidang agama, politik mahupun bidang akademik.

Sistem ini dilihat berjaya ditransformasikan dalam lingkungan abad ke-20 berdasarkan kepada beberapa faktor yang terserlah antaranya lahir semangat nasionalisme yang tinggi dikalangan masyarakat Melayu pada ketika itu. Semangat nasionalisme ini berdasarkan kepada kesedaran yang digerakkan oleh Barat sehingga akhirnya melahirkan segolongan orang Melayu yang berjiwa nasionalis dalam

---

<sup>151</sup> Adnan Hj. Nawang (1998), *Perak Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, h. 61.

<sup>152</sup> Willam R. Roff (1967), *op.cit*, h. 77.

memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu.<sup>153</sup> Semangat ini telah berjaya membuatkan masyarakat Melayu bangkit dan sedar untuk melakukan perubahan dalam diri mereka. Manakala faktor kedua yang menyumbang kepada kesedaran rakyat adalah disebabkan oleh tokoh-tokoh yang berjaya menjadi pelopor terhadap gerakan pendidikan sekular yang telah dirintis oleh Sheikh Tahir Jalaluddin, Syed Syeikh al-Hadi dan Haji Abbas Muhammad Taha.<sup>154</sup> Mereka adalah perintis kepada perubahan dan gerakan pondok serta madrasah di Tanah Melayu kerana penubuhan-penubuhan institusi pendidikan ini adalah berfaktorkan daripada semangat yang dikeluarkan oleh ketiga-tiga tokoh tersebut.

Perkembangan pendidikan Islam yang pesat di Perak berlaku secara berterusan dan kini dua buah sekolah berada di bawah pentadbirannya iaitu Sekolah Menengah Agama Izuddin Shah yang ditubuhkan pada 1959 dan Sekolah Agama Raja Perempuan Ta'ayah yang ditubuhkan pada 1953. Walau bagaimanapun, sekolah-sekolah agama rakyat lain turut membantu perkembangan institusi dan pendidikan Islam seperti pendidikan madrasah,<sup>155</sup> contohnya Madrasah Idrisiah Bukit Chandan, Madrasah al-Diniyah Padang Rengas, Madrasah al-Ulum al-Syariah Bagan

---

<sup>153</sup> Ishak Saat (2007), *Sejarah Politik Melayu Pelbagai Aliran*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd, h. 38.

<sup>154</sup> Abdul Rahman Abdullah (1998), *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 67.

<sup>155</sup> Institusi pendidikan madrasah merupakan institusi pendidikan yang diperkenalkan kepada masyarakat Melayu selepas institusi pengajian pondok. Sejarah Islam mencatatkan institusi pendidikan yang berasaskan konsep ini telah wujud di Baghdad oleh Nizam al-Mulk iaitu Wazir yang terkenal ketika pemerintahan Dinasti Saljuk (1055-1194). Kewujudannya itu telah berkembang pesat ke seluruh dunia Islam. Lihat George Makdisi (1991), *Religion, Law and Learning in Classical Islam*. USA: Variorum, h. 2-3, George Makdisi (1990), *The Rise of Humanism in Classical Islam and Christian West: With Special Reference to Scholasticism*. Edinburgh: Edinburgh University Press, h. 40, Dr. Mahmud Arif (2008), *Pendidikan Islam Transformatif*. Yogyakarta: LKiS Yogyakarta, h. 133.

Datoh dan sebagainya. Semua sekolah agama rakyat tersebut masih berfungsi sehingga kini selaras dengan peredaran zaman.

## **2.11 Golongan Berpendidikan Agama dan Penglibatan Kaum Muda Dalam Perkembangan Pendidikan Islam**

Sebelum kedatangan Islam, bangsa Arab Jahiliyyah lebih dikenali sebagai bangsa primitif yang ganas, tidak mengenal ilmu dan tidak bertamadun. Kedatangan Islam kemudiannya memperkenalkan bangsa Arab kepada konsep ilmu, pengajaran, penulisan, pembacaan dan pena.<sup>156</sup> Kedatangannya yang khusus bertujuan untuk mengubah pandangan hidup manusia ke arah yang lebih baik. Ini kerana sistem pendidikan amat berkait rapat dengan ilmu pengetahuan dan ia tidak dapat lari dari pembacaan, pengkajian dan penyelidikan. Wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w lebih kurang 1400 tahun lalu iaitu surah al-Alaq, jelas menunjukkan pembacaan dan ilmu pengetahuan itu penting. Ilmu dalam Islam bertujuan membawa manusia menuju kebenaran dalam kehidupan sama ada di dunia dan di akhirat. Sumber mutlak kebenaran adalah Allah yang mencipta ilmu dan kebenaran itu.<sup>157</sup>

Dalam lipatan sejarah Malaysia, tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa perkembangan sesuatu pemikiran intelektual yang positif yang dilihat telah mampu menyedarkan dan menjana perkembangan pemodenan yang lebih positif adalah

---

<sup>156</sup> Abdul Halim El-Muhammady (1991), *op.cit*, h. 20.

<sup>157</sup> Khairul Azhar Idris, *Ilmu Tunggak Kemajuan Pemikiran Generasi Muda*, <http://www.ikim.gov.my>.

berpunca dari pengaruh luar Malaysia.<sup>158</sup> Keberkesanan pengaruh luar ini bergantung pula dengan sikap terbuka dan kesudian penduduk setempat untuk menerimapakai dan menyesuaikan dengan ciri-ciri tempatan. Dalam konteks Malaysia pengaruh ini boleh dikesan puncanya daripada agama Islam itu sendiri.<sup>159</sup> Ia boleh dilihat dari bermulanya proses pengislaman Alam Melayu<sup>160</sup> iaitu pengislaman seorang raja merupakan salah satu faktor utama di sebalik kepesatan proses Islamisasi di Nusantara. Banyak diperkatakan tentang pengislaman seseorang raja dan peranannya sebagai sebab utama disebalik proses Islamisasi serta mempercepatkan proses penyebarannya.<sup>161</sup>

Selain itu, perkembangan pesat institusi pendidikan Islam yang menjana perkembangan intelektual ummah Melayu,<sup>162</sup> pengekaln pengaruh Islam berhadapan dengan cabaran penjajahan<sup>163</sup> dan akhirnya perkembangan gerakan kebangkitan Islam yang begitu meluas kesannya di dalam masyarakat Melayu. Proses timbal balik ini akan terus berlaku di Malaysia sebagai akibat dari proses penerimaan masyarakat

---

<sup>158</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Al-Quran Dan Pemodenan Di Alam Melayu : Satu Analisa", dalam *Seminar Warisan Al-Quran Peringkat Kebangsaan 2001*, Anjuran bersama Pusat Ilmu Kemanusiaan, USM dengan YADIM, di USM, pada 24-25hb. Oktober 2001.

<sup>159</sup> S.M. Naquib al-Attas (1969), *Preliminary Statement On A General Theory Of The Islamization Of The Malay-Indonesian Archipelago*, Kuala Lumpur, Dewan bahasa dan Pustaka, h. 4-7.

<sup>160</sup> *Ibid*, h. 29-30.

<sup>161</sup> Auni Abdullah (2000), "Kerajaan Melayu: Sendi Islam dalam Pemerintahan Tradisi", dalam *Tamaddun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h 76.

<sup>162</sup> Maklumat tentang tipologi dan bentuk tamadun material dan intelektual ini boleh didapati dalam Hashim Musa (2001), *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam : Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, hlm 27-40.

<sup>163</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim (2000), "Kebudayaan Melayu Dan Islam Di Nusantara : Satu Analisa Pengkaedahan ", dalam *Seminar Hukum Islam Semasa 111 Peringkat Kebangsaan 2000*, Anjuran Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, pada 7-8hb. November, h.18-19.

Melayu terhadap konsep ummah yang telah dijana oleh ajaran Islam itu sendiri.<sup>164</sup> Konsep Ummah menjadi asas penting yang memupuk pertalian dan persaudaraan yang sering wujud antara ulama, pendakwah dan saudagar Islam.<sup>165</sup>

Pada awal abad ke-20, muncul gerakan baru yang dicetuskan oleh golongan yang terdidik dalam pendidikan Islam khususnya mereka yang mendapat pendidikan di Mesir. Gerakan ini dikenali sebagai *gerakan islah* dan pembaharuan atau reformasi. Ia merujuk kepada gerakan keagamaan bagi menghapuskan unsur-unsur syirik, khurafat dan bidaah di kalangan masyarakat Islam dan mengembalikan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w berdasarkan al-Quran dan Hadis.<sup>166</sup> Penyebaran pemikiran yang bersumberkan dari Mesir ini bermula apabila akhbar *al-Imam* diterbitkan pada tahun 1906 dan kewujudannya dipengaruhi oleh akhbar *al-Manar* yang diterbitkan di Mesir. Penerbitannya memperlihatkan seolah-olah polemik tentang pertembungan pemikiran islah yang sebelumnya berlaku di Mesir menular ke Tanah Melayu dengan wujudnya aliran Kaum Tua dan Kaum Muda. Kaum Muda inginkan pembaharuan tetapi Kaum Tua lebih selesa dengan amalan Islam tradisional di Tanah Melayu.

Oleh itu, tidak hairanlah apabila kita melihat sejarah keintelektualan Islam di Tanah Melayu telah dicetuskan oleh pemikiran Kaum Muda di bawah pimpinan

---

<sup>164</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim (2002), "Dakwah Dan Jalinan Intelektual Di Rantau Alam Melayu-Indonesia : Satu Analisa Sejarah", dalam *Seminar Antarabangsa Pengajian Dakwah Indonesia-Malaysia*, anjuran bersama Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara dan Fakulti Pengajian Islam, UKM, pada 18hb Mei 2002, di Medan, Indonesia.

<sup>165</sup> Auni Abdullah (2000), *op.cit*, h. 86.

<sup>166</sup> Mahayuddin Haji Yahaya (1998), "Abu Jabir Abdullah bin Ahmad al-Ghadamisi: Tokoh Ulama Islah di Tanah Melayu", dalam *Sejarah dan Proses Pemantapan Negara-Bangsa*, Prosiding Kongres Sejarah Malaysia Kedua, jilid 2, h. 435.

Sheikh Tahir Jalaluddin (1869-1956)<sup>167</sup> dan Syed Syeikh al-Hadi (1867-1934)<sup>168</sup> telah menyebabkan berlaku perubahan dalam proses perkembangan sejarah sosiobudaya, politik dan ekonomi orang Melayu.<sup>169</sup> Antara tahun 1900 hingga 1940an telah menyaksikan pertentangan hebat antara dua pendekatan utama dalam menyediakan masyarakat Melayu tentang kaedah yang baik mengenai bagaimana Islam itu harus digunakan untuk berhadapan dengan pemodenan yang dibawa oleh British.<sup>170</sup>

Perkembangan pemikiran kaum muda di Timur Tengah telah turut mempengaruhi perkembangan pemikiran kaum muda di Nusantara umumnya dan di Malaysia khususnya. Kesusasteraan dan dunia persuratan merupakan wadah pemikiran Melayu yang turut memainkan peranan penting dalam perubahan sikap di kalangan kaum muda dan berlaku pertentangan kaum tua yang masih mempertahankan nilai-nilai pemikiran lama.<sup>171</sup>

Bagi kaum tua yang terdiri daripada ulama tradisional dan golongan pembesar Melayu demi untuk mengekalkan kesejahteraan masyarakat Melayu dan Islam itu sendiri kita perlu menganggap usaha pemodenan sebagai satu proses yang cukup

---

<sup>167</sup> Keterangan lanjut mengenai pelopor gerakan islah di Tanah Melayu ini sila rujuk Ismail Haji Ibrahim, Ismail Abdul Rahman dan Mat Asin Dollah (1993) "Syeikh Tahir Jalaluddin", dalam Ismail Mat (peny.), *Ulama Silam Dalam Kenangan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 29.

<sup>168</sup> Untuk maklumat lanjut mengenai sejarah hidup dan perjuangan beliau sila rujuk Talib Samat (1992), *Syed Syeikh al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1-5, Syed Alwi al-Hady (1999), "The Life of My Father", dalam Alijah Gordon (ed.), *The Real Cry of Syed Syeikh al-Hady: With Selections of His Writings by His Son Syed Alwi al-Hady*. Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute, h. 77.

<sup>169</sup> Hashim Ismail (2005), "Kaum Muda dan Pemikiran Progresif di Malaysia", dalam Hamzah Hamdani (ed.), *Islam di Malaysia dan Sastera Nusantara*. Kuala Lumpur: Gapeniaga Sdn. Bhd, h. 31.

<sup>170</sup> Ibrahim Abu Bakar (1994), *Islamic Modernism in Malaya: the life and thought of Sayid Syekh al-Hadi 1867-1934*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 165-167.

<sup>171</sup> Hashim Ismail (2005), *op.cit.*

berbahaya dan perlu mengekalkan cara hidup lama. Dengan kata lain, kaum tua mahukan umat Islam kembali kepada cara hidup klasik dan menolak segala bentuk pemodenan.<sup>172</sup> Ini berbeza dengan kaum muda yang telah membentuk satu pemikiran progresif sejak abad ke-20 dan mempengaruhi aliran keintelektualisme di Malaysia.<sup>173</sup> Kefahaman terhadap unsur-unsur kolonialisasi dan globalisasi telah melentur pemikiran mereka dalam menangani cabaran-cabaran bangsa dan agama. Pemikiran kaum muda disebarakan melalui media intelek sebagai *print nationalism* dan menjadi cetus beberapa gerakan persatuan, NGO dan beberapa tokoh pemikir Melayu di Malaysia. Seterusnya pemikiran kaum muda ini telah mempengaruhi pemikiran politik moden dan lahir kesedaran terhadap proses Islamisasi secara progresif bagi institusi budaya, sosial dan politik.<sup>174</sup>

Pelajar-pelajar Melayu yang menuntut di Timur Tengah pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 merupakan mereka yang mempunyai daya inisiatif yang tinggi. Ini dapat dibuktikan melalui penglibatan yang aktif dalam aktiviti berpersatuan di samping menerbitkan surat khabar dan syarikat percetakan sendiri untuk menyebarkan idea-idea kesedaran kepada masyarakat Melayu dengan lebih berkesan. Peranan yang dimainkan oleh lulusan Universiti al-Azhar dan yang menuntut di Makkah amat penting dalam menimbulkan kesedaran Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Selain berperanan sebagai pusat pendidikan orang Melayu ia juga telah muncul sebagai pusat perkembangan intelektualism Melayu.

---

<sup>172</sup> Ibrahim Abu Bakar (1994), *op.cit*, h. 14-15.

<sup>173</sup> Hashim Ismail (2005), *op.cit*.

<sup>174</sup> *Ibid*, h. 32.

Penulis dapat nyatakan di sini beberapa faktor berlakunya gerakan *inteligensia* pelajar Melayu ketika itu. Pertama, dengan kewujudan pusat-pusat percetakan yang mencetak buku-buku dalam bahasa Arab dan Melayu untuk kegunaan Masyarakat Melayu di Hijaz dan seluruh Alam Melayu.<sup>175</sup> Kewujudan pusat percetakan ini memainkan peranan penting kerana kitab-kitab yang dicetak telah mendedahkan mereka kepada ilmu pengetahuan. Kedua, pendedahan kepada persekitaran keilmuan juga telah memberi kesan kepada perkembangan minda pelajar-pelajar Melayu yang menuntut di Makkah.<sup>176</sup>

Ia ditonjolkan melalui reaksi mereka terhadap isu-isu yang dipaparkan dalam akhbar-akhbar Melayu pada waktu itu seperti *Tunas Melayu*, *Neracha*, *Idaran Zaman*, *Bahtera*, *Malaya* dan sebagainya. Para pelajar yang menuntut di sana bukan sekadar pembaca dan pelanggan tetap akhbar-akhbar tersebut tetapi turut menyumbang idea dan pandangan yang bernas untuk pembacanya. Dengan kewujudan akhbar dan majalah yang memaparkan isu-isu semasa yang berlaku di Alam Melayu, ini telah memberi kesan kepada perkembangan pemikiran pelajar-pelajar tersebut.

Oleh sebab itu, jelas menunjukkan bahawa pengaruh yang bersumber dari Timur Tengah juga telah membawa perubahan sosial dalam masyarakat apabila mereka yang mendapat pendidikan di sana yang dikategorikan sebagai ulama telah memelopori perkembangan pendidikan masyarakat Melayu. Selain corak pendidikan

---

<sup>175</sup> Mohammad Redzuan Othman (2006), *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 67.

<sup>176</sup> *Ibid.*



Timur Tengah berperanan menyebarkan budaya intelektual ia juga merupakan sumber orang Melayu menerima kesedaran politik yang awal. Buktinya antara pengaruh awal yang menyemai benih kesedaran kebangsaan kepada orang Melayu ialah gagasan idea *Pan-Islamisme*<sup>177</sup> yang berkembang pesat di Timur Tengah pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20.<sup>178</sup>

Hasil daripada itu, wujud beberapa gerakan Islam yang membawa idea kesedaran Islam di tanah air umpamanya yang dibawa sendiri oleh bekas pelajar Madrasah Idrisiah dan murid Sheikh Abdullah Fahim (1870-1961) iaitu Abu Bakar al-Baqir (1907-1974) yang menubuhkan kumpulan *Hisbul Muslimin* pada 14 Mac 1948. Tetapi pertubuhan ini dilihat sebagai memberi ancaman lalu pihak penjajah mengharamkannya pada Ogos 1948. Belum pun sempat gerakan ini menapak di Tanah Melayu lalu ia diharamkan kerana Hizbul Muslimin didakwa parti ekstremis agama Islam. Padahal British tidak mahu kumpulan ini mendapat sokongan rakyat dan seterusnya mencapai kemerdekaan untuk membentuk negara Islam.

## 2.7 Kesimpulan

Ketokohan ulama sebagai pembimbing ummah memang tidak boleh dipandang ringan. Hal ini kerana mereka sedaya upaya membantu ummah dalam pelbagai zaman dan situasi termasuklah di Madrasah Idrisiah. Perkembangan yang

---

<sup>177</sup> Ia bermaksud sebuah kebangkitan atau gerakan fanatik umat Islam yang tersebar di beberapa bahagian dunia Islam pada suku akhir abad ke-19 ekoran kesan pencerobohan kuasa Barat ke atas wilayah-wilayah yang didiami oleh umat Islam.

<sup>178</sup> *Ibid.* lihat juga Ishak Saat (2007), *Sejarah Politik Melayu Pelbagai Aliran*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd, h. 85.

berlaku dari tahun 1922 hingga merdeka telah memperlihatkan bagaimana sultan dan ulama berperanan dalam memajukan madrasah. Ulama yang berwibawa dan peranan sultan terhadap perkembangan Islam menjadi fokus utama perkembangannya di madrasah tertua di Perak. Perhatian yang serius ditumpukan oleh sultan Perak dan ulama-ulama yang menjadi mudir di Madrasah Idrisiah ini telah berjaya melahirkan tokoh-tokoh penting dalam masyarakat. Berkat kesungguhan dan kegigihan ulama yang mentadbir dan mendidik para pelajar sebelum merdeka akhirnya mereka atau ulama dan umara beroleh kejayaan. Ini jelas menunjukkan hubungan yang rapat antara ulama dan sultan amat penting bagi mempertingkatkan syiar Islam melalui sistem Pendidikan Islam yang telah di perkenalkan di madrasah ini.

Sesuatu yang harus dilihat juga ialah peranan yang dimainkan oleh para ulama di negeri Perak. Mereka telah berusaha sedaya upaya untuk terlibat membantu masyarakat. Walaupun sebahagian mereka pernah dituduh menentang penjajah Barat tetapi ia tidak sedikit pun menjejaskan usaha mereka untuk menyampaikan ilmu. Kecintaan mereka kepada ilmu telah memberi kesan yang sangat baik kepada perkembangan madrasah terutama Madrasah Idrisiah yang kekal masyhur sehingga hari ini

### **BAB 3:**

#### **MADRASAH IDRISIAH BUKIT CHANDAN KUALA KANGSAR, PERAK**

##### **3.11 Sejarah Penubuhan madrasah**

Madrasah Idrisiah ditubuhkan pada tahun 1917 dan beroperasi pada April 1922 bersamaan 1342 Hijrah. Ia adalah sebuah sekolah Agama pertama ditubuhkan di negeri Perak Darul Ridzuan dan merupakan satu-satunya sekolah yang melaksanakan sistem pendidikan sekolah moden serta mempunyai sistem sekolah berasrama pada waktu itu. Penubuhannya diasaskan atas titah DYMM Sultan Idris I Mursyidul Adzam Shah (1887-1916 M), Sultan Perak yang ke-28 dan kedudukan sekolah ini terletak di Bukit Chandan Kuala Kangsar serta berhadapan dengan Masjid Ubudiah

yang merupakan masjid terawal dibina dan menjadi simbol keagungan serta peradaban Islam di Perak.<sup>179</sup> Nama Idrisiah diambil sempena nama Sultan Idris yang menjadi pengasas kepada penubuhan sekolah ini dan yang pentingnya ia menggambarkan peranan istana dalam pembinaan sebuah sekolah agama yang bersistem pada waktu itu.

Penubuhan Idrisiah sangat berkait rapat dengan peranan ulama' seperti Tuan Guru Sheikh Haji Nawawi bin Haji Tahir (Pak Wi) untuk mengemudi sebuah institusi harapan sultan ketika itu. Sebelum madrasah ini mendapat nama ia lebih dikenali sebagai Madrasah Mariah<sup>180</sup> iaitu sebuah institusi yang memberi pendidikan awal kepada kanak-kanak perempuan yatim sahaja di Perak. Madrasah ini menjadi pendorong kepada tertubuhnya sebuah sekolah yang lebih berprestij dan akhirnya kedua-dua institusi ini iaitu Madrasah Mariah dan Madrasah Idrisiah diletakkan di bawah pentadbiran yang berasingan. Ia didirikan di atas tanah wakaf yang telah dihadiahkan oleh permaisuri baginda Sultan Idris, Permaisuri Utih Mariah. Namun, permintaan yang tinggi daripada rakyat setempat agar dibuka sekolah untuk kanak-kanak lelaki turut meningkat, maka baginda telah bercadang untuk membuka Madrasah Idrisiah sebagai pusat pembelajaran kepada mereka.

---

<sup>179</sup> Abdul Halim Nasir (1994), *Seni Bina Masjid Melayu-Nusantara*. Kuala Lumpur: Berita Publishing, h. 124.

<sup>180</sup> Madrasah ini merupakan wakaf Almarhumah Permaisuri Utih Mariah isteri kepada Almarhum Sultan Idris. Di madrasah inilah tinggalnya Tuan Guru Sheikh Haji Nawawi bin Haji Tahir (Pak Wi) dan menjadi mudir di madrasah tersebut. Bangunan Mariah masih dikekalkan sehingga sekarang dan kini dijadikan asrama puteri Madrasah Idrisiah. Pada 13 Ogos 1985, wakaf Mariah telah diserahkan kepada Majlis Agama Islam Perak.

Sebagai langkah awal, baginda dengan penuh rasa tanggungjawab telah mewakafkan 3 ekar tanahnya untuk pembinaan madrasah dan didirikan lima buah bangunan iaitu 3 buah rumah guru, sebuah pejabat (Rumah Bulat) dan bangunan induk (asrama dan kelas) Baginda juga turut mewakafkan 23 buah kedai di pekan Kuala Kangsar sebagai sumber ekonomi sekolah untuk menampung perbelanjaan dan memastikan agar pentadbiran madrasah Idrisiah berjalan dengan baik. Harta yang diwakafkan itu turut dibahagikan kepada Masjid Ridzwaniah dan makam diraja al-Ghufran di Bukit Chandan. Walau bagaimanapun, amat mendukacitakan apabila baginda sultan tidak sempat melihat tertegaknya Idrisiah dan perkembangan pendidikan agama yang berlangsung ke atas anak Melayu Perak pada waktu itu kerana baginda telah kembali ke rahmatullah pada tahun 1918.<sup>181</sup> Baginda sewaktu hayatnya seorang yang sangat mencintai ilmu agama dan memuliakan ulama. Antara ulama besar yang hidup sezaman dengan baginda ialah Tuan Haji Nawawi atau Pak Wi, Tuan Yunus Malim Nawar dan Tuan Haji Wan Muhammad yang merupakan mufti Perak pertama secara tidak rasmi. Tuan ini hidup hingga ke zaman pemerintahan anakanda baginda iaitu Al-Marhum Sultan Alang Iskandar 1918-1938.

Selepas kemangkatan almarhum Sultan Idris, segala tugas dan peranan untuk memastikan pembinaan sekolah ini diteruskan maka ia telah diambil alih oleh anakandanya iaitu Sultan Iskandar Qaddasallah Shah. Baginda telah bertanggungjawab dalam memantau pergerakan dan pembinaan madrasah sehingga

---

<sup>181</sup> Jurnal Khas Madrasah Idrisiah 2000 (2000), *op.cit*, h. 18. Lihat juga Robiatun Laila Mohd Yaacob (2003), *Madrasah Idrisiah: Sejarah Penubuhan, Peranan dan Sumbangannya Terhadap Masyarakat Setempat*. Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, sesi 2002/2003, h. 38.

Ogos 1921. Akhirnya pada Ogos 1922 madrasah Idrisiah telah siap dibina dan memulakan pengajiannya dengan mengambil seramai 23 orang lelaki yatim sebagai penuntut sulungnya.

### **3.12 Tujuan penubuhan**

Madrasah Idrisiah telah dibina atas sebab-sebab tertentu antaranya untuk menyempurnakan wasiat almarhum sultan Idris agar hartanya diwakafkan bagi membiayai pentadbiran dan pengurusan institusi agama di Perak. Tujuan utama almarhum sultan mewakafkan harta tersebut adalah untuk menjaga, memelihara dan mempertingkatkan syiar Islam dan pengajarannya di negeri Perak. Harta tersebut digunakan sepenuhnya untuk pembinaan asrama dan prasarana sekolah. Selain kedudukannya yang tidak jauh dari istana Iskandariah, Istana Diraja Sultan Perak segala perkara dan masalah berkaitan dengan sekolah boleh dirujuk terus kepada pihak istana dengan cepat dan baginda sultan juga dapat mengetahui perkembangannya dari semasa ke semasa.

Seterusnya, tujuan penubuhan Madrasah Idrisiah juga bertepatan dengan kehendak masyarakat ketika itu untuk melihat anak-anak mereka mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang agama. Dengan pembinaan Madrasah Idrisiah tersebut, wasiat al-Marhum Sultan Idris Mursyidul ‘Adzam Shah dan impian masyarakat juga tercapai. Tanpa harta wakaf daripada almarhum tersebut sudah tentu Madrasah Idrisiah juga tidak akan wujud. Dengan kata lain, tujuan penubuhan

sekolah ini yang utamanya ialah untuk melaksanakan wasiat daripada almarhum sultan.

### 3.13 Falsafah Pendidikan dan Visi Madrasah Idrisiah

Setiap sekolah di negara ini pastinya mempunyai falsafah pendidikannya yang tersendiri, begitu juga dengan Madrasah Idrisiah. Falsafah pendidikan yang dipegang oleh setiap warga dan tenaga pengajarnya adalah tidak lain tidak bukan untuk menyelaraskan pendidikan yang terbaik buat pelajarnya supaya berjaya untuk memperoleh kejayaan di dunia dan di akhirat. Kita renungkan seketika falsafah pendidikan yang dijadikan landasan dan pegangan oleh setiap warga dan tenaga kerjanya iaitu ,<sup>182</sup>

*“Pendidikan Madrasah Idrisiah adalah usaha berterusan untuk menyampaikan pengetahuan, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan Sunnah, di landasan faham Ahlus Sunnah Wal Jama’ah, bagi membentuk sikap, kemahiran dan pandangan hidup sebagai seorang Dai’ilallah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, alam dan manusia ke arah mencapai Mardzatillah Dunia dan Akhirat”*

Manakala visi Madrasah Idrisiah pula ialah:<sup>183</sup>

*Melaksanakan sistem pendidikan yang terbaik untuk melahirkan generasi ulama’ dan umara’ yang gemilang dalam bidang akademik, ko-kurikulum, akhlak dan fizikal yang sihat berpaksikan sistem tadbir urus yang terbaik dan cemerlang.*

---

<sup>182</sup> Majalah Al-Fikrah Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar, 1999, h. 11.

<sup>183</sup> *Ibid*, h. 12.

Mengikuti pandangan penulis, falsafah dan visi yang menjadi landas pendidikan Islam di Madrasah Idrisiah ini adalah satu penyatuan semua bidang ilmu pengetahuan di bawah pengendalian al-Quran dan al-Hadis yang merupakan teras di dalam sistem pendidikan dan kebudayaan Islam secara menyeluruh. Dalam kebulatan dan kesatuan ilmu itu, akidah Islam menjadi pusat menentukan orientasi dan metodologi ilmu-ilmu lain kerana Madrasah Idrisiah juga mewajibkan perseimbangan antara kemestian kehidupan individu di dunia dan akhirat.

### **3.14 Piagam Pelanggan Madrasah Idrisiah**

Piagam sekolah merupakan satu landasan yang harus dipegang dan dihormati oleh setiap tenaga pengajar yang menjalankan perkhidmatan di madrasah ini. Ia dianggap satu tanggungjawab yang wajar diketahui oleh mereka. Dalam piagam sekolah menyebut bahawa guru-guru seharusnya:<sup>184</sup>

- i. Memberi pendidikan, bimbingan dan kemahiran yang berterusna kepada murid,
- ii. Memberi perkhidmatan yang mesra, cekap, adil dan saksama kepada ibu bapa dan murid,
- iii. Sentiasa mengamalkan budaya kerja sepasukan yang positif, kreatif dan inovatif dalam iklim sekolah yang kondusif,

---

<sup>184</sup> *Ibid*, h. 12-13.



- iv. Mematuhi peraturan dan garis panduan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh sekolah, pejabat DYMM Sultan Perak, JAIPk, PPD, JPN dan Kementerian Pelajaran Malaysia,
- v. Sentiasa peka dan responsif terhadap kehendak pelanggan dan sanggup menerima sebarang pandangan yang membina.

### **3.15 Mudir-mudir Madrasah Idrisiah dan sistem pendidikan yang dilaksanakan**

Sepanjang tempoh 86 tahun ini, Madrasah Idrisiah telah ditadbir oleh 8 orang mudir. Sewaktu Madrasah Idrisiah masih dalam perancangan untuk ditubuhkan, Madrasah Mariah telah ditadbir terlebih dahulu oleh Tuan Haji Nawawi b. Haji Tahir<sup>185</sup> iaitu individu penting dalam memastikan hasrat Tuanku Sultan tercapai untuk mendirikan institusi pendidikan seperti Madrasah Idrisiah. Berasal dari Kedah dan pernah menyambungkan pelajaran di Mekah. Beliau merupakan guru dan penasihat agama pada Sultan Idris Shah. Beliau dikatakan orang yang paling kuat mempengaruhi Sultan untuk menubuhkan Madrasah Idrisiah. Beliau juga senang dikenali sebagai Pak Wi. Sebaik sahaja mendapat titah perintah dan perkenan dari baginda Sultan Iskandar beliau telah dipertanggungjawabkan untuk menyelenggara segala proses penubuhan Madrasah Idrisiah selain banyak menabur jasa dalam memberi pendidikan agama kepada para pelajar di Madrasah Mariah.<sup>186</sup>

Mudir merupakan jawatan yang paling penting dalam institusi pendidikan Islam khususnya sekolah agama. Personaliti mudir menjadi ukuran utama terhadap

---

<sup>185</sup> Jurnal Khas Madrasah Idrisiah 2000 (2000), *op.cit*, h. 13.

<sup>186</sup> Buku Cenderamata Majlis Ihtifal dan Majlis Pengkisahan Madrasah Idrisiah, 2000.

kekuatan sesebuah sekolah. Keilmuan, kewarakan, alim, cekap mengurus dan tegas adalah antara faktor utama kemajuan sekolah tersebut. Begitu juga dengan madrasah Idrisiah, jawatan kuasa tadbir madrasah berusaha mencari mudir yang selayaknya untuk menjayakan misi dan visi madrasah seperti apa yang diharapkan oleh pihak istana. Sehingga kini terdapat lapan orang mudir yang pernah berkhidmat di madrasah ini.

### **3.15.1 Tuan Haji Muhammad Haji Salleh (1922-1924)**

Sejurus selepas Madrasah Idrisiah berjaya ditubuhkan secara rasminya baginda Sultan Iskandar telah menitahkan Tuan Haji Muhammad bin Haji Salleh untuk menjadi mudir Madrasah Idrisiah yang pertama iaitu pada tahun 1922-1928.<sup>187</sup> Beliau berasal dari Kelantan dan sebahagian besar hidup dan pendidikannya dihabiskan di Mekah. Beliau dijemput oleh Sultan Iskandar Shah untuk membuat perancangan mendirikan sebuah madrasah dan segala gerak kerja dan urusan pentadbiran diserahkan kepadanya untuk diuruskan dengan baik dan berkesan. Sepanjang pentadbirannya, beliau telah dibantu oleh 2 orang guru iaitu Tuan Habib bin Abdullah dan Haji Othman Yaakub.<sup>188</sup> Dengan tiga orang guru inilah mereka telah mendidik penuntutnya sehingga berjaya menamatkan pelajaran di sekolah ini dengan baik. Pelajar sulung madrasah Idrisiah pada tahun 1922 adalah seramai 23 orang anak yatim dan kesemuanya adalah lelaki. Mereka yang mendaftar ketika itu tidak dikenakan sebarang yuran. Tiga tahun pertama pembukaan madrasah Idrisiah

---

<sup>187</sup> *Ibid.*

<sup>188</sup> Abas Bin Awang (1974), *Sejarah Kuala Kangsar 1874*, Latihan Ilmiah, Unversiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

hanya menerima anak-anak yatim sahaja dan selepas itu barulah perubahan dilakukan.

Perubahan awal yang dibuat oleh mudir pertama ini ialah dengan menambah bilangan kemasukan pelajar lelaki yang mana sebelum ini terhad kepada anak-anak yatim sahaja tetapi kini ia terbuka kepada umum. Namun begitu, kemasukan tersebut hanya di buka kepada pelajar lelaki sahaja. Hal ini berlaku berikutan permintaan yang sangat menggalakkan dari masyarakat yang berada di sekitar Bukit Chandan dan Kuala Kangsar untuk menghantar anak-anak mendalami ilmu agama di samping lahir kesedaran tentang pentingnya ilmu kepada mereka kelak. Haji Muhammad Salleh sempat berkhidmat sebagai mudir selama enam tahun dan meninggal pada tahun 1928. Walaupun dalam tempoh yang singkat, madrasah Idrisiah telah banyak menimba pengalaman dalam mempertingkatkan potensi dan kecemerlangannya sebagai sebuah sekolah agama pertama di negeri Perak. Haji Muhammad Salleh ialah mudir yang sangat komited dengan tugasnya dan berusaha keras dalam membangunkan madrasah. Penumpuannya itu menjadi titik tolak ke arah melahirkan tokoh-tokoh ulama dan umara' yang disegani.

### **3.15.2 Syeikh Abdullah Maghribi (1924-1932)**

Mudir Madrasah yang kedua ialah Syeikh Abdullah Maghribi yang mula menggantikan Tuan Haji Salleh pada 1928-1932.<sup>189</sup> Beliau datang dari Arab Mekah dan mempunyai kelulusan yang tinggi dalam pelajaran agama. Beliau turut miliki

---

<sup>189</sup>Cenderamata Jubli Emas Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar, Perak.7.9.1972.

diploma dalam bidang pendidikan. Sebelum mengajar di Madrasah Idrisiah, beliau pernah menjadi tenaga pengajar di Madrasah Al-Mashor Pulau Pinang. Sewaktu beliau memegang tampuk pentadbiran Madrasah Idrisiah, ia telah menjadikan madrasah ini semakin terkenal dan di waktu inilah pelajar sulung Madrasah Idrisiah dikeluarkan. Ternyata pelajar yang mendapat pendidikan di bawah didikan Pak Wi dan Tuan Haji Salleh merupakan barisan pelajar yang berakhlak dan ada di antaranya yang menjadi tokoh pentadbir negeri Perak yang hebat seperti Tuan Haji Nawawi Hassan.

Pada waktu itu, penambahan pelajar Madrasah Idrisiah semakin berkembang hingga meningkat kepada 150 orang. Disebabkan peningkatan ini, tenaga pengajar juga turut bertambah untuk memberi kemudahan pengajaran kepada para pelajar. Antara guru baru yang dilantik ialah Syeikh Ali Maqsuri, Ustaz Abdul Razak dan Ustaz Muhammad Fadzil yang kesemuanya berasal dari Pulau Pinang hanya Ustaz Muhammad Nor Faiz yang berasal dari Perak.<sup>190</sup> Namun pentadbiran Syeikh Abdullah Maghribi ini berakhir pada 1932 kerana beliau terpaksa pulang semula ke Mekah atas beberapa sebab. Satu sumber mengatakan beliau berhenti kerana segala usaha yang dilakukannya tidak disenangi oleh Jawatankuasa sekolah itu. Ini berikutan sikap tegasnya yang menolak perkara-perkara bida'ah yang dilakukan oleh masyarakat Melayu di situ dan beliau turut dituduh sebagai ahli Kaum Muda yang mahu menyebarkan fahamannya di madrasah ini.<sup>191</sup>

---

<sup>190</sup> Abas Bin Awang (1974), *op.cit*, h. 32.

<sup>191</sup> Maemon Hj. Md. Sabri (1974), *Sejarah Pendidikan Agama Islam di Perak*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, h. 42.

### 3.15.3 Syeikh Abdullah Fahim (1932-1948)

Pada tahun 1932-1948 Madrasah Idrisiah ditadbir pula oleh Tuan Guru Syeikh Abdullah Fahim atau lebih dikenali dengan nama Pak Him. Beliau merupakan anak kepada Tuan Haji Ibrahim, seorang guru agama yang terkenal di Mekah Mukarramah dan datang kepada Tan Seri Abdullah Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri Malaysia. Sejak kecil dibawa oleh bapanya ke Mekah dan secara langsung telah mendapat pendidikan agama di al-Makkah al-Mukarramah. Beliau merupakan lapanan tinggi Masjidil Haram Mekah. Syeikh Abdullah Fahim merupakan ulamak yang terkenal abad kedua puluh sebaris dengan angkatan Tok Kenali di Kelantan.<sup>192</sup> Mereka juga adalah dua sahabat baik dan selalu berutus surat. Sebelum memulakan perkhidmatannya di madrasah ini, beliau pernah mengajar di Sekolah Arab Limbongan Kapal Kedah dan Da'iratul Maarif Wataniah di Kepala Batas.

Beliau sangat arif dalam 'Ilmu Falak' dan 'Hadith'. Kemahiran beliau dalam kedua-dua ilmu ini telah membolehkan beliau memahami pengertian fahaman aliran Kaum Muda dan Kaum Tua sepenuhnya. Menurut beliau, apa yang penting bukannya perbalahan, membetuli atau menyalahkan. Tetapi adalah harus berusaha menyebarkan pendidikan agama Islam yang secukupnya melalui pendirian atau penubuhan lebih banyak madrasah.<sup>193</sup> Beliau juga merupakan ahli falak dan orang yang bertanggungjawab memperkenalkan pengajian Ilmu Falak di Madrasah Idrisiah. Kealimannya sangat luas mencakupi banyak ilmu tentang bidang agama Islam. Beliau

---

<sup>192</sup> Abas Bin Awang (1974), *op.cit*, h. 36.

<sup>193</sup> Nabir b. Haji Abdullah (1973), *Maahad II Ihya Assyarif Gunung Semanggol 1934-1956*, Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, h. 34.

dikatakan di antara ulamak yang mampu mengeluarkan zij-zij falak syarie. Beliau telah berkhidmat selama 16 tahun pada madrasah ini dan sepanjang tempoh itu telah lahir beberapa tokoh ternama Perak antaranya ialah, Tuan Haji Asa'aya- Mufti Perak Ke-4, Dato' Abu Hasan bin Abd. Majid-Mufti Perak ke-5 dan juga Ustaz Haji Abu Bakar al-Baqir pejuang kemerdekaan dan pengasas Maahad Ehya as-Syarif.<sup>194</sup>

Jika pada tahun sebelumnya para pelajar adalah 150 orang, sewaktu beliau menjadi mudir bilangan pelajar bertambah lagi kepada 250 orang dan tujuh orang guru baru telah dilantik. Beliau telah melipat gandakan usaha mudir sebelumnya dan telah menjadikan madrasah ini terkenal di seluruh Malaya. Dikatakan juga cara penyampaian pelajaran yang dibuat oleh beliau adalah berbentuk hafalan ataupun hafazan. Syeikh Abdullah Fahim merupakan seorang ulama yang mempunyai prinsip pendidikan yang jelas. Sebagai seorang ulama yang tegas beliau sentiasa memantau pergerakan pelajar-pelajarnya. Sebagai contoh beliau sering membuat *spot check* mengejut terhadap pelajar-pelajarnya yang meninggalkan sembahyang subuh di asrama. Beliau begitu tegas dalam hal pendidikan pelajar dan mengutamakan disiplin Islam dalam menyampaikan pengajarannya. Terdapat sembilan prinsip pendidikan beliau iaitu;<sup>195</sup>

1. Mengemukakan tafsiran pada ayat-ayat al-Quran secara *tahqiq*. Berpandukan tafsir-tafsir muktabar serta meletakkan fahaman khas dan amnya. Semua pelajar beliau pada peringkat tinggi digalakkan membaca tafsir al-Baidhawi,

---

<sup>194</sup> Pengasas Maahad Ehya as-Syariff Gunung Semanggol Perak.

<sup>195</sup> Jurnal Khas Madrasah Idrisiah 2000 (2000), *op.cit*, h. 20-25.

al-Khazim, an-Nasafi dan Ibnu Abbas. Semua pelajar baru dan lama diwajibkan mengikuti pengajian umum membaca tafsir *al-Jalalain* pada tiap-tiap selepas solat subuh dan maghrib.

2. Meneliti hadis dengan faham *muafiqah* dan *muqalaqah*. Sesiapa sahaja yang menjadi muridnya, beliau mewajibkan mereka mengikuti pengajian umum bahagian hadis Sahih Bukhari di Kepala Batas dan Sahih Muslim di Kuala Kangsar.
3. Mengikuti matan-matan ilmu tauhid dan fekah. Dihafal dan difahamkan pengertiannya.
4. Menetapkan ujian secara *umumi* terus berjalan di samping persekolahan.
5. Semangat belajar dan mengajar dan meletakkan usaha belajar dan mengajar perkara utama dan paling dihormati dalam kehidupan.
6. Menyebarkan fahaman kitabnya.
7. Tidak menimbulkan masalah khilafiah untuk fahaman orang ramai dan mengamal pendapat ahli Sunnah Wal Jamaah dan Mazhab Syafie dalam pegangan tauhid dan feqah.
8. Sekolah berhampiran masjid untuk latihan rohani dan asuhan ibadat kepada pelajarnya.
9. Menggunakan kitab-kitab bahasa Arab dalam semua mata pelajaran *umumi* dan persekolahan.

Dengan itu, beliau sangat disegani kerana kewarakkannya dan selain di Perak peranannya juga turut meninggalkan kesan di Pulau Pinang. Di atas keprihatinan beliau terhadap kecemerlangan pelajar-pelajarnya, hubungan dengan sultan Perak

menjadi nadi utama mempertingkatkan mutu pendidikan madrasah yang dipimpinnya. Walau bagaimanapun, kegemilangan madrasah ini sebagai sebuah pusat pendidikan yang masyhur telah terjejas rentetan daripada berlakunya peristiwa Perang Dunia Kedua. Madrasah Idrisiah mengalami zaman kemerosotan dan sistem pelajarannya yang dahulu berjalan dengan baik sudah tidak lancar lagi.

#### **3.15.4 Tuan Sheikh Haji al-Zubair Haji Ahmad (1948-1976)**

Akibat daripada persaraan Sheikh Abdullah Fahim Haji Ibrahim, Madrasah Idrisiah telah kehilangan seorang ulama yang berkalibar membawa era kecemerlangan madrasah tersebut. Selang beberapa bulan Madrasah Idrisiah tidak mempunyai penggerakannya. Akhirnya telah ditemui seorang ulama muda yang baru sahaja menghabiskan pengajiannya di tanah suci Makkatul Mukarramah. Pihak jawatankuasa Tadbir Madrasah Idrisiah telah bersetuju dengan perkenan Sultan untuk melantik Tuan Sheikh al-Zubair menjadi mudir yang ke empat mulai tahun 1948. Dengan pengalaman dan peranannya membuka institut pengajian di Mekah, maka sewajarnya beliau berjaya membawa Madrasah Idrisiah ke arah kecemerlangan lebih-lebih lagi Madrasah ini di bawah naungan sultan.<sup>196</sup>

Syeikh al-Zubair adalah penyambung zaman kegemilangan Madrasah Idrisiah yang telah dilakukan oleh Syeikh Abdullah Fahim. Beliau adalah mudir yang paling lama berkhidmat di Madrasah Idrisiah selama hampir 28 tahun. Cintanya terhadap

---

<sup>196</sup> *Cenderamata Jubli Emas*, Madrasah Idrisiah Bukit Chandan, Kuala Kangsar, The United Press, Pulau Pinang, 7 September, 1972.



Madrasah Idrisiah amat besar apabila beliau mewasiat kepada keluarganya supaya sebahagian daripada hasil rumah di Teluk Intan terus disumbangkan untuk membantu anak-anak yatim di Madrasah Idrisiah.<sup>197</sup> Perwatakan yang lembut pada waktu normal atau biasa dan tegas serta berani pada waktu tertentu. Beliau juga bergiat dalam pergerakan Ihya antara tahun 1947-1948.<sup>198</sup> Seperti mudir-mudir sebelum ini, beliau amat bertegas dalam soal penghayatan Islam khususnya mengenai sembahyang berjemaah di Masjid Ubudiah.

Pendekatan yang tegas terhadap pelajar-pelajarnya, supaya bersembahyang secara berjemaah merupakan faktor pendorong ibubapa untuk menghantar anak-anak mereka ke Madrasah Idrisiah. Sambutan ibubapa terhadap madrasah ini amat menggalakkan. Pada tahun 1966 terdapat lebih kurang 385 orang penuntut. Sikap tegasnya, terhadap pelajar-pelajarnya menjadikan buah mulut masyarakat khususnya pelajar-pelajar yang meninggalkan sembahyang. Semasa pemerintahan Sultan Yusof Izzuddin Shah (1948- 1963), Sultan Perak yang ke-32, beliau telah menitahkan Tuan Syeikh al-Zubair mengadap baginda, kerana baginda menerima aduan bahawa Sheikh al-Zubair memukul pelajarnya kerana meninggalkan sembahyang berjemaah. Namun penjelasan yang diberikan oleh Syeikh al-Zubair menyebabkan Sultan Yusof menitahkan agar gaji bulanan beliau dinaikkan sebanyak lima puluh ringgit.<sup>199</sup> Dengan ketegasan tersebut menyebabkan nama Madrasah Idrisiah semakin bertambah harum.

---

<sup>197</sup> *Al-Fikrah Edisi Milenium* (2000), *Madrasah Idrisiah*, Bil: 008. h. 13.

<sup>198</sup> Nabir bin Haji Abdullah (1976), *op-cit*, h. 95.

<sup>199</sup> *Jurnal Khas Madrasah Idrisiah 2000* (2000), *op.cit*, h. 17.

Dalam zaman pemerintahan Sultan Yusuf, baginda begitu mengambil berat tentang prestasi Madrasah Idrisiah. Malah sikap prihatin baginda sultan sering menghulurkan derma bagi kemajuan Madrasah Idrisiah setiap kali baginda menyambut hari keputeraan. Baginda pasti akan menjemput penuntut madrasah ke jamuan makan baginda di Istana Iskandariah. Pada tahun 1960an, Madrasah Idrisiah terus menempa nama di bawah pimpinan Syeikh al-Zubair. Dalam mendidik pelajarannya Syeikh az-Zubair menjalankan pelbagai program ko-kurikulum. Aktiviti ko-kurikulum dilaksanakan sama ada program sukan ataupun berpersatuan. Latihan syarahan dan pidato diperkenalkan bagi mengasah bakat kepimpinan anak muridnya. Di Madrasah Idrisiah, kebanyakan mata pelajarannya adalah dalam bahasa Arab, namun pengajaran Bahasa Inggeris juga diutamakan. Bagi meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris, beliau telah mengadakan minggu bahasa seperti syarahan, pidato dan sebagainya. Sumbangan dan peranan yang dijalankan oleh Syeikh Az-Zubair begitu bermakna dan sepatutnya mendapat sanjungan yang tinggi.

Pada masa inilah bermulanya perbincangan-perbincangan untuk mengadakan kelas akademik kepada pelajarannya seiring perkembangan pendidikan sekolah-sekolah yang ditadbir oleh kerajaan. Perbincangan panjang lebar dijalankan bagi memastikan pelaksanaan matapelajaran akademik dilaksanakan.<sup>200</sup> Pelajaran akademik yang dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Amanah Wakaf Al-Marhum Sultan Idris dibahaskan setelah menerima desakan daripada pelajar-pelajarannya.<sup>201</sup> Akibat desakan-desakan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Madrasah yang memerlukan pelajaran

---

<sup>200</sup> Minit mesyuarat bertarikh 1.2.75. Bil (16), dlm. MIBCKK. 1/74.

<sup>201</sup> Minit mesyuarat bertarikh 27.4.74. bil (5), dlm. MIBCKK. 1/74.

akademik maka satu kertas kerja telah dirangkasupaya pelajaran Bahasa Arab dan Ugama dilaksanakan pengajaran dengan pelajaran akademik.<sup>202</sup> Pada tahun 1975, Jawatankuasa Madrasah Idrisiah telah bersetuju untuk mengadakan matapelajaran akademik bersama dengan pelajaran ugama dan Bahasa Arab dalam penggal ke tiga persekolahan pada tahun itu. Jawatankuasa juga telah memohon peruntukan sebanyak RM 3000 dari Pemegang Amanah Ugama dan Khairat Al-Marhum Sultan Idris bagi melaksanakan program pendidikan tersebut.<sup>203</sup> Program pendidikan akademik ini dilaksanakan bagi memenuhi hasrat pelajar - pelajar dan mengikut arus perdana pendidikan negara.

Di penghujung tugasnya menjadi mudir di Madrasah Idrisiah, penuntut-penuntut Madrasah Idrisiah semakin berkurangan. Walaupun usaha dijalankan untuk memulihkan Madrasah Idrisiah namun usaha yang dijalankan tidak berjaya. Sambutan Jubli Emas sebagai usaha pemulihan tidak mendapat sambutan daripada pihak jawatankuasa tadbir madrasah. Persatuan murid tua yang pernah memohon untuk mengadakan mesyuarat pada tahun 1974 telah ditolak oleh Jawatankuasa Tadbir ketika itu. Zaman kemerosotan terus berlaku antara tahun 1976 hinggalah pada tahun 1985.<sup>204</sup> Majlis Ihtifal atau penyampaian anugerah dan sijil yang dilaksanakan setiap tahun bagi memberikan penghargaan kepada pelajar-pelajar yang cemerlang tidak dijalankan antara tahun 1972 hingga 1985.

---

<sup>202</sup> Lihat kertas kerja bagi memajukan Madrasah Idrisiah, 22 April 1975. Dari Pejabat Orang Besar Jajahan. Lihat juga Surat, Dato' Setia Abdul Wahab bin Nordin AMP, PPT PJK, Pengerusi Jawatankuasa Madrasah Idrisiah Bukit Chandan, Kuala Kangsar, 23.4.1975 dalam fail O.B.J.P. Bit (29) No. 38/74.

<sup>203</sup> Surat dari Dato' Setia Abdul Wahab bin Nordin AMP, PPT, P1K, Pengerusi Jawatankuasa Madrasah Idrisiah Bukit Chandan. Kuala Kangsar, bertarikh 23 April 1975. dalam Fail O.B.J.P bil 27. NO. 38/74.

<sup>204</sup> Jurnal Khas Madrasah Idrisiah 2000 (2000), *op.cit*, h. 16.

Dalam konteks ini, peranan sultan adalah amat penting bagi melihat pembangunan Madrasah Idrisiah. Pada setiap kali Majlis Ikhtifal dilaksanakan, sultan yang menduduki takhta kerajaan pasti akan hadir menyampaikan penghargaan. Amalan tradisi ini berterusan sehinggalah di bawah pemerintahan Sultan Yusuf Izzuddin Shah (1948- 1963). Dalam zaman pemerintahan Sultan Idris Shah 11(1963-1984), baginda hanya sekali menyertai majlis-majlis rasmi Madrasah Idrisiah iaitu Jubli Emas pada tahun 1972. Keadaan ini memperlihatkan peranan sultan dan ulama amat penting dalam membangunkan Madrasah ini. Sheikh al-Zubair telah mengundurkan diri dan menjadi Mudir Madrasah Idrisiah pada tahun 1976, kerana keuzurannya yang tidak memungkinkan beliau terus berkhidmat di Madrasah tersebut.

### **3.15.5 Dato' Haji Abu Hassan bin Abdul Majid (1976-1983)**

Setelah beliau meletakkan jawatan, mudir Madrasah Idrisiah yang berikutnya adalah seorang mufti negeri Perak iaitu Dato' Haji Abu Hassan bin Abdul Majid.<sup>205</sup> Beliau adalah bekas mufti Perak merangkap Jawatankuasa Tadbir Madrasah Idrisiah pada masa itu. Beliau dilantik menjadi Mudir Idrisiah yang ke lima bermula pada tahun 1976 hingga 1983. Beliau berusaha untuk memajukan semula Madrasah Idrisiah, namun usaha yang dijalankan tidak berkesan. Usaha menarik pelajar perempuan telah dijalankan tetapi kurang mendapat sambutan.<sup>206</sup> Tuan Haji Abu

---

<sup>205</sup> Jurnal Khas Madrasah Idrisiah 2000 (2000), *op.cit*, h. 17.

<sup>206</sup> Al-Fikrah Edisi Milenium, *op.cit*, h.31.

Hassan bin Abdul Majid tidak membawa perubahan kepada Madrasah Idrisiah kerana uzur. Setelah enam tahun berkhidmat akhirnya beliau meletakkan jawatan. Pada ketika ini, seolah-olah Madrasah Idrisiah tidak dipedulikan langsung oleh pelbagai pihak samada pihak kerajaan ataupun sultan. Pelajarnya terus merosot sehingga mencapai angka 30 orang sahaja. Kemosotan yang berlaku pada waktu itu adalah kerana mudir Dato' Haji Abu Hassan bin Abdul Majid sering sakit dan tiada penganti yang boleh menggantikan beliau dan pentadbiran madrasah juga menghadapi masalah. Di sebabkan itu juga, ramai ibu bapa telah mneghantar anak-anak mereka belajar di sekolah-sekolah lain di Perak.

### **3.15.6 Tuan Haji Nawawi bin Hassan (1983-1985)**

Selepas perletakan jawatan Tuan Haji Abu Hassan, pihak pentadbir telah melantik Tuan Haji Nawawi bin Hassan (1983-1985) sebagai Mudir Madrasah Idrisiah yang keenam. Dengan harapan beliau sebagai murid tua madrasah ini, iaitu pelajar sulung yang berkhidmat di Madrasah boleh membawa perubahan kepada Madrasah Idrisiah. Percubaan untuk menaikkan mutu dan prestasi Madrasah Idrisiah telah dilakukannya. Disebabkan masalah kewangan, perubahan tidak dapat dijalankan. Tuan Haji Nawawi telah memasukkan pelajaran akademik sebagai kurikulum sekolah di Madrasah Idrisiah. Buat pertama kali juga beliau menerima pelajar-pelajar perempuan. Cuti juga telah diubah dari hari Jumaat ke hari Sabtu dan Ahad. Namun perubahan tidak berlaku kerana pada tahun 1985, beliau telah meninggal dunia. Sikap yang ditunjukkan oleh pentadbir merupakan faktor yang menyebabkan kemosotan Madrasah Idrisiah yang sukar dibendung. Peranan sultan

yang memerintah ketika itu, tidak ke arah untuk membangun dan menyelesaikan masalah. Masalah terus berlaku, akhirnya Madrasah Idrisiah terus merosot, Baginda DYMM Paduka Seri Sultan Perak iaitu Sultan Idris Shah II tidak memberi sokongan dan dorongan seperti sultan-sultan yang memerintah sebelum ini.

Pada kebiasaanya raja yang memerintah negeri Perak akan terus memberi sokongan dan galakan untuk mudir atau ulama ini memainkan peranannya secara berkesan. Keadaan sedemikian mungkin menjadi faktor yang boleh melemahkan motivasi kepada ahli-ahli jawatankuasa untuk mencari jalan penyelesaian bagi membangunkan semula Madrasah Idrisiah. Keadaan bangunannya semakin usang seolah-olah Madrasah Idrisiah tidak mempunyai peluang untuk bangkit semula menjadi Madrasah yang disegani sebelum ini. Namun nasib Madrasah Idrisiah telah terbela dengan perlantikan DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah menaiki takhta kerajaan negeri Perak pada 3 Febuari 1984.<sup>207</sup>

### **3.15.7 Ustaz Musa Bin Zainuddin (1985-1999)**

Ustaz musa mula berkhidmat pada 1 Jun 1985 iaitu selepas mendapat titah baginda Sultan Perak Sultan Azlan untuk menjadi mudir ketujuh di Madrasah Idrisiah. Sebelum berkhidmat dengan madrasah ini, beliau menjawat jawatan sebagai Penyelia Penerangan dan Dakwah JAIPk. Sebagai seorang yang sangat berminat mengarang, beliau dengan gigih telah menghidupkan semula majalah bulanan

---

<sup>207</sup> Adib Vincent Tung Abdullah (1999), *Adat Pusaka & Raja-Raja Orang Besar-Besar Negeri Perak Darul Ridzuan*. Ipoh: Compass Life Sdn. Bhd, h. 18.

keluaran Majlis Agama Islam Perak dengan nama barunya Suara Majlis. Beliau juga terlibat sebagai kumpulan pengarang majalah awal seperti Seruan Majlis dan ar-Ridzwan. Setelah kedua-dua majalah berhenti untuk beberapa lama, Suara Majlis kembali ke pangkuan masyarakat pada 18 Oktober 1982 dan beliau menjadi Ketua Pengarang sehingga awal tahun 1990. Di antara ruangan kelolaan beliau adalah 'Dialog Anak-anak Muslim', 'Mimbar Jumaat', 'Tokoh Ulama Tempatan' dan 'Aki Merungut Lagi...'.<sup>208</sup>

Namun setelah dilantik menjadi mudir, beliau dan ahli-ahli Lembaga Tadbir, guru-guru dan kakitangan berikhtiar memulihkan institusi agama yang hampir tercicir dalam senarai arus perdana pendidikan negara. Berkat kesungguhan dan kegigihan semua, Idrisiah terus dijana dengan pemulihan pembangunan yang agak pesat dalam tempoh 10 tahun. Dalam masa tersebut enam buah bangunan telah didirikan dengan jumlah kos sebanyak RM 4 juta.

Sebagai kesimpulan awal, perkembangan yang berlaku dan tahun 1922 hingga 1985, telah memperlihatkan bagaimana sultan dan ulama berperanan dalam memajukan Madrasah Idrisiah, Bukit Chandan Kuala Kangsar Perak. Ulama yang berwibawa dan peranan sultan terhadap perkembangan Islam menjadi fokus utama dalam memperlihatkan perkembangannya di Perak. Kita boleh lihat secara keseluruhan antara tahun 1922 hingga 1985, perkembangannya boleh dibahagikan kepada tiga tahap iaitu tahap penubuhan, kegemilangan dan kemerosotan. Manakala

---

<sup>208</sup> Dokumen peribadi milik Cikgu Abdul Rahman Najib bin Mohd Noor, Penolong Kanan Akademik Madrasah Idrisiah.

bagi tahun 1985 hingga 1999 penulis klasifikasikan ia sebagai tahap pemulihan dan usaha-usaha ke arah pembaharuan ini telah dibuat sendiri oleh ustaz Musa bin Zainuddin, bekas mudir madrasah yang ke tujuh. Penulis akan menjelaskan lebih lanjut mengenai biografi dan sumbangan beliau di dalam bab keempat penulisan ini.

### **3.16 Sistem Pentadbiran Madrasah Idrisiah**

Seawal penubuhan Madrasah Idrisiah, sistem pentadbiran madrasah telah di pantau khas oleh Sultan Perak. Struktur pertadbiran madrasah biasanya terletak di bawah sesebuah institusi tertentu yang wujud. Ini dapat dilihat seperti yang disebut oleh Zahoor Ahmad.<sup>209</sup>

*Most of madrasah are run by the management committees or the boards of governors, but some are managed by the State Religious Affairs Departments of various Malay State;*

Madrasah Idrisiah mempunyai pentadbirannya sendiri dan Jawatankuasa Tadbir ini disandang oleh individu-individu yang mempunyai pengaruh di istana. Dari segi sejarahnya, Jawatankuasa Tadbir Madrasah Idrisiah mempunyai tiga orang pengerusi. Mereka terdiri daripada salah seorang kerabat diraja Perak, Orang Besar Jajahan (Orang Kaya-kaya Setia Bijaya Diraja Perak) dan Pegawai Daerah Kuala Kangsar yang juga merangkap Pengerusi Amanah Khairat Sultan Idris (wakaf). Mereka yang menjadi ahli jawatankuasanya seramai empat belas orang, sepuluh

---

<sup>209</sup> Zahoor Ahmad Fazal Hussain (1975), *Analysis Of The Effects Of Changes In Administrative Policies Of The Singapore Ministry Of Education On The Operation Of The Singapore School System 1960-1972*, Tesis PhD untuk University Microfilms International, h. 60.



daripadanya bekas murid tua Madrasah Idrisiah dan empat orang lagi dilantik oleh jawatankuasa tersebut.

Pada peringkat awal Jawatankuasa Tadbir cuma mempunyai lima orang ahli sahaja. Mereka terdiri daripada dua Orang Besar Negeri, Mudir Madrasah dan Setiausaha serta seorang kerani.<sup>210</sup> Mungkin jumlahnya tidak ramai disebabkan Madrasah Idrisiah baru bertapak dan jumlah penuntut pula tidak begitu ramai. Institusi ini cuma sekadar untuk mengorganisasikan perjalanan pentadbiran madrasah, untuk menuju ketahap yang lebih maju lagi. Pada peringkat permulaan Madrasah Idrisiah cuma mempunyai seramai tiga orang guru sahaja. Mereka terdiri daripada mudir pertamanya, Haji Mohd Salleh, Tuan Habib Abdullah dan Ustaz Osman Yaakob. Ustaz Osman Yaakob di samping menjadi guru juga menjadi kerani madrasah ini.

Madrasah Idrisiah ditadbir oleh satu Jawatankuasa Tadbir dengan dipengerusikan oleh sesiapa sahaja yang memegang jawatan Pegawai Daerah Kuala Kangsar. Seorang daripada Orang Besar jajahan ini dipilih oleh baginda Sultan dari siapa yang menjadi Orang Kaya-kaya Bijaya Diraja. Penulis tidak mendapat senarai lengkap ahli-ahli lain dalam Jawatankuasa tersebut (peringkat awal). Sesiapa yang menjadi mudir secara automatik akan menerajui madrasah dan bertindak sebagai pentadbirnya.

---

<sup>210</sup> Temu bual bersama Cikgu Rahman Najib bin Mohd Noor pada 31 Mac 2009 di bilik kaunseling Madrasah Idrisiah, jam 11 pagi.

Jawatan pengerusi dipilih daripada tiga orang ahli yang dilantik dalam Jawatankuasa Tadbir Madrasah Idrisiah. Orang yang terutamanya dilantik ialah Yang Berbahagia Orang Kaya-Kaya Shah Bandar Tuan Ahmad Bin Haji Tahir.<sup>211</sup> Selepas beliau meninggal dunia, jawatan pengerusi diserahkan oleh baginda Seri Sultan Perak kepada Orang Kaya-Kaya Setia Bijaya Diraja Perak iaitu Tuan Juragan Abdul Shukur.<sup>212</sup> Setelah beliau kembali kerahmatullah, anaknya Tuan Mohd Nordin telah menyandang jawatan ini. Akhirnya hingga kini, jawatan pengerusi masih dipegang oleh Orang Kaya-kaya Setia Bijaya Perak seperti Dato' Abdul Wahab bin Sir Mohd Nordin. Jawatan ini kemudiannya telah menjadi suatu warisan sehingga kini.

Di awal penubuhannya Jawatankuasa Tadbir Madrasah Idrisiah dengan mudirnya Tuan Haji Muhammad Salleh, manakala perkenannya daripada Duli Paduka Seri Sultan Perak. Senarai Jawatankuasa Tadbir Madrasah Idrisiah ini tidak dapat penulis paparkan kerana ketiadaan rekod-rekod lama. Pengerusi daripada kerabat diraja Perak iaitu al-Marhum Raja Abdul Rashid ibni Almarhum Sultan Idris al-Muadzam Shah sehingga tahun 1957. Dengan kemangkatan baginda, jawatannya diambil oleh Dato' Muhammad Hashim bin Juragan Abdul Shukur (O.K.K Setia Bijaya Diraja Perak).

Sehingga tahun 1971-1972, ahli jawatankuasa Tadbir Madrasah Idrisiah terdiri daripada Tuan Haji Abdul Hamid bin Sudat, Tuan Haji Mohd Kassim bin Haji Mohd Din, Haji Zawawi bin Haji Salleh dan Tuan Haji Zubair bin Haji Awang.

---

<sup>211</sup> Buku cenderamata Majlis Ikhtifal Madrasah Idrisiah (1985), h. 32.

<sup>212</sup> *Ibid.*

Dato' Setia Bijaya Diraja Dato' Mohd Hashim bin Sir Jeragan Abdul Shukur, Toh Muda Meor Shamsuddin, Dato' Haji Abu Hassan bin Abdul Majid, Haji Abdullah Thani, dan Haji Othman bin Yaakob yang bertindak sebagai Setiausaha. Jatuh bangunnya Madrasah Idrisiah ini bergantung sepenuhnya kepada Jawatankuasa Tadbirnya. Dalam akhir tahun-tahun 1970an, Madrasah Idrisiah mengalami kemerosotan. Selain daripada faktor persaingan, ibu bapa lebih gemar menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah bantuan kerajaan yang lebih terjamin masa depan terutama bagi mendapatkan pekerjaan.

Meskipun Madrasah Idrisiah menghadapi pelbagai masalah dan rintangan namun, ia tetap berfungsi sebagai institusi pendidikan agama yang mempunyai peranannya tersendiri. Perkembangan pendidikan negara, terutama sekolah-sekolah agama menjadi faktor penting yang membawa madrasah turut serta membangun ke arah satu matlamat iaitu untuk berdiri sama tinggi dengan institusi-institusi pendidikan agama lainnya walaupun dalam kesempitan sumber kewangan.

Madrasah Idrisiah bertukar wajah dengan kehadiran bekas muridnya yang dilantik sebagai mudir oleh Sultan Perak Raja Azlan Muhibbuddin Shah ibni Al-Marhum Sultan Yusuf Izudin Shah. Ustaz Musa bin Zainuddin pada 1 Jun 1985 adalah mudir yang ke tujuh bagi Madrasah Idrisiah.<sup>213</sup> Mudir Madrasah Idrisiah inilah yang telah cuba mengembalikan imej dan membangunkan madrasah ini sebagai institusi agama yang berjaya melahirkan kader-kader Islam yang berhemah tinggi.

---

<sup>213</sup> Beliau merupakan bekas pelajar Madrasah Idrisiah pada tahun 1960-an dan pernah menjadi tenaga pengajar di madrasah ini sewaktu zaman Syeikh Zubair.

Jawatankuasa Tadbir madrasah ini telah dirombak dan disusun semula. Kemerosotan dan kemunduran Madrasah Idrisiah menjadi objektif penting Jawatankuasa baru cuba untuk mengatasinya. Baginda Sultan Perak turut memberi perhatian supaya madrasah ini dibangunkan kembali dengan wajah yang baru dan produktif. Atas inisiatif Ustaz Musa, madrasah ini telah memperlihatkan tanda-tanda kegemilangannya akan muncul seperti lampau. Justeru, satu Jawatankuasa Tadbir seramai empat belas orang telah dilantik. Sebahagian besarnya adalah bekas murid tua madrasah Idrisiah.

Pengerusinya disandang oleh Dato' Abdul Wahab bin Nordin. Setiausaha disandang pula oleh Abu Bakar bin Mohammad, dan bendaharinya pula ialah Ustaz Musa bin Zainuddin yang selaku mudir itu. Manakala ahli-ahli jawatankuasa tadbirnya ialah Dato' Haji Abdul Malik bin Haji Nordin, Haji Mior Aris Mior Abu Bakar, Haji Mohd Ghazali bin Haji Abdul Wahid, Dato' Sharif, Mohd Bukhari bin Harun, Tuan Haji Mat Rashid, Haji Wan Ahmad bin Wan Yusuf Haji Mohd Nizar bin Haji Abdul Hamid, Haji Osman bin Haji Arshad dan Haji Zulkifli bin Zakaria.<sup>214</sup>

Jawatankuasa tadbir akan bertanggungjawab ke atas jatuh bangun, mundur majunya Madrasah Idrisiah. Dengan adanya perhatian baginda Sultan Perak kini Madrasah Idrisiah seolah-olah mendapat cahaya untuk melahirkan generasi yang mahir dalam selok belok pengetahuan Islam. Kalau dahulunya Madrasah Idrisiah

---

<sup>214</sup> Taufik Suhaimi bin Ahmad (1998), *Madrasah Idrisiah Kuala Kangsar: Satu Kajian dari Segi Sejarah Penubuhan, Perkembangan, dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam*, Kertas Projek, Jabatan al-Quran dan Sunah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

melahirkan alim ulama tentunya kini ia masih mampu melahirkan generasi yang arif dalam hal ehwal agama Islam setanding dengan institusi-institusi pengajian Islam yang lain.

Urusan pentadbiran Madrasah Idrisiah dikendalikan sepenuhnya oleh mudir dengan bantuan beberapa orang tenaga pekerja. Seorang kerani dibiayai oleh wang AUKSI (Amanah Ugama Dan Khairat Sultan Idris) sebanyak RM 110.00 dan ditambah dengan wang tabung Madrasah Idrisiah sebanyak RM 40.00 sebulan, seorang pelayan pejabat dengan gaji RM 40.00 sebulan yang dibiayai daripada wang AUKSI tersebut. Seorang jurutaip dibiayai oleh Persatuan Bekas Murid Tua Madrasah Idrisiah dengan saguhati bulanan sebanyak 70.00 sebulan.<sup>215</sup>

### **3.16.1 Bantuan Dan Sumber Kewangan**

Kedudukan kewangan madrasah bergantung kepada harta wakaf yang disalurkan kepada tiga institusi iaitu Madrasah Idrisiah, Makam Diraja al-Ghufran di Bukit Chandan dan Masjid Ridzwaniah yang terletak berhampiran Maktab Melayu Kuala Kangsar.

Amanah Agama dan Khairat Idrisiah telah ditubuh di bawah Enakmen Sultan Idris *Religious and Charitable Trust* yang telah digubal pada 1917. Tujuan penubuhan Amanah tersebut ialah untuk menjaga kepentingan harta-harta al-

---

<sup>215</sup> *Ibid.*

Marhum Sultan Idris Shah. Harta- harta yang ditadbirkan terdiri daripada 23 buah rumah kedai yang terletak di Kuala Kangsar.<sup>216</sup> Pemegang amanah dilantik oleh sultan yang memerintah dan beliau terdiri daripada Pegawai Daerah Kuala Kangsar selaku pengerusi kerabat Diraja Perak ataupun waris Sultan dan Dato' Setia Bijaya Diraja Perak. Pemegang amanah bertanggungjawab untuk mengurus dan mengawal dana yang diperoleh untuk tujuan-tujuan tertentu;

- i. Menjelaskan semua bayaran cukai dan lain-lain berkaitan dengan harta tersebut.
- ii. Menyelenggarakan Masjid Ridzwaniah termasuk saguhati kepada Imarn, Bilal, Siak serta pencuci kawasan masjid.
- iii. Penyelenggaraan makam Rahmatullah iaitu Makam al-Marhum Sultan Mursyidul Adzam Shah yang terletak di Bukit Chandan.
- iv. Penyelenggaraan Madrasah Idrisiah termasuk bayaran saguhati kepada guru-guru, kerani, peniaga sekolah dan pemotong rumput.<sup>217</sup>

Pada tahun 1972, jawatankuasa AUKSI ini di pegang oleh En.Nasir bin Taher (pengerusi), manakala ahli-ahlinya ialah Y.M. Raja Badri Shah ibni al-Marhum Raja Haji Harun al-Rashid dan Dato' Setia Bijaya Diraja Perak En.Hasyim bin Juragan Abdul Shukor. Manakala pemegang Amanah tersebut ketika itu terdiri dari:<sup>218</sup>

- i. En. Zulkifli B. Dato' Shariff.

---

<sup>216</sup> Sumber kewangan dan hasil pendapatan kedai-kedai milik AUKSI.

<sup>217</sup> Taufik Suhaimi bin Ahmad (1998), *op.cit.*

<sup>218</sup> Dokumen fail pengerusi Jawatankuasa Madrasah Idrisiah, MIBCKK 1975. *Ibid.*

(Pegawai Daerah Kuala Kangsar dan Pengerusi AUKSI).

- ii. Y.A.M Raja Dato' Seri Iskandar Dzulkarnain ibni Sultan Idris — ahli.
- iii. Yang Bhg. Dato' Abdul Wahab b. Nordin.  
( O.K.K Setia Bijaya Diraja Perak).

Amanah Ugama dan Khairat Sultan Idris (AUKSI) ini merupakan satu badan utama yang bertanggungjawab membiayai perjalanan pentadbiran madrasah Idrisiah. Menurut En. Nasir b. Taher, sebahagian daripada jumlah kutipan hasil badan amanah ini digunakan untuk penyelenggaraan madrasah iaitu hampir RM 25 000 setiap tahun.<sup>219</sup>

Madrasah Idrisiah masih mengalami masalah kewangan kerana ia merupakan institusi swasta. Jumlah yang disalurkan itu masih tidak dapat menampung kos pentadbiran madrasah berkenaan. Gaji bulanan guru-guru cukup rendah dan jauh berbeza dengan pendapatan guru-guru yang mengajar di sekolah bantuan kerajaan. Mereka hanya menerima bayaran dalam lingkungan hanya RM 80 hingga RM120 sebulan. Namun ketabahan dan keikhlasan guru-gurunya madrasah masih berfungsi seperti biasa walaupun ada di antara beberapa orang guru yang telah berhenti.

Pada masa kini Idrisiah mengalami masalah untuk mendapat guru-guru yang berkelayakan sedangkan pertambahan murid makin meningkat semenjak tahun 1985. Untuk mengatasi masalah tersebut pada tahun 1987, beberapa orang guru telah diambil menjadi tenaga pengajar di madrasah ini. Antaranya cikgu Fauziah bt

---

<sup>219</sup> Buku cenderamata sempena Jubli Emas, h. 15-16.

Kamaruddin, Abdul Rahman Najib dan beberapa orang guru lain yang dibiayai atas nama bekas murid-murid tua Madrasah Idrisiah. Mereka dibayar gaji dari derma yang disalurkan kepada wakaf Sultan Idris. Sumbangan amanah ini masih belum mencukupi sedangkan jika dilihat dari sumber-sumber penyewaan kedai-kedai Sultan Idris sangat sedikit. Ini disebabkan tiadanya penjanjian khusus dengan penyewa yang masih enggan untuk menerima kenaikan sewa. Jika dilihat pada masa sekarang jumlah nilai sewa sepatutnya dalam anggaran RM 700 sebulan, sedangkan sewanya dulu cuma RM 100- RM 150 sahaja.<sup>220</sup>

Meskipun ada usaha-usaha untuk menaikkan sewa bagi menampung tabung AUKSI namun ia masih belum menampakkan hasilnya sehingga kini. Kesannya Madrasah Idrisiah mengalami masalah kewangan yang kurang mencukupi kerana ia memerlukan perbelanjaan besar untuk menampung perkembangan yang semakin menggalakkan. Hal ini jelas menunjukkan tabung AUKSI terpaksa disalurkan kepada tiga buah institusi atas Amanah Sultan Idris. Jika hanya bergantung kepada tabung AUKSI, madrasah akan terus menghadapi masalah kewangan.<sup>221</sup>

Untuk mengatasi masalah kewangan, madrasah telah mendapat sumbangan derma dari institusi-institusi yang bersimpati terhadap masalah ini di samping pelbagai usaha untuk mengisi tabung kewangan madrasah. Antaranya termasuklah mendapatkan kembali Tabung Kuliah Iskandar yang bernilai kira- kira RM 70,000.<sup>222</sup> Dengan itu, atas titah perintah baginda Sultan Perak, pihak Chandan Development

---

<sup>220</sup> *Ibid.*

<sup>221</sup> *Ibid.*

<sup>222</sup> Buku cenderamata Majlis Ikhtifal (1985), h. 36.



telah mendermakan hampir RM 100,000 untuk mengecat semula dan membaiki bangunan madrasah.<sup>223</sup> Selain itu, mulai tahun 1986, yuran tahunan terpaksa dinaikkan dari RM 25 kepada RM 85 setahun. Ini bertujuan untuk memulihkan semula madrasah dan terdapat beberapa pihak telah memberi bantuan berbentuk material. Tabung AUKSI telah menderma sebanyak RM 2400 untuk membiyai pembelian kerusi dan meja, Ahli Parlimen Kuala Kangsar 1986, Yang Berhormat Datin Paduka Rafidah Aziz telah memperuntukkan sebanyak RM 16,000 untuk membiyai kantin dan bilik air, Y.B Dato' Pengelola Bijaya Diraja menyumbangkan kamera, '*amplifier*' dan '*speaker*', Setiausaha Tadbir Madrasah Idrisiah, Tuan Haji Wan Ahmad b. Wan Yusuf telah menyumbangkan sebuah television dan perakam video dan Syarikat Sabudin Aked Majlis Amanah Rakyat (MARA) turut menyumbangkan 1000 keping bata manakala madrasah sendiri telah menyumbang sebanyak RM 1605.<sup>224</sup>

Oleh kerana madrasah merupakan sebuah institusi swasta dan rasmi dianggap sebagai sekolah agama rakyat pada waktu itu maka, sukar bagi pihak kerajaan khasnya Kementerian Pendidikan untuk menyalurkan bantuan yang sepatutnya. Justeru, pihak tadbir madrasah cuba menjadikannya sebagai sebuah Sekolah Menengah Agama Daerah. Dengan itu, setelah mendapat status sekolah menengah bantuan kerajaan ia telah memudahkan madrasah untuk mendapatkan bantuan dari pihak-pihak tertentu di samping peruntukan daripada Kementerian Pendidikan.

---

<sup>223</sup> *Ibid.*

<sup>224</sup> Catatan Mensyuarat Jawatankuasa Tadbir Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar (1986), bil. 2/86, 11 Sept 1986, bil (132) dalam SPK 4/7/12 Pt. 1, h. 3.

### **3.17 Sistem Pendidikan Madrasah Idrisiah**

Semasa pentadbiran Ustaz Haji Nawawi, cara pengajarannya adalah lebih banyak dititik beratkan kepada hafalan, mata pelajaran belum begitu meluas lagi. Misalnya Tauhid, Fikah, Tasauf, Nahu, Tajwid, Bahasa Arab dan Al-Quran sahaja. Pada waktu itu terdapat tiga buah kelas. Pelajar dinaikkan dari tahun ke tahun tanpa peperiksaan, yang ada hanya ujian bertulis dan di buat pada hari Khamis. Masa belajar pula terdapat dalam dua sesi sehari. Sesi pertama adalah sebelah pagi bermula pada pukul 8 pagi hingga 11 pagi. Manakala sesi petang bermula pada pukul 2 petang hingga 4 petang setiap hari.

Tempoh belajar masih dikekalkan mengikut mudir sebelumnya namun dari sudut penggunaan kitab dan matapelajaran ia mula meniti perubahan ketika Syekh Abdullah Maghribi menjadi mudir kedua. Perubahan yang telah dilakukan oleh beliau ialah memperkemaskan lagi peraturan sekolah dan telah memperkenalkan beberapa mata pelajaran baru. Oleh kerana beliau merupakan seorang pelajar lulusan timur tengah boleh dikatakan pengajaran yang diketengahkan juga adalah bertitik tolak daripada pembelajarannya di Mekah. Bahasa Arab adalah bahasa pengantar yang digunakan di dalam kelas dan kitab-kitab juga adalah terdiri daripada terbitan bahasa Arab. Mata pelajaran yang diperkenalkan ialah Tafsir, Sejarah dan Hadith. Ketika ini juga sistem peperiksaan telah mula diperkenalkan yang bertujuan membolehkan pelajar berusaha lebih gigih dan membolehkan mereka naik ke kelas berikutnya.

Peperiksaan pula akan diadakan pada setiap hujung tahun dan kelas yang tertinggi pada waktu itu ialah kelas empat.<sup>225</sup>

Bagi mengisi masa lapang pelajar, beliau telah mengutarakan satu langkah positif iaitu dengan mengadakan satu latihan syarahan Bahasa Arab kepada setiap pelajar madrasah ini. Tujuannya adalah untuk memahirkan pelajar berbahasa Arab dengan baik disamping mengasah bakat mereka untuk menjadi seorang pendakwah yang baik. Latihan syarahan ini akan dilakukan pada setiap pagi Khamis dan dikelolakan oleh beliau sendiri. Sewaktu berjalannya sesi latihan ini, tajuk syarahan akan diberikan secara spontan dan pelajar dikehendaki bersedia dengan pelbagai kemungkinan tajuk yang akan diberikan. Tajuk yang sering diutarakan oleh beliau adalah berkisar tentang soal-soal berhubung dengan agama, akhlak dan isu-isu masyarakat. Semasa berlangsungnya latihan syarahan ini, pelajar sama sekali tidak dibenarkan untuk berbahasa Melayu. Seandainya didapati ada pelajar yang melanggar peraturan ini pihak sekolah akan menangkapnya dan akan dibicarakan. Perbicaraan tersebut juga akan dijalankan dalam bahasa Arab.<sup>226</sup>

Jika mudir sebelum ini kelasnya adalah pada dua sesi, ketika Syeikh Fahim pula waktu kelas telah berubah pada sesi pagi sahaja. Ini dilakukan seperti sesi persekolahan biasa yang sering terdapat di sekolah-sekolah aliran vernakular. Dari sudut pembelajaran, beliau berpegang kepada sembilan prinsip pendidikan di dalam pengajarannya. Bagi menggantikan waktu terluang di sebelah petang, beliau telah

---

<sup>225</sup> Temu bual bersama Cikgu Rahman Najib bin Mohd Noor pada 31 Mac 2009 di bilik kaunseling Madrasah Idrisiah, jam 11 pagi.

<sup>226</sup> *Ibid.*

membuka satu kelas baru yang dikenali sebagai ‘Kelas Umumi’. Kebiasaannya kelas ini dijalankan ketika sebelum masa waktu Asar dan berterusan sebelum masuk waktu Mahgrib dan Isyak. Kelas ini tidak terhad kepada pelajar madrasah sahaja, malah ia telah dibuka kepada orang ramai dan kebiasaannya mereka yang datang adalah terdiri daripada orang-orang Bukit Chandan dan Kuala Kangsar. Walau bagaimanapun, setelah pengunduran beliau dari madrasah ini kelas ini telah ditutup.<sup>227</sup>

Ketika Syeikh Zubir menjadi mudir pula, kelas tujuh merupakan kelas tertinggi sekali. Syarat bagi memasuki kelas ini, pelajar mesti lulus dalam menduduki peperiksaan khas yang telah disediakan oleh pihak madrasah. Pelajarnya juga adalah amat sedikit berbanding dengan kelas lain iaitu sekitar lima ke tujuh orang sahaja. Pelajar akan belajar selama dua tahun, manakala sesi pembelajarannya pula adalah secara kuliah atau *munaqasyah* yang sama ertinya dengan perbincangan di antara para pelajar dengan guru. Pada peringkat ini matapelajaran yang diperkenalkan kepada pelajar juga adalah berbeza berbanding dengan kelas lain dan tinggi skop pengajiannya. Antara subjek-subjeknya ialah.<sup>228</sup>

- i. Ilmu Agama (*Ulum Diniah*), Tauhid, Fikah, Hadith, Tafsir dan Faraid.
- ii. Bahasa Arab (*Ulum Arabiah*), Nahu, Saraf, Insya’ Balaghah, Mantiq, ‘Arud, Mutala’ah, Muhadathah, Mahfuzat dan Imla’.
- iii. Ilmu Masyarakat (*Mawad Ijtima’iyah*), Sejarah, Ilmu Alam, Ilmu Hisab dan Ilmu Falaq.

---

<sup>227</sup> *Ibid.*

<sup>228</sup> Temu bual bersama Ustaz Kamaruddin bin Ahmad (Pengetua Madrasah Idrisiah 1999-kini), pada 31 Mac 2009 di bilik pengetua jam 2 petang.

iv. Pelajaran tambahan, Usul Fiqh, Mustalah Hadith dan Usul Tafsir.

Menjelang awal tahun 60an, Madrasah Idrisiah mula meniti era perubahan di mana pada masa ini kelas akademik telah dibuka pada sesi petang. Tidak seperti tahun-tahun sebelumnya ia terdiri dengan kelas agama, pada sesi petang ini mata pelajarannya adalah mengikut sukatan pelajaran pihak kerajaan. Kedatangan guru-gurunya juga adalah berkelulusan Sijil Darjah Lapan Arab dan Sijil Rendah Pelajaran (SRP). Terdapat kelainan berbanding sebelum ini di mana mudir adalah berkuasa pada kedua-dua sesi belajar. Namun setelah sesi akademik ini diperkenalkan, terdapat pengetua khas yang bertanggungjawab ke atas perjalanan persekolahan sesi petang.<sup>229</sup>

Kelas tingkatan tiga diadakan tanpa melalui tingkatan satu dan dua, sebaliknya ia telah diajar sukatan pelajaran tingkatan tiga. Ia dilakukan begitu kerana ramai di antara penuntut kelas ini sudah berumur lingkungan 15 hingga 17 tahun. Ia agak lewat untuk memulakan kelas tingkatan satu dan dua. Kelas ini mendapat kebenaran dari Syeikh Zubair sendiri. Agak menarik kerana seramai 38 orang pelajar menduduki peperiksaan, hanya dua orang pelajar sahaja yang gagal.

Bagi mengendalikan kelas ini segala urusan telah diletakkan di bawah satu jawatankuasa yang terdiri daripada sepuluh orang termasuk pengetua. Pengetua pertama bagi sekolah sesi petang ini adalah En. Wan Ahmad bin Wan Yusuf dan telah memulakan tugasnya pada 1964 hingga 1968. Setahun berikutnya beliau telah

---

<sup>229</sup> *Ibid.*

diganti pula oleh Ustaz Musa Bin Zainuddin sehingga tahun 1972. Antara lain yang turut membantu menubuhkan kelas ini ialah Adnin Masely, Hashim Ariffin, Abdul Ghani Yahya, Shahaimi Haji Ahmad, Jamaluddin Haji Tarnom, Osman Daud, Osman Abu Bakar, dan Mustafa Embok. Sepanjang perjalanan kelas ini ia adalah diluar bidang kuasa pihak madrasah sebaliknya di bawah Jawatankuasa Pelajar. Yuran dikenakan RM 2.00 seorang setiap bulan.<sup>230</sup>

Menurut Ustaz Kamaruddin bin Ahmad,<sup>231</sup> pada ketika ini pelbagai peningkatan dapat dilihat antaranya sistem peperiksaan mula bertambah baik dan maju. Soalan-soalan peperiksaan telah dibuat oleh pemeriksa-pemeriksa luar seperti kadi-kadi, pihak Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak serta guru-guru dari sekolah lain. Kebiasaannya pemeriksa-pemeriksa ini yang bertanggungjawab menyelenggara dan mengawasi peperiksaan para pelajar bagi mengelakkan penipuan berlaku dalam peperiksaan.

### **3.17.1 Biasiswa Iskandar**

Dalam tahun 1938 DYMM Sultan Iskandar telah mengambil satu inisiatif untuk menaikkan kembali semangat pelajar di dalam pelajaran. Berikutan keputusan yang kurang memuaskan beliau telah mengeluarkan satu biasiswa yang dipanggil ‘Biasiswa Iskandar’ bagi mereka yang berjaya melanjutkan pelajaran ke madrasah ini. Baginda telah memberikan sebanyak RM 2000,00 kepada pihak sekolah untuk

---

<sup>230</sup> *Ibid.*

<sup>231</sup> *Ibid.*

diagihkan kepada pelajar-pelajar yang cemerlang tadi. Tujuan baginda adalah tidak lain untuk memastikan pelajar-pelajar meneruskan pengajian di madrasah ini dan mengalakkan mereka untuk mencintai ilmu.<sup>232</sup>

Baginda seorang yang sangat menitik beratkan masalah yang melibatkan pelajar di madrasah ini. Baginda merasa kejatuhan keputusan peperiksaan yang di hadapi oleh pelajar-pelajar di sini perlu diambil tindakan segera. Peratus pelajar yang lulus adalah sekitar 50% sahaja sedangkan 75% lagi terpaksa dibuang kerana malas dan sesetengahnya mengambil keputusan sendiri untuk berhenti kerana gagal memberikan tumpuan kepada pelajaran. Di antara pelajar yang pernah mendapat biasiswa ini ialah Ustaz Musa Bin Zainuddin sendiri.<sup>233</sup>

Selepas kemangkatan baginda tawaran biasiswa ini telah diuruskan pula oleh putera baginda iaitu Sultan Abd. Aziz Al-Mustassim Billah Shah. Selain meneruskan wasiat ayahandanya berkenaan dengan biasiswa tersebut baginda turut memantau urusan pentadbiran madrasah agar tidak timbul masalah. Sewaktu Syeikh Abdullah Fahim menjadi mudir baginda telah menyuarakan hasrat untuk mendirikan sebuah institusi pendidikan tinggi Islam yang bernama Kolej Iskandar.<sup>234</sup> Baginda berhasrat untuk menjadikan Idrisiah sebagai bangunan sementara bagi kolej tersebut. Jadi bagi menguruskan hal berkenaan pembinaan kolej tersebut baginda telah mengusulkan hal

---

<sup>232</sup> Temu bual bersama Cikgu Rahman Najib bin Mohd Noor pada 31 Mac 2009 di bilik kaunseling Madrasah Idrisiah, jam 11 pagi.

<sup>233</sup> *Ibid.*

<sup>234</sup> *Ibid.*

ini kepada Jawatankuasa Amanah Khairat Sultan Idris (JKAKSI) bagi mendapatkan sumber kewangan di dalam pembinaan kolej itu.

Walau bagaimanapun, hasrat baginda ini tidak dapat direalisasikan kerana pemegang JKAKSI tidak bersetuju dengan cadangan tersebut. Malah cadangan itu turut ditentang oleh pihak pentadbir sekolah, lantaran itu telah tercetusnya krisis antara beliau dan pihak pentadbiran akibat keengganan menggunakan sebahagian harta wakaf dan bangunan di dalam pembinaan kolej tersebut. Pada tahun 1974, suatu berita yang mendukacitakan terpaksa diterima oleh para pelajar dan pihak sekolah apabila biasiswa Iskandar ini telah diberhentikan oleh pihak istana. Jadi bagi menampung wang saku pelajar khususnya anak-anak yatim tadi telah ditanggung oleh Jawatankuasa Orang Islam Kuala Kangsar dibawah pengelolaan Tuan Syeikh Zubair.

### **3.18 Lokasi Sekolah**

Kedudukan Madrasah Idrisiah adalah sangat istimewa sekali kerana ia sangat berdekatan dengan masjid dan lokasi yang sangat strategik ini telah memudahkan pelajar menunaikan solat di masjid secara berjemaah disamping melatih mereka untuk lebih mendekati diri dengan masjid. Secara umumnya, masjid merupakan tempat penyatuan masyarakat, pusat pendidikan, tempat kalamullah sering diperdengarkan dan pusat penyebaran Islam. Masjid juga adalah salah satu sumber bagi umat Islam mendapatkan sebarang maklumat semasa selain masjid berperanan dalam menggerakkan masyarakat dan merupakan pusat penyebaran Islam melalui aktiviti dakwah.



Oleh sebab itu, di samping mempelajari pendidikan akademik, para pelajar Madrasah Idrisiah juga boleh mendekati diri dengan program-program agama yang dianjurkan oleh pihak masjid seperti program kem Ibadah, kuliah Subuh dan Maghrib, program Maulidul Rasul, Maal Hijrah, Ihya Ramadhan dan sebagainya. Masjid yang dimaksudkan oleh penulis ialah Masjid Ubudiah. Ia telah dibina pada tahun 1926 setelah terdirinya madrasah ini iaitu ketika zaman Sultan Iskandar Shah. Kedudukan madrasah ini juga adalah berhampiran dengan istana dan menjadikan madrasah ini lebih mudah berhubung dengan pihak istana dalam melaporkan sebarang masalah mengenai sekolah. Jaraknya yang tidak jauh dengan Bandar Kuala Kangsar telah memudahkan pelajarnya untuk membeli barang keperluan tiap kali hujung minggu.

### **3.9 Cabaran yang dihadapi oleh Madrasah Idrisiah Kini**

Dalam menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan, Madrasah Idrisiah memang tidak dapat lari daripada beberapa masalah yang dianggap penting bagi perkembangannya. Antaranya:

- i) Tenaga pengajar yang berkecukupan iaitu guru kementerian amat kurang jumlahnya di Madrasah Idrisiah berbanding guru bantuan Kerajaan Negeri. Hal ini kerana, kadang-kadang tenaga pengajar yang ada tidak memiliki latihan di dalam bidang pendidikan dan ini semestinya akan memberi kesan dari segi mutu pengajaran.

- ii) Teknik pengajaran yang digunakan di madrasah ini masih lagi ketinggalan dari segi penggunaan alat bantuan mengajar dan teknik-teknik moden yang lebih menarik dan berkesan. Ini dapat dilihat melalui kekurangan kelengkapan peralatan makmal sains, kekurangan komputer, projektor dan sebagainya. Bagi penulis, sudah sampai masanya teknik-teknik baru lebih berkesan dan sesuai dengan arus kemajuan ICT (*Information & Communication Technology*) digunakan dengan lebih meluas lagi.
  
- iii) Madrasah juga menghadapi masalah kewangan. Sumber kewangan yang sangat terhad ini memberi impak yang sangat besar dalam pelbagai aspek. Antaranya masalah yang paling ketara sekali ialah di dalam pentadbiran dan pengurusan madrasah di samping menyediakan kemudahan pembelajaran dan tempat tinggal para pelajar serta membayar gaji guru-guru wakaf khususnya.
  
- iv) Aspek prospek kerjaya juga perlu diberi perhatian kepada para pelajar madrasah walaupun pada asasnya ilmu agama dituntut bukan bagi mencapai tujuan dunia semata-mata. Manusia yang berilmu harus memainkan peranannya dalam masyarakat dan memberi sumbangan yang bermakna. Pendekatan integrasi dirasakan perlu walaupun keperluan melahirkan ulama dan umara merupakan visi utama Madrasah Idrisiah.

### **3.10 Kesimpulan**

Penulis merasakan tidak keterlaluan untuk mengatakan bahawa Madrasah Idrisiah merupakan sebuah institusi pendidikan agama pertama di Perak yang agak bertuah kerana memperoleh mudir-mudir yang berkaliber. Walaupun madrasah ini hanya sebuah sekolah agama kerajaan negeri tetapi ia juga berjaya melahirkan cerdik pandai yang berketerampilan dan berkaliber dalam kehidupan mahupun kerjaya. Catatan sejarah iaitu peristiwa sedih dan jatuh bangunnya Madrasah Idrisiah membuktikan bahawa bukanlah suatu yang mudah untuk memastikan madrasah ini terus wujud dan cemerlang dari masa ke masa menghadapi pelbagai cabaran mendatang.

## **BAB 4:**

### **ANALISIS: PERKEMBANGAN MADRASAH IDRISIAH 1985-1999**

#### **4.1 Pendahuluan**

Dalam bahagian ini penulis akan memfokuskan latar belakang dan sumbangan yang dibuat oleh Ustaz Musa bin Zainuddin selaku bekas mudir Madrasah Idrisiah yang ketujuh dan menjadi individu penting dalam menaikkan semula nama madrasah selepas melalui zaman malapnya selama 14 tahun (1970-1984). Semenjak beliau memegang tampuk pentadbiran dan pengurusan di madrasah ini, pelbagai kemajuan dan pembaharuan telah dilakukannya sehingga madrasah berjaya naik seiring institusi-institusi pendidikan Islam yang lain pada waktu itu di Perak seperti Malay College Kuala Kangsar (MCKK), Sekolah Menengah Agama Raja Perempuan Taayah, Sekolah Menengah Izzuddin Shah dan sebagainya.

#### **4.2 Latar belakang dan Riwayat Hidup Ustaz Musa bin Zainuddin**

Lebih sedekad lamanya Madrasah Idrisiah mengalami zaman kemerosotannya dan tokoh penting yang dipertanggungjawabkan bagi membina semula madrasah ini ialah Ustaz Musa bin Zainuddin (1946-1999). Sebelum menjadi mudir<sup>235</sup> Madrasah

---

<sup>235</sup> Penggunaan perkataan mudir adalah kata ganti nama bagi Guru Besar di sekolah-sekolah agama aliran Arab dan di Madrasah Idrisiah ia merujuk kepada pengetua sekolah.

Idrisiah (1985-1999), beliau merupakan Penyelia Penerangan dan Dakwah Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) pada 1 Februari 1972.<sup>236</sup> Apabila Sultan Azlan Muhibbuddin Shah menaiki takhta kerajaan Perak pada tahun 1984, pada masa itulah baginda menitahkan Ustaz Musa bin Zainuddin menjadi Mudir madrasah yang ketujuh dan mula berkhidmat pada 1 Jun 1985.<sup>237</sup>

Madrasah Idrisiah amat bertuah dengan kemasukan mudir yang begitu berminat untuk membangunkan semula madrasah ini. Beliau mengambil alih jawatan mudir ketika madrasah dalam keadaan serba serbi kekurangan. Menurut pendapat penulis, sikap positif memang sudah sehati dengan jiwa Ustaz Musa sebagai seorang pendakwah yang memang sudah bersedia untuk menghadapi segala cabaran. Medan dakwahnya kini ialah untuk membangunkan semula Madrasah Idrisiah sebagai amanah yang perlu dipikul demi masa depan institusi pendidikan Islam kerana beliau juga merupakan bekas pelajar di madrasah ini. Pengalaman beliau sebagai pendakwah dan penceramah di negeri Perak dan di beberapa buah negeri lain<sup>238</sup> memberi semangat kepada beliau untuk mengembalikan era kegemilangan madrasah suatu ketika dahulu. Maka ustaz Musa lebih dikenali sebagai tokoh utama dalam era perubahan dan pemulihan Madrasah Idrisiah.<sup>239</sup>

---

<sup>236</sup> Jurnal Khas Madrasah Idrisiah 2000 (2000), *op.cit*, h. 18.

<sup>237</sup> *Ibid.*

<sup>238</sup> Sila rujuk maklumat lengkap mengenai pengalaman beliau sebagai pendakwah dan penceramah di bab 4.2.1.

<sup>239</sup> Temu bual bersama dua orang guru di awal perkhidmatan mereka pada tahun 1985 iaitu Cikgu Abdul Rahman Najib bin Mohd Noor dan Cikgu Abdul Rahim bin Sabli, pada 30 Julai 2009 di pejabat Madrasah Idrisiah.

Allahyarham Ustaz Musa bin Zainuddin telah dilahirkan pada 19 April 1946 di kampung Tebing Rebak, Teluk Intan Perak. Beliau merupakan anak sulung daripada enam orang adik beradik. Dibesarkan dalam sebuah keluarga yang ramai ahlinya dan sumber pendapatannya hanya diperoleh dari hasil laut di samping kerja-kerja kampong. Kesusahan dialami keluarga telah menjadikan Ustaz Musa seorang lelaki yang tabah dan cekal dalam mengharungi hidup. Beliau merupakan abang sulung dan perlu memikul tanggungjawab yang besar dalam keluarga serta mahu menjadi contoh tauladan kepada keluarganya.

#### **4.2.1 Pendidikan dan Pekerjaan.**

Ustaz Musa menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Tebing Rebak pada 13 Januari 1952 sehingga darjah tiga. Kemudian meneruskan pengajian di Government English School, Teluk Intan pada 18 Januari 1955 hingga tahun 1957 dan pada tahun 1958 beliau mendapatkan pendidikan peringkat menengah di Sekolah Umum Tebing Rebak. Ayah beliau seorang yang amat tegas dan amat menitikberatkan didikan agama dan pada 14 Februari 1960 beliau mendapatkan didikan agamanya dalam Darjah Lanjutan Agama Tapah.<sup>240</sup>

Bagi memperdalamkan lagi ilmu pengetahuan agama yang dipelajari, Ustaz Musa telah meneruskan pengajiannya di Madrasah Idrisiah sejurus menamatkan

---

<sup>240</sup> Temu bual bersama anak sulung beliau iaitu Ustaz Anwar El-Syazali bin Musa pada 30 Julai 2009 di rumahnya di Kuala Kangsar.

pelajaran di Tapah iaitu pada 13 Ogos 1962 hingga 15 November 1968.<sup>241</sup> Semasa menuntut di madrasah ini, Ustaz Musa merupakan seorang pelajar yang pintar dan menjadi salah seorang pemegang biasiswa Almarhum Sultan Iskandar Shah.<sup>242</sup> Biasiswa yang diterimanya itu sempena hadiah daripada baginda sultan atas kesungguhan beliau dalam mempelajari dan menguasai ilmu pengetahuan berbanding pelajar lain. Secara tidak langsung ia menjadi pendorong kepada pelajar lain agar lebih berusaha belajar dalam mencari ilmu kerana pada ketika itu sesiapa yang mendapat biasiswa adalah suatu yang istimewa kepada pemiliknya.

Sewaktu pengajiannya di madrasah ini, beliau telah lulus dengan cemerlang dan memperolehi Sijil Empat Thanawi. Bagi menyeimbangkan pengajian agama dan duniawi, beliau turut menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada 1969 dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) pada tahun 1982. Setelah tamat peringkat menengah, beliau telah melanjutkan pelajaran pada peringkat lebih tinggi iaitu Diploma Pengurusan Perbandingan dari Institusi Pengajian Ilmu-Ilmu Islam (IPI) pada tahun 1991 dan memantapkannya lagi dengan Tauliah Agama pada tahun berikutnya.

Sebelum menjadi mudir Madrasah Idrisiah, Ustaz Musa telah berkhidmat di tiga buah sekolah yang berbeza aliran. Pada tahun 1969, beliau mula mengajar di

---

<sup>241</sup> Maklumat mengenai riwayat hidup dan latar belakang Ustaz Musa bin Zainuddin ini dirakamkan dalam dokumen yang diterima daripada Cikgu Rahman Najib bin Mohd Noor. Ia merupakan dokumen peribadi beliau dalam bentuk salinan yang ditaip semula oleh beliau.

<sup>242</sup> Taufik Shuhaimi bin Ahmad (1998), "*Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar: Satu Kajian dari Segi Sejarah Penubuhan, Perkembangan dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam*". Kertas Projek, Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 45.

Madrasah Idrisiah sendiri, diikuti tahun 1970 di sebuah sekolah Cina yang terkenal di Kuala Kangsar pada masa itu iaitu Sekolah Menengah Tsung Wah Persendirian dan mengajar di Ghandi Memorial School pada 1971.<sup>243</sup>

Pada 1 Februari 1972, beliau telah berkhidmat pula di Jabatan Agama Islam Perak dan menyandang jawatan sebagai Pegawai Penerangan Agama. Ketika menyandang jawatan tersebut juga beliau turut diamanahkan untuk mengarang mini risalah yang dikeluarkan oleh jabatan itu. Beliau turut mengarang khutbah yang akan diedarkan kepada setiap masjid di seluruh negeri Perak.<sup>244</sup> Beliau sememangnya amat berminat dengan aktiviti mengarang, maka dengan usaha yang gigih beliau telah berjaya menghidupkan kembali majalah bulanan keluaran Majlis Agama Islam yang dikenali sebagai 'Suara Majlis' dan 'Ar Ridzwan' yang mana beliau sendiri menjadi ketua pengarangnya. Di antara ruangan kelolaan beliau adalah seperti, 'Dialog Anak-Anak Muslim', 'Mimbar Jumaat', 'Tokoh Ulama Tempatan' dan 'Aki Merungut Lagi'. Hasil karya beliau ini sentiasa mendapat perhatian masyarakat umum, apatah lagi pada era 1980-an pengaruh pendidikan Islam sedang berkembang dengan pesatnya di seluruh Alam Melayu.<sup>245</sup>

Sebagai seorang yang sangat mendalami ilmu penghayatan Islam, beliau pernah ditugaskan sebagai mubaligh kepada orang asli yang baru memeluk Islam.

---

<sup>243</sup> Dokumen peribadi milik Cikgu Abdul Rahman Najib bin Mohd Noor, Penolong Kanan Akademik Madrasah Idrisiah. Ia merupakan dokumen peribadi beliau dalam bentuk salinan yang ditaip semula yang bertajuk Latar Belakang Dan Sumbangan Allahyarham Ustaz Musa B. Zainuddin, Mudir Ketujuh Madrasah Idrisiah.

<sup>244</sup> Ibid.

<sup>245</sup> Khursid Ahmad (1974), *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 7.



Beliau juga turut diundang untuk menjadi penceramah bagi mengupas isu-isu agama, seperti masalah berkenaan dengan Islam, Kristian dan segala yang berkaitan dengan agama Islam. Beliau juga pernah menerima undangan ceramah di institusi-institusi kerajaan seperti Biro Tatanegara, Jabatan Polis, Jabatan Penjara, dan juga Jabatan Tentera serta beliau juga turut diundang oleh Kerajaan Aceh dan Negara Brunei Darussalam untuk berceramah. Beliau adalah seorang yang amat komited dengan setiap kerja yang dilakukannya sehinggakan pada saat sebelum beliau menghadapi sakit tenat akibat serangan angin ahmar, beliau masih bergiat cergas memberikan ceramah di beberapa perbadanan antaranya Program Perbadanan Negeri Johor, News Straits Times, Intrakota dan juga di Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia (INTAN).<sup>246</sup>

Antara tugas atau jawatan lain yang pernah disandang oleh beliau ketika hayatnya adalah seperti Penyelia Penerangan dan Dakwah pada tahun 1975, Pegawai Pencegah Maksiat, Ahli Jawatankuasa Falak, Ahli Jawatankuasa Syariah, Hakim Musabaqah Tilawah Quran Peringkat Negeri dan pada tahun 1981, beliau telah diamanahkan untuk menjadi pemangku mufti Negeri Perak serta seterusnya dilantik menjadi mudir Madrasah Idrisiah atas perkenan sultan Perak sendiri.<sup>247</sup> Pada 19 April 1999, Ustaz Musa telah kembali kerahmatullah atas sebab penyakit angin ahmar. Setelah kematian beliau, Madrasah Idrisiah telah ditadbir pula oleh Ustaz Kamaruddin bin Ahmad selaku mudir madrasah yang kelapan.

---

<sup>246</sup> Dokumen peribadi milik Cikgu Abdul Rahman Najib bin Mohd Noor, Penolong Kanan Akademik Madrasah Idrisiah. Ia merupakan dokumen peribadi beliau dalam bentuk salinan yang ditaip semula yang bertajuk Latar Belakang Dan Sumbangan Allahyarham Ustaz Musa B. Zainuddin, Mudir Ketujuh Madrasah Idrisiah.

<sup>247</sup> *Ibid.*

### **4.3 Sumbangan Ustaz Musa bin Zainuddin di Madrasah Idrisiah di Era Pemulihannya.**

Pada tanggal 1 Jun 1985 dengan rasminya Ustaz Musa Zainuddin dilantik menjadi Mudir Madrasah Idrisiah yang ke tujuh. Beliau merupakan individu yang bertanggungjawab dalam membangunkan semula Madrasah Idrisiah setelah ia mengalami zaman kemurungan yang panjang. Sebagai seorang yang telah berkecimpung dalam memperjuangkan syiar Islam, pastinya pengalaman yang ada bersama disisipkan sebagai panduan bagi menjalani tanggungjawab baru itu. Atas titah dan perintah Sultan Azlan Shah setelah perlantikan tersebut maka beliau telah memulakan tugas baru itu dengan penuh dedikasi dan rasa tanggungjawab yang tinggi. Menurut beliau:<sup>248</sup>

*“Terasa pada saya beratnya titah dan amanah yang besar ini, apa lagi dalam keadaan saya kelemahan dan kekurangan....tetapi saya mencubanya sekadar menghargai jasa madrasah ini kepada saya, di mana andainya sekarang saya mengenali dunia maka di Idrisiah inilah saya mula mengenalinya. Juga mengenang kembali bahawa selama saya berada di Madrasah Idrisiah sebagai seorang murid, saya dibiayai oleh biasiswa Almarhum Sultan Iskandar yang kemudiannya ditambahi sesuatu untuk kebaikan madrasah ini.”*

---

<sup>248</sup> Buku cenderamata Majlis Ihtifal dan Muzakarah Murid-murid Tua pada 5 Disember 1985 iaitu tahun pertama Ustaz Musa bertugas sebagai mudir.

Seperti yang penulis jelaskan, Ustaz Musa bin Zainuddin merupakan individu yang begitu berjasa dalam pembangunan dan pembaharuan di Madrasah Idrisiah di pelbagai bidang antaranya<sup>249</sup>:

- 1) Pendidikan
- 2) Kecemerlangan akademik
- 3) Ko-kurikulum
- 4) Era kemasukan pelajar
- 5) Pengenalan minggu orientasi
- 6) Pembangunan
- 7) Projek Institut Pengajian Takhassus al-Idrisiah
- 8) Pengenalan Majlis Syura

Tugas pertama setelah beliau memangku jawatan mudir ialah membentuk semula Madrasah Idrisiah melalui rancangan pemulihan yang diperkembangkan melalui satu jawatankuasa khas yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pemulihan Idrisiah.<sup>250</sup> Ia ditubuhkan pada 3 Ogos 1985 dan mesyuarat pertama telah diadakan pada 14 Oktober 1985. Peranan utama jawatankuasa ini adalah untuk menganalisa dan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh madrasah serta memikirkan inisiatif yang wajar untuk mengatasinya. Selain itu, Ustaz Musa turut memperkenalkan kaedah

---

<sup>249</sup> Jurnal Khas Madrasah Idrisiah 2000, h. 11-68.

<sup>250</sup> Ibid.

Syura dan ia beroperasi setiap kali hari Jumaat. Cadangan beliau itu telah disambut baik oleh jawatankuasa pentadbiran madrasah. Badan Syura ini berperanan untuk membincangkan beberapa masalah yang berkaitan dengan madrasah, memilih guru-guru yang berpengalaman, masalah pelajar-pelajar, mahupun isu-isu masyarakat yang berkaitan dengan madrasah dan lain-lain yang berkaitan. Kaedah ini telah diteruskan hingga ke hari ini walaupun setelah kematian beliau.<sup>251</sup>

Pada akhir tahun 1985, Majlis Ihtifal Madrasah Idrisiah pertama diadakan. Bersama majlis ini, ia turut diadakan Muzakarah Murid-murid Tua yang telah mengumpulkan sebahagian pelajar-pelajar lama untuk berbincang mengenai perkembangan madrasah. Amanah yang diberikan oleh baginda sultan tidak disia-siakan oleh Ustaz Musa. Beliau melangkah dengan penuh keyakinan untuk memajukan semula madrasah yang telah mempunyai jasa yang besar terhadap perkembangan pendidikan Islam. Pada tahun 1987, Madrasah Idrisiah telah diperakukan oleh Sultan Perak sebagai sekolah di bawah seliaan Majlis Agama Islam Negeri Perak (MAIP).<sup>252</sup> Dengan perakuan tersebut maka mudahlah bagi madrasah menerima sumbangan dan bantuan untuk membiayai perbelanjaan pada waktu itu. Pada tahun 1996 pula, pentadbiran madrasah telah diletakkan di bawah Kerajaan Negeri Perak yang masih dalam kategori Sekolah Agama Rakyat dan ditadbir melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Perak, Pejabat DYMM sultan Perak, Jawatankuasa Tadbir

---

<sup>251</sup> Temu bual bersama Mudir Madrasah Idrisiah kelapan iaitu Ustaz Kamaruddin bin Ahmad, pada 30 Julai 2009 di bilik mudir.

<sup>252</sup> Mohd Azhar Bahari (2003), *Madrasah Idrisiah tahun 1922 hingga 2000: Peranan Sultan dan Ulama Terhadap Penubuhan dan Perkembangannya*. Tesis Sarjana Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 57.

Madrasah dan Persatuan Bekas Pelajar Idrisiah.<sup>253</sup> Bahkan jawatankuasa tadbir inilah yang paling berperanan dalam menguruskan hal ehwal madrasah.

Sebelum beliau memegang jawatan mudir, Madrasah Idrisiah tidak menerima sebarang pembangunan seperti yang dikecapi oleh institusi pendidikan lain di Perak. Di samping berhadapan dengan masalah pembangunan madrasah juga turut dihipit dengan kemerosotan bilangan pelajar dari tahun ke tahun dan ini adalah suatu yang membimbangkan pihak madrasah. Digambarkan juga ketika itu, sebuah kelas mempunyai tiga hingga lapan orang sahaja kerana jumlah keseluruhan pelajar Madrasah Idrisiah pada masa itu hanyalah sekitar 50 orang sahaja. Hal ini disebabkan masalah tenaga pengajar yang kurang pengetahuan dan tidak bertauliah di samping pertumbuhan sekolah-sekolah vernakular yang menawarkan pelajaran yang lebih efisien sesuai dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia ketika itu.

#### **4.3.1 Bidang Pendidikan**

Ustaz Musa bertekad untuk mengadakan beberapa perubahan yang mencakupi banyak bidang. Bidang pendidikan adalah wadah utama perubahan tersebut. Namun ia bukanlah satu usaha yang mudah untuk dilakukan sekiranya tanpa disertai oleh semangat juang yang tinggi dan bantuan dari pihak-pihak tertentu. Beliau berserta badan jawatankuasa tadbir madrasah ini telah melakukan berberapa usaha di dalam memastikan pelajar-pelajar di madrasah mendapat pendidikan sama seperti yang

---

<sup>253</sup> *Ibid.*

diperolehi oleh pelajar di sekolah-sekolah kebangsaan yang lain. Menyedari masalah ini beliau telah meminta bantuan bekas-bekas pelajar Madrasah Idrisiah untuk meringankan beban masalah perguruan yang dihadapi. Antaranya, Ustaz Musa telah meminta pertolongan Ustaz Rasyid, Ustaz Yusuf, Ustaz Salleh, Ustaz Yunus<sup>254</sup> bagi mengajar mata pelajaran bagi kelas-kelas Thanawi.<sup>255</sup> Pun begitu masalah ini hanya dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang singkat sahaja.

Namun keadaan ini mula berubah setelah berlakunya kunjungan dari seorang menteri yang sangat mengutamakan ilmu. Sewal pentadbiran beliau buat julung-julung kalinya Madrasah Idrisiah menerima kunjungan lawatan dari Menteri Pendidikan Malaysia pada waktu itu iaitu Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi merupakan cucu kepada tokoh Ulama Nusantara Haji Syekh Abdullah Fahim mudir Madrasah Idrisiah yang ke 4.<sup>256</sup> Kunjungan beliau ke madrasah ini adalah bersempena dengan Majlis Ihtifal dan Muzakarah Murid Tua yang dilakukan sewaktu majlis pertabalan DYMM Paduka Seri Sultan Perak sebagai Sultan Perak yang ke 34. Dalam lawatan tersebut, beliau telah menyatakan rasa cinta dan kasihnya pada madrasah ini ekoran beliau pernah membesar dan tinggal bersama datuknya di madrasah ini. Kunjungan menteri itu memberi peluang keemasan kepada Ustaz Musa untuk melontarkan beberapa masalah yang dihadapi oleh madrasah. Antara masalah utama yang dibangkitkan oleh beliau ialah kekurangan tenaga pengajar mahir tentang subjek pendidikan asas yang digariskan oleh pihak

---

<sup>254</sup> Ustaz-ustaz ini merupakan bekas-bekas pelajar Madrasah Idrisiah sewaktu mudirnya yang kelima iaitu Haji Abu Hassan bin Abdul Majid.

<sup>255</sup> Mohd Azhar Bahari (2003), *op.cit.*

<sup>256</sup> *Ibid*, h. 58.

Kementerian Pendidikan Malaysia dan masalah kewangan untuk pentadbiran madrasah ini.

Rentetan daripada kunjungan tersebut, Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi telah mengerahkan beberapa orang tenaga pengajar lepasan Ijazah dibawah Kementerian Pendidikan untuk berkhidmat di madrasah ini dan gaji guru-guru tersebut dibayar oleh Kementerian Pendidikan. Pada tahun 1.2.1986, Madrasah Idrisiah buat pertama kalinya menerima tiga orang guru dari kementerian untuk mengajar subjek akademik seperti Bahasa Arab, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Mereka yang ditugaskan itu terdiri daripada Ustaz Ahmad Nasaruddin b. Ismail, Cikgu Syed Isa b. Syed Ahmad dan En. Syairi b. Haji Abdul Jalil.<sup>257</sup> Tahun berikutnya 1988, sekali lagi pihak madrasah menerima lapan guru kementerian untuk mengajar di madrasah ini. Selain dibantu oleh guru-guru kerajaan, Madrasah Idrisiah juga turut menerima 12 orang guru wakaf<sup>258</sup> bagi mengisi kekosongan jawatan guru yang ada, pendapatan mereka telah dibiayai oleh kerajaan negeri mengikut tahap kelulusan masing-masing. Sehingga kini Madrasah Idrisiah mempunyai 41 orang guru kesemuanya iaitu 13 orang guru kementerian dan 28 orang Majlis Agama Islam Perak (MAIP) dan guru bantuan kerajaan negeri.<sup>259</sup>

#### **4.3.2 Perubahan Jadual Waktu Pembelajaran**

---

<sup>257</sup> Temu bual bersama Cikgu Abdul Rahman Najib bin Mohd Noor pada 31 Julai 2009 di biliknya.

<sup>258</sup> Guru wakaf adalah guru yang dibayar gaji oleh Jawatankuasa Tadbir Madrasah Idrisiah sendiri dan mereka bukannya menerima gaji dari kerajaan.

<sup>259</sup> Taklimat Perkembangan Madrasah Idrisiah tahun 2000.

Pada tahun 1986 Ustaz Musa Zainuddin telah mempelbagaikan lagi pembaharuan untuk Madrasah Idrisiah dan perubahan seterusnya ialah waktu pembelajaran. Jika dilihat jadual waktu pelajar sekolah kementerian lazimnya hanyalah lima hari seminggu berbeza dengan jadual waktu pembelajaran di Idrisiah iaitu para pelajar diwajibkan menjalani tempoh 6 hari persekolahan dalam seminggu. Setiap hari waktu persekolahan bermula pada pukul 7.30 pagi hingga 1.50 tengah hari, kecuali hari Jumaat kelas akan berakhir pada jam 11.50 pagi. Tujuan diadakan 6 hari seminggu waktu persekolahan adalah kerana dua sebab. Pertama, untuk mengekalkan beberapa mata pelajaran lama dan memasukkan mata pelajaran akademik dalam subjek pengajaran. Kedua kerana untuk memenuhi waktu belajar bagi mengelakkan pelajar dari membuang masa.

#### **4.3.3 Menguatkuasakan semula undang-undang pemakaian pakaian seragam sekolah**

Selain itu, perubahan lain yang dilakukan oleh Ustaz Musa juga adalah menguatkuasakan semula undang-undang pemakaian seragam sekolah. Bagi pelajar putera mereka wajib memakai pakaian seragam putih termasuk songkok dan berkasut hitam. Bagi pelajar puteri pula mereka wajib memakai pakaian seragam sama seperti pelajar sekolah biasa termasuk bertudung putih dan berkasut hitam.<sup>260</sup> Selain daripada itu pemakaian baju melayu dan bersampin hijau wajib dipakai oleh pelajar putera untuk bersolat Jumaat dan menghadiri majlis-majlis rasmi. Pada tahun 1998,

---

<sup>260</sup> Temu bual bersama bekas Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Cikgu Hamdan bin Hussain, pada 31 Julai 2009 di rumahnya di Kuala Kangsar.



pemakaian baju batik pula diselaraskan pemakaiannya iaitu ia wajib dipakai pada hari Sabtu waktu persekolahan, apabila keluar dari kawasan Madrasah Idrisiah (*outing*) dan juga untuk majlis-majlis rasmi.<sup>261</sup> Ini berbeza dengan cara pemakaian rasmi dan pakaian persekolahan yang dikenakan sewaktu zaman mudir-mudir sebelum ini.

#### 4.3.4 Silibus Pelajaran Mengikut SMKA

Sejak ditubuhkan pada tahun 1922, pengajian sekolah ini mengambil masa lapan tahun iaitu dari darjah satu hingga darjah lapan. Sijil Empat Thanawi akan diberikan kepada pelajar-pelajar yang lulus dan berjaya menamatkan pengajian selama tempoh tersebut. Mata pelajaran ketika itu adalah seperti berikut.<sup>262</sup>

**Jadual 1: Mata Pelajaran Madrasah Idrisiah Sejak 1922-1985**

Bil	Matapelajaran	Kitab-kitab yang digunakan
1	Akhlak	<i>Kathir al-akhlak</i> dan <i>akhlak al-wadhihah</i>
2	<i>Balaghah</i>	<i>Qawaid al-nahwi</i> dan <i>balaghah al-wahdihah</i>
3	Bahasa Inggeris	<i>Oral/listerning/spelling</i>
4	<i>Faraid</i>	<i>Tuhfat al-Husniah</i> dan <i>Shansuri</i>
5	<i>Fikah</i>	<i>Al-tauhid wa al-fiqh, sabil al-muhtadin, iqna', syarah muhazzab</i>
6	Hadis	<i>Matan arbain, bulughul Maram</i> dan <i>muhtasar Ibn abi Jamrah</i>
7	Ilmu kesihatan	
8	<i>Insyak</i>	

<sup>261</sup> *Ibid.*

<sup>262</sup> Koleksi simpanan dokumen Madrasah Idrisiah. Catatan Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir, Madrasah Idrisiah Bukit Chandan, dalam SPK 4/7/12. Pt.1 bertarikh 11hb September 1986.

9	<i>Mutalaah</i>	<i>Mutalaah al-arabiah juz 1-10</i>
10	<i>Musthalah hadis</i>	<i>Musthalah hadis</i>
11	<i>Nahu</i>	<i>Nahu al-wadhih juz 1-9</i>
12	Sejarah	
13	Sirah	<i>Nur al-yakin dan sirah Ibn Hashim</i>
14	Tafsir	<i>Jalalain dan ayat al-Ahkam</i>
15	Tasawwuf	<i>Bidayah al-hidayah dan hidayah al-salikin</i>
16	Tauhid	<i>Aqidah al-najin dan matan Ibrahim dan al-Baijuri</i>
17	Usul Fikah	<i>Usul al-Fiqh li Muhammad Abu Zahrah</i>
18	Usul Tafsir	<i>Usul tafsir</i>

Sumber: koleksi simpanan dokumen Madrasah Idrisiah.

Mata pelajaran tersebut kekal dan tetap digunakan dari awal penubuhannya dan mula berubah setelah Ustaz Musa menerajui Madrasah Idrisiah. Pada tahun 1985, beliau menjadi orang pertama tampil berani untuk menyelaraskan kurikulum pendidikan madrasah Idrisiah dengan mengubah sukatan pelajaran yang ada sebelumnya kepada Kurikulum Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Pertukaran ini dilakukan kerana hampir semua subjek tersebut diajar dalam bahasa Arab dan ini memberi kesukaran kepada pelajar untuk memahaminya.

Apabila kurikulum ini diperkenalkan, maka pelajar-pelajar Madrasah Idrisiah mempunyai peluang untuk mengambil peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mana sebelumnya kurikulum

madrasah lebih kepada agama semata-mata tanpa memasukkan subjek akademik.<sup>263</sup> Apabila sukatan ini diperkenalkan di Sekolah Agama Rakyat (SAR) adalah suatu yang membanggakan apabila buat pertama kalinya Ustaz Musa sendiri telah dilantik menjadi Ketua Mesyuarat Sukatan Pelajaran dan Guru-Guru di Sekolah Agama Rakyat di Perak. Berikut ialah senarai mata pelajaran yang digariskan mengikut silibus mata pelajaran SMKA.<sup>264</sup>

**Jadual 2: Mata Pelajaran SMKA**

<b>Matapelajaran</b>	<b>PMR</b>	<b>SPM</b>	<b>STPM</b>
Bahasa Arab Komunikasi	Teras	Wajib	-
Bahasa Arab Tinggi	-	Wajib	Teras
Bahasa Inggeris	Teras	Teras	Wajib
Bahasa Melayu	Teras	Teras	-
Ekonomi Asas	-	Pilihan	-
Faraidh	-	-	Tambahan
Fiqhud Dakwah	Tambahan	Tambahan	Tambahan
Geografi	Teras	Pilihan	-
Kelas Thanawi	Wajib	1998	-
Kemahiran Hidup	Teras	-	-
Matematik	Teras	Teras	-
Pendidikan Islam	Teras	-	-
Pendidikan Quran Sunnah	-	Pilihan	-
Pend. Syariah Islamiah	-	Pilihan	-
Pengajian Am	-	-	Teras

<sup>263</sup> Temu bual bersama Cikgu Abdul Rahman Najib bin Mohd Noor, Penolong Kanan Akademik Madrasah Idrisiah, pada 31 Julai 2009 di biliknya.

<sup>264</sup> Koleksi simpanan dokumen Madrasah Idrisiah. Catatan Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir, Madrasah Idrisiah Bukit Chandan, dalam SPK 4/7/12. Pt.1 bertarikh 11hb September 1986.

Prinsip Akuan	-	Pilihan	-
Sains	Teras	Teras	-
Sejarah	Teras	Teras	Wajib
Syariah	-	-	Teras
Tahfizul Quran	Pilihan	1998	2000
Usuluddin	-	-	Teras

Sumber: koleksi simpanan dokumen Madrasah Idrisiah.

Merujuk kepada dua jadual di atas, berlaku perubahan kurikulum sebelum dan selepas Ustaz Musa menjadi mudir. Ia terjadi kerana sebelum pentadbiran beliau, semua mata pelajaran yang ada di Madrasah Idrisiah adalah wajib diambil dan dipelajari oleh para pelajar dan selepas merdeka, Ustaz Musa telah mengkategorikan subjek-subjek yang perlu di ambil oleh pelajar mengikut level masing-masing. Beliau telah mengurangkan mata pelajaran tradisional iaitu subjek-subjek yang majoritinya di ajar dan menggunakan kitab Arab, mata pelajaran sains praktikal diperkenalkan. Dengan ini para pelajar dapat mempelajari ilmu akademik sama seperti sekolah-sekolah di bawah kementerian di samping mereka memperoleh pengetahuan yang luas mengenainya.

#### **4.3.5 Pemusatan Peperiksaan SPM dan PMR di Madrasah Idrisiah**

Pada tahun 1993, iaitu pada masa pemerintahan ustaz Musa, peperiksaan SPM dan SRP/PMR pula mula dipusatkan di Madrasah Idrisiah.<sup>265</sup> Ini berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya dimana calon madrasah perlu menumpang di sekolah lain seperti di Sekolah Menengah Kebangsaan Clifford, sekolah Menengah Raja

<sup>265</sup> Temu bual bersama Mudir Madrasah Idrisiah kelapan, Ustaz Kamaruddin bin Ahmad, pada 30 Julai 2009 di bilik mudir.

Perempuan Kalsom dan sebagainya. Dengan adanya pemusatan di Madrasah Idrisiah sendiri ia telah memudahkan para calon SPM dan PMR menjalani peperiksaan.

#### **4.3.6 Guru-guru diwajibkan menghadiri Latihan Perguruan**

Kebajikan guru-guru yang mengajar di madrasah ini juga tidak diabaikan apabila Ustaz Musa telah mewajibkan setiap guru untuk menghadiri latihan perguruan bertujuan untuk memantapkan proses pengajaran dari semasa ke semasa. Latihan ini lebih ditumpukan kepada guru-guru yang mempunyai tahap pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).<sup>266</sup> Setiap guru akan menghadiri latihan perguruan ini selama dua tahun dan berkecukupan memperoleh Diploma Perguruan. Bagi kemudahan guru-guru, pihak sekolah dengan besar hati telah memberikan wang pendahuluan pengajian semasa awal latihan perguruan. Pembayaran berikutnya adalah terserah pada tanggungjawab guru-guru itu sendiri. Hasil daripada usaha Ustaz Musa ini, semakin ramai guru yang menyertai program tersebut dalam memantapkan proses pengajaran mereka.

#### **4.3.7 Pendidikan Empat Thanawi diperkenalkan semula**

Manakala sistem pendidikan Empat Thanawi pula yang dahulunya dimansuhkan telah kembali diadakan pada tahun 1995. Kelas pendidikan Empat Thanawi ini telah diadakan pada sebelah petang.<sup>267</sup> Ini bagi melengkapkan diri pelajar dengan ilmu yang secukupnya sebelum meninggalkan Madrasah Idrisiah.

---

<sup>266</sup> *Ibid*

<sup>267</sup> *Ibid.*

#### 4.4 Kecemerlangan Akademik

Sukatan pelajaran mengikut acuan SMKA yang diperkenalkan oleh ustaz Musa telah mendatangkan kesan yang sangat positif dalam pembelajaran pelajar-pelajar di madrasah ini. Tambahan pula sistem hari belajar yang ada di sekolah ini yang menuntut pelajar menelaah lebih giat lagi demi memperoleh keputusan yang baik dalam peperiksaan PMR dan SPM. Kesungguhan mereka ini mula membuahkan hasil yang sangat dibanggakan apabila keputusan peperiksaan awam iaitu PMR dan SPM kian meningkat setiap tahun. Sebagai contoh pada tahun 1993, 1994 dan 1995 keputusan PMR mencapai kelulusan 100%. Madrasah Idrisiah dapat mengekalkan prestasi ini selama tiga tahun berturut-turut. Berita kejayaan ini telah dimuatkan di dada akhar tempatan dalam tajuk “Madrasah Idrisiah Kekalkan Kejayaan”.<sup>268</sup>

*“...Madrasah Idrisiah Bukit Chandan, merupakan sekolah agama rakyat berasrama penuh yang berjaya mengekalkan keputusan 100% dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) bagi tahun kedua berturut-turut. Sekolah ini juga mencatatkan keputusan 100% bagi matapelajaran Kemahiran Hidup, Bahasa Melayu, Pendidikan Islam, Sejarah, Sains, Geografi dan Ujian Perkara-Perkara Fardhu Ain (PAFA)”*

Bagi keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pula pelajar Madrasah Idrisiah mencapai keputusan 100% sepanjang tahun 1996 hingga tahun 1999. Kejayaan ini telah mengharumkan lagi nama Madrasah Idrisiah dan telah

---

<sup>268</sup> Madrasah Idrisiah Kekalkan Kejayaan, *Berita Harian*, 2 Disember 1995. Lihat juga Azhar Bahari (2003), *op.cit.* h. 64.

menjadikan madrasah sebaris dengan sekolah-sekolah berasrama penuh yang lain. Titik peluh dan kesungguhan para pelajar yang memperoleh kecemerlangan ini telah dikenang oleh pihak madrasah apabila buat pertama kalinya telah diperkenalkan satu majlis penyerahan yang dikenali sebagai Anugerah Raja Nazrin Shah pada tahun 1996.<sup>269</sup> Pihak madrasah berharap dengan adanya majlis anugerah seperti ini akan membangkitkan rasa kesungguhan dalam diri pelajar untuk belajar dengan tekun dan penuh semangat. Kecemerlangan yang dikecapi oleh pelajar dan pihak sekolah terus dicemburui dan secara tidak langsung telah mempertingkatkan lagi persaingan dengan sekolah-sekolah berasrama penuh yang lain dari segi akademik khususnya.

#### **4.5 Ko-Kurikulum**

Selaras dengan pengenalan sukatan pelajaran SMKA dalam sistem pembelajaran di madrasah ini oleh Ustaz Musa sendiri, pihak madrasah juga telah memperkenalkan kegiatan ko-kurikulum yang seimbang dan turut ada di sekolah asrama penuh yang lain. Kegiatan ko-kurikulum ini bertujuan untuk melatih pelajar-pelajar supaya mempunyai ketrampilan dari segi kepimpinan di samping memantapkan lagi minda dan pengetahuan sedia ada pelajar. Pelajar diwajibkan menyertai kegiatan ko-kurikulum seperti permainan, kelab, persatuan dan unit beruniform. Bagi unit beruniform telah disediakan seperti Kadet Bomba, Bulan Sabit Merah, Kadet Remaja Islam Sekolah (KRIS) dan Puteri Islam.<sup>270</sup> Dengan pencapaian

---

<sup>269</sup> Temu bual bersama Cikgu Abdul Rahman Najib bin Mohd Noor Penolong Kanan Akademik Madrasah Idrisiah, pada 31 Julai 2009 di biliknya.

<sup>270</sup> Temu bual bersama Cikgu Najmawati binti khaidir, Guru Penyelaras Ko-kurikulum Madrasah Idrisiah, pada 1 Ogos 2009 di rumahnya.

yang begitu cemerlang matlamat untuk melahirkan pemimpin muda yang bakal menjadi peneraju negara pada masa akan datang pasti akan tercapai.

#### **4.5.1 Kelab dan persatuan yang diwujudkan:<sup>271</sup>**

1. Persatuan Bahasa Arab yang ditubuhkan pada tahun 1990
2. Kelab Bahasa Melayu yang ditubuhkan pada tahun 1990
3. Persatuan Bahasa Inggeris yang ditubuhkan pada tahun 1990
4. Persatuan Sejarah dan Geografi yang ditubuhkan pada tahun 1989
5. Persatuan Sains dan Matematik yang telah ditubuhkan pada Januari 1990
6. Kadet Remaja Islam (KRIS) yang ditubuhkan pada tahun 1994
7. Kelab Khat yang ditubuhkan pada tahun 1995
8. Kelab Kompang yang ditubuhkan pada tahun 1995
9. Kelab Pidato yang ditubuhkan pada tahun pada awal tahun 1994
10. Persatuan Puteri Islam yang ditubuhkan pada tahun 1989
11. Kelab Rekacipta yang ditubuhkan pada tahun 1996
12. Kelab Usahawan pada bulan Januari 1993
13. Kadet Bomba yang ditubuhkan pada tahun 1997

#### **4.5.2 Sukan yang diwujudkan ialah:<sup>272</sup>**

1. Bola Sepak
2. Sepak Takraw

---

<sup>271</sup> *Al-Fikrah* (2008), Edisi 15, h. 52.

<sup>272</sup> *Ibid.*



3. Badminton
4. Ping Pong
5. Bola Tampar yang ditubuhkan pada tahun 1995
6. Sukan Puteri yang diwujudkan pada tahun 1995

Pelajar-pelajar bebas untuk memilih kegiatan ko-kurikulum yang diminati mereka. Kebiasaannya pihak sekolah sering mengadakan perlawanan persahabatan dengan sekolah-sekolah sekitar Kuala Kangsar dan Ipoh bertujuan untuk merapatkan hubungan antara pelajar-pelajar dan guru-guru di samping membina kesihatan dan stamina badan yang baik.<sup>273</sup>

Selain itu terdapat juga beberapa badan yang dilantik sendiri oleh pihak sekolah mengikut kriteria tertentu. Pelajar-pelajar yang terpilih perlu menunjukkan minat dan komitmen yang tinggi kerana ia merupakan amanah pihak sekolah untuk bersama-sama menguruskan sekolah. Kegiatan ko-kurikulum itu ialah:

#### **4.5.3 Jama'ah al-Ruasak ( Pengawas Sekolah)**

Ia merupakan satu badan yang berperanan sebagai sebuah badan pembantu kepada pihak sekolah khususnya dalam mengawasi disiplin pelajar-pelajar Madrasah Idrisiah. Hal ini kerana di mana-mana sekolah pun ia tidak terkecuali daripada masalah disiplin pelajar termasuklah sekolah agama seperti Madrasah Idrisiah. Oleh itu satu badan pengawas ditubuhkan bagi membantu dan memantau disiplin pelajar.

---

<sup>273</sup> Temubual bersama Cikgu Najmawati binti Khaidir, Guru Penyelaras Ko-kurikulum Madrasah Idrisiah, pada 1 Ogos 2009 di rumahnya.

Antara masalah disiplin yang sering dilakukan ialah merokok, mencuri, keluar ke bandar (*outing*) tanpa kebensaran, *couple*, tidak solat berjemaah dan lain-lain lagi.

Objektif penubuhannya ialah:<sup>274</sup>

- I. Memastikan segala peraturan dan disiplin dapat dipatuhi oleh semua pelajar
- II. Melaksanakan segala tanggungjawab dan amanah yang diberikan
- III. Menangani segala salah laku disiplin yang dilakukan oleh pelajar
- IV. Membantu pihak pentadbir dan warden asrama melaksanakan segala program dan aktiviti sekolah
- V. Menguatkuasakan segala program yang berkaitan dengan asrama.

Antara aktiviti yang dijalankan:<sup>275</sup>

- i. Mengawal dan menjaga kebersihan asrama dan sekolah
- ii. Memberi bantuan kepada pelajar yang memerlukan
- iii. Bertindak sebagai pembimbing rakan sebaya
- iv. Menangani masalah yang berkaitan dengan disiplin pelajar

#### **4.5.4 Majlis Pelajar Madrasah Idrisiah (MPMI)**

Majlis Pelajar Madrasah Idrisiah (MPMI) ini telah ditubuhkan pada tahun 1986. Pada peringkat awal penubuhannya ia berperanan untuk membantu para pelajar yang menghadapi masalah berkaitan dengan pelajaran. Namun, kini peranan mereka

---

<sup>274</sup> *Al-Fikrah* (2008), Edisi 15, h. 26.

<sup>275</sup> *Ibid.*

telah diperluaskan kepada penyelaras program atau aktiviti harian asrama dan seluruh penghuninya. Semua pelajar wajib menjadi ahlinya.<sup>276</sup>

Dalam badan ini seramai 25 orang telah dilantik oleh Majlis Syura sekolah bagi sesi persekolahan tahun 1997 sebagai ahli jawatankuasanya. Sebelum ini ahli jawatankuasa dipilih melalui pilihanraya di mana pelajar sendiri akan memilih wakil mereka. Bagaimanapun sistem ini telah diubah kepada sistem pelantikan yang dibuat oleh pihak madrasah sendiri berdasarkan kriteria-kriteria tertentu antaranya ialah<sup>277</sup>:

- i. Penglibatan dalam aktiviti ko-kurikulum
- ii. Prestasi akademik
- iii. Aktif dalam sukan
- iv. Disiplin

Objektif penubuhannya ialah:<sup>278</sup>

- i. Merancang program-program yang melibatkan pelajar
- ii. Melahirkan tokoh-tokoh yang berkaliber, selaras dengan harapan Idrisiah membentuk pelajar menjadi ulamak yang intelek
- iii. Membantu melicinkan perjalanan program-program Madrasah Idrisiah
- iv. Melahirkan muslim dan muslimah yang berdisiplin dan berjaya di dunia dan di akhirat

---

<sup>276</sup> Temu bual bersama Cikgu Hamdan bin Hussin, bekas Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar Madrasah Idrisiah, pada 16 April 2009 di rumahnya di Kuala Kangsar.

<sup>277</sup> *Al-Fikrah* (2008), Edisi 15, h. 28.

<sup>278</sup> *Ibid.*

#### **4.5.5 Pembimbing Rakan Sebaya**

Ia merupakan satu unit bimbingan dan kaunseling yang diamanahkan oleh pihak sekolah untuk mengendali dan membimbing pelajar dalam usaha untuk mengenali diri mereka sendiri bagi mencapai kejayaan hidup. Pelajar yang menjadi pembimbing rakan sebaya ini dipilih berdasarkan kepada kebolehan mereka untuk memahami dan memberikan nasihat kepada para pelajar. Tanggungjawab mereka yang utama ialah, membantu meningkatkan lagi keberkesanan program bimbingan di sekolah ini dengan merapati rakan sebaya dan mengenalpasti mereka yang bermasalah dan merujuk mereka kepada guru kaunseling.<sup>279</sup> Pembimbing Rakan Sebaya diharapkan dapat membantu pihak sekolah mewujudkan suasana kehidupan sosial yang selesa dan sihat di kalangan para pelajar.

Antara perkhidmatan Unit Bimbingan dan Kaunseling ialah:<sup>280</sup>

- i. Kaunseling peribadi
- ii. Kaunseling pelajaran
- iii. Kaunseling kerohanian dan agama
- iv. Apa sahaja perkhidmatan yang boleh membantu pelajar menyesuaikan diri dengan kehidupan di Madrasah Idrisiah.

#### **4.5.6 Pengawas Pusat Sumber**

---

<sup>279</sup> Temu bual bersama Ustazah Hasnida binti Md Husain, pada 16 April 2009 di bilik guru Madrasah Idrisiah.

<sup>280</sup> *Ibid.*

Manakala bagi membantu melicinkan perjalanan dan pengurusan pusat sumber sekolah, seramai 25 orang pelajar telah dilantik menjadi pengawas pusat sumber Madrasah Idrisiah. Mereka yang dilantik ini bertugas menyusun buku-buku, mengawasi keluar masuk buku yang dipinjam dan menjaga ketenteraman pusat sumber dari kebisingan oleh pelajar-pelajar sewaktu berada di dalamnya.<sup>281</sup> Pusat Sumber memulakan operasi pada setiap hari pada waktu persekolahan. Ia juga turut dibuka pada hari Isnin, Selasa, Rabu, Khamis dan Jumaat pada pukul 3.30 hingga 4.30 petang. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah:<sup>282</sup>

- i. Mesyuarat pengawas
- ii. Gotong royong seperti menyusun dan membersihkan pusat sumber
- iii. Aktiviti harian seperti menjilid majalah, membuat fail keratan akhbar, membuat katalog dan mendaftar buku-buku baru.

Di simpulkan bahawa ko-kurikulum yang diperkenalkan oleh Ustaz Musa sewaktu zamannya ini adalah untuk mendedahkan kepada pelajar bahawa selain menumpukan pelajaran semata-mata, pelajar juga mesti aktif dan mahir dalam berpersatuan, sukan dan sebagainya. Hal ini kerana dengan aktiviti-aktiviti yang diceburi oleh mereka ia secara langsung dapat melahirkan pelajar yang berdisiplin, berwawasan dan berkemampuan dalam memberi segala pertolongan dan bantuan yang diperlukan. Selain itu, ia juga berperanan dapat melatih diri pelajar berhadapan dengan pelbagai cabaran, membentuk budaya kerjasama di kalangan pelajar di

---

<sup>281</sup> Temu bual bersama Encik Hasnol Asri bin Musa, Penyelaras Pusat Sumber Madrasah Idrisiah, pada 30 Julai di pusat sumber sekolah.

<sup>282</sup> *Ibid.*

samping membentuk dan menjana peribadi serta akhlak pelajar agar menjadi insan taqwa, berilmu, beramal dan sebagainya seiring dengan landasan Islam. Dengan itu, penulis amat menyokong sekali perubahan ko-kurikulum baru yang diperkenalkan oleh Ustaz Musa ini dan kegiatan itu berterusan sehingga kini.

#### **4.5.7 Mahkamah Pelajar**

Mahkamah ini telah ditubuhkan pada tahun 1998. Tujuan penubuhannya ialah untuk memberi latihan dan kemahiran berhujah kepada pelajar. Di samping memahami situasi dan prosedur menjalankan penghakiman ke atas yang bersalah. Secara tidak langsung ia akan membantu memupuk sifat berani dalam diri pelajar khususnya bagi mereka yang meminati bidang guaman. Mahkamah ini akan mengendalikan kes-kes tertentu yang mempunyai bukti-bukti sahih dan jelas sahaja. Dua badan pengawas akan dilantik menjalankan perbicaraan tersebut iaitu badan Pengawas Sekolah dan MPMI. Pengawas sekolah dilantik menjadi pendakwaraya dan MPMI menjadi Peguambela.

#### **4.6 Era Kemasukan Pelajar**

Perubahan yang dilaksanakan di bawah pimpinan mudir ketujuh ini telah merangsang kembali minat ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka belajar ke Madrasah Idrisiah. Pada tahun 1986, bermulalah era kemasukan para pelajar. Ini dapat dinyatakan apabila selepas setahun Ustaz Musa menjadi mudir madrasah, buat pertama kalinya, permohonan kemasukan pelajar dibuka kepada satu jumlah yang

lebih besar berbanding sebelumnya. Pada masa itu, sebanyak 550 jumlah borang permohonan telah diedarkan dan jumlah rasmi yang diterima dari edaran borang tersebut ialah, 480 orang. Usaha beliau ini telah mendatangkan keyakinan dalam diri ibu bapa untuk menempatkan anak mereka dalam madrasah tersebut bagi mendapatkan didikan agama yang sempurna. Pun begitu, oleh kerana masalah tempat dan asrama yang terhad pihak madrasah telah mengambil sebanyak 160 orang pelajar sahaja iaitu 120 pelajar lelaki dan 40 orang pelajar perempuan.<sup>283</sup>

Di peringkat awal perubahan tersebut, pemilihan pelajar diutamakan kepada anak-anak murid tua madrasah ini bagi mengenang jasa mereka sebelum ini. Walaupun begitu, terdapat syarat-syarat utama yang telah ditetapkan oleh madrasah ini pada setiap murid iaitu mereka perlu mempunyai kebolehan membaca al-Quran serta boleh membaca dan menulis jawi dengan baik. Bagi pelajar yang ingin memasuki madrasah, mereka perlu hadir dan mengambil ujian dalam peperiksaan penilaian yang dijalankan sendiri oleh pihak madrasah serta memperoleh sekurang-kurangnya 1A dan tidak memperoleh D dan E dalam ujian tersebut. Ini disebabkan hanya terdapat tiga buah kelas sahaja yang ditawarkan bagi para pelajar tersebut. Satu jawatankuasa khas 1986 telah dilantik bagi mengendalikan kemasukan pelajar pada tahun tersebut iaitu.<sup>284</sup>

#### 1. En. Muhammad bin Taib (Pengerusi)

---

<sup>283</sup> Lihat Fail Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Madrasah Idrisiah, bil (100) dalam SPK 4/7/12. Pt.1 bertarikh 10 Jan 1986.

<sup>284</sup> Fail Minit mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Madrasah Idrisiah, bil (132) dalam SPK 4/7/12. Pt.1 bertarikh 10 Jan 1986.

2. Tuan Haji Mohd Bukhari b. Harun (Ahli)
3. Tuan Haji Wan Ahmad b. Wan Yusuf (Ahli)
4. Ustaz Musa b. Zainuddin (Mudir)

Pada tahun 1986 hingga tahun 1998, kemasukan pelajar-pelajar terus meningkat .

**JADUAL 3: JUMLAH PELAJAR YANG MENDAFTAR 1986-1998**

TAHUN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
1986	120	40	160
1987	150	56	206
1988	216	90	206
1989	225	100	306
1990	250	150	325
1991	270	170	400
1992	300	170	440
1993	280	175	470
1994	300	180	455
1995	275	190	480
1996	270	190	460
1997	278	187	465
1998	298	186	480

Sumber : Retan Pelajar :1986 hingga 1998 Madrasah Idrisiah

Merujuk jadual di atas, terdapat pertambahan pelajar dari tahun ke tahun sepanjang tempoh Ustaz Musa mengelola madrasah ini. Pertambahan pelajar ini telah membuktikan bahawa Madrasah Idrisiah sebenarnya telah memperoleh kepercayaan masyarakat di negeri Perak untuk memberikan didikan agama yang sempurna kepada



anak-anak mereka.<sup>285</sup> Ini adalah suatu pencapaian yang sangat dibanggakan oleh pihak madrasah khususnya kepada Ustaz Musa sendiri. Dalam mempertingkatkan lagi kualiti pendidikan pelajar di madrasah ini, beliau telah membuat satu polisi baru bagi syarat kemasukan pelajar.

Ini berikutan sesetengah tanggapan yang diberikan oleh ibu bapa yang menganggap bahawa sekolah agama rakyat adalah tempat untuk menerima para pelajar yang telah dibuang atau sangat lemah pembelajarannya dari sekolah menengah biasa. Beliau sangat tidak berpuas hati dengan tanggapan tersebut dan ini adalah salah satu punca sekolah agama rakyat gagal untuk meningkat kecemerlangannya. Maka, lantaran itu beliau telah menguatkuasakan satu polisi baru bagi menjamin kualiti pelajar adalah lebih penting berbanding kuantiti.<sup>286</sup>

Jika kemasukan para pelajar sebelum ini adalah berdasarkan pada ujian yang telah ditetapkan oleh pihak madrasah. Namun kali ini, beliau telah mensyaratkan setiap pelajar mesti menampilkan keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) untuk pelajar tingkatan satu dan keputusan Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) sebagai syarat kemasukan bagi tingkatan empat. Bagaimanapun ujian penilaian bagi tingkatan satu masih diteruskan bagi mengetahui ketajaman pengetahuan mereka tentang agama dan akademik. Kepada pelajar yang lulus dan memperoleh markah tertinggi dalam Ujian Kelayakan Madrasah Idrisiah sahaja yang

---

<sup>285</sup> Temu bual bersama Ustaz Ahmad Nazri bin Baharuddin, antara bekas guru lama yang mengajar di awal perkhidmatan Ustaz Musa sebagai mudir di Madrasah Idrisiah, pada 16 April 2009 di rumahnya di Kuala Kangsar.

<sup>286</sup> *Ibid.*

layak untuk belajar di tingkatan satu manakala bagi pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke tingkatan empat pula mestilah mendapat A atau B untuk subjek Bahasa Arab.

Kemasukan yang agak ketat ke Madrasah Idrisiah merupakan satu kaedah terpenting bagi memastikan madrasah ini terus dikagumi dan setanding dengan SMKA di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia dan sekolah-sekolah agama lain di Perak seperti sekolah Menengah Agama Izzuddin Shah dan Sekolah Menengah Agama Taayah Ipoh Perak yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri Perak.<sup>287</sup> Madrasah Idrisiah telah mencapai satu tahap di mana persaingan yang begitu hebat untuk mendapatkan tempat belajar di madrasah ini. Buktinya hampir setiap tahun lebih seribu borang permohonan terpaksa diproses dan sayangnya madrasah ini hanya mampu mengambil 120 orang pelajar sahaja untuk tingkatan satu belajar di madrasah tersebut.<sup>288</sup>

Keunikan pentadbiran madrasah ini sepanjang tempoh 1985-1999 di bawah pentadbiran ustaz Musa, penulis mendapati bahawa kemasukan pelajar dari tahun ke tahun sentiasa meningkat khususnya selepas era pemulihan tersebut. Ini dapat dilihat dalam jadual berikut:

Jadual 4: Jumlah Pelajar Madrasah Idrisiah Selepas Era Pemulihan Ustaz Musa  
(2000-2005)

---

<sup>287</sup> Temu bual bersama Mudir Madrasah kelapan, Ustaz Kamaruddin bin Ahmad, pada 30 Julai 2009 di bilik mudir.

<sup>288</sup> Majlis Taklimat Perkembangan Madrasah Idrisiah Tahun 2000.

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah</b>
2000	502
2001	532
2002	540
2003	553
2004	618
2005	701

Sumber: Unjuran pelajar 2000-2005 dalam Majlis Taklimat Perkembangan Madrasah Idrisiah Tahun 2000

Berdasarkan data di atas penulis dapat disimpulkan bahawa ia adalah salah satu kesan penerapan kurikulum SMKA yang dibuat oleh Ustaz Musa mendatangkan kesan positif khususnya untuk tempoh jangka masa yang panjang walaupun selepas kematian beliau. Ini dapat dilihat dari tempoh beliau menjadi mudir dan selepas 6 tahun kematian beliau, kemasukan pelajar ke Madrasah Idrisiah semakin bertambah dari tahun ke tahun. Ini disebabkan kurikulum SMKA ini telah diolah dengan sebaiknya bagi pelajar jurusan agama untuk menempatkan diri dalam bidang sains-teknikal-ekonomi pada dunia alaf baru ini.<sup>289</sup>

#### **4.7 Pengenalan Minggu Orientasi**

Di dalam mengejar tuntutan duniawi, Ustaz Musa tidak ketinggalan memberikan didikan agama pada semua pelajar madrasah ini. Beliau telah melengkapkan lagi cara tarbiah pelajar dengan memperkenalkan lagi beberapa program baru bagi setiap pelajar yang memasuki madrasah ini. Seawal tingkatan satu lagi, setiap pelajar telah didedahkan dengan kaedah pembangunan diri secara

---

<sup>289</sup> Dr. Rosnani (2002), Kelebihan SMKA Lahir Umat Islam Terbaik Berbanding SAR, *Berita Harian*, 16 Disember 2002.

'holistic'.<sup>290</sup> Apa yang cuba diketengahkan oleh Ustaz Musa melalui program ini ialah memperingati pelajar agar selalu mendekatkan diri dengan Allah walaupun dihambat dengan kemewahan dan kesibukan diri. Pengenalan minggu orientasi selama 40 hari telah mendedahkan pelajar dengan kaedah hafalan yang baik iaitu melalui pembacaan *al-Ma'thurat*. Kaedah yang diperkenalkan ini membolehkan pelajar memperoleh wirid yang baik dan diamalkan setiap hari. Pengamalan wirid ini dilakukan pagi dan petang setiap hari. Pelajar wajib menghafalnya sepanjang tempoh 40 hari itu dan dibaca setiap pagi dan petang selepas solat Subuh dan Asar.

Pengenalan minggu orientasi di Madrasah Idrisiah tidak pernah diwujudkan oleh mudir-mudir sebelumnya dan selepas diperkenalkan ia kekal sehingga ke hari ini.<sup>291</sup> Falsafah Ustaz Musa perkenalkan orientasi selama 40 hari ini juga adalah untuk memberitahu bahawa ia menyamai syarat permastautin dalam Islam untuk suatu kawasan ialah empat puluh hari. Maka selepas tarikh ini ia dikira penduduk tetap dalam kawasan tersebut. Sepanjang tempoh tersebut pelajar juga tidak dibenarkan sama sekali untuk berjumpa keluarga, menelefon atau berutus surat. Selain itu, beliau juga turut mewajibkan pelajar menghafal beberapa surah penting yang terkandung di dalam Al-Quran seperti Surah *as-Sajadah*, *al-Insaan* dan *Yassin*.<sup>292</sup> Kaedah hafalan ini telah diwajibkan pada setiap pelajar dan akan dilakukan

---

<sup>290</sup> Kaedah pendidikan yang dilaksanakan di Madrasah Idrisiah bukan hanya melalui proses penyaluran maklumat tetapi ia melibatkan penyaluran ilmu, budi dan akhlak yang mampu untuk membentuk generasi cemerlang dalam apa jua bidang yang diceburi. Temu bual bersama Mudir Madrasah Idrisiah Ustaz Kamaruddin bin Ahmad, pada 30 Julai 2009 di bilik mudir.

<sup>291</sup> Temu bual melalui telefon bersama bekas pelajar Madrasah Idrisiah Sahibus Samahah Dato' Seri Haji Harussani Zakaria pada 18 Mei 2009 jam 8.45 pagi.

<sup>292</sup> Temu bual bersama beberapa murid pelajar Madrasah Idrisiah. Raja Nurul Aisyah Raja Sulaiman, tingkatan 5 Khaldun; Noor Khairunnisa' Abdul Halim, tingkatan 1 Taimiyyah; Mohd Nasrul Asri, tingkatan 1 Taimiyyah; Mohd Rifaie Hussain, tingkatan 3 Rushd, pada 30 Julai 2009.

pemeriksaan hafalan pada setiap minggu khususnya ketika berlangsungnya program orientasi ini. Setiap kali selepas solat pelajar akan bertadarus mengikut kumpulan untuk memperolehi bacaan yang baik. Pelajar juga wajib solat berjemaah pada setiap kali waktu solat. Pelajar yang cuba lari daripada tanggungjawab ini akan dikenakan denda iaitu rotan.

Bagi pendapat penulis, ternyata kesan daripada program yang telah diketengahkan oleh Ustaz Musa ini membawa manfaat yang sangat besar di dalam melahirkan pelajar yang mempunyai jiwa agama dan akademik yang baik, khususnya selepas keluar daripada madrasah ini. Ustaz Musa mempunyai harapan yang sangat besar terhadap semua pelajar Madrasah Idrisiah dan beliau percaya hasratnya untuk melahirkan '*Da'i ila Allah*' akan tercapai satu hari nanti walaupun usaha tersebut bukanlah suatu yang mudah. Beliau sedaya upaya cuba untuk mengembalikan peranan Madrasah Idrisiah yang dahulunya telah banyak melahirkan tokoh-tokoh ulama besar dalam negeri Perak khasnya dan negara umumnya.

#### **4.8 Pembangunan Fizikal dan Prasarana**

Sepanjang pentadbiran 14 tahun Ustaz Musa di madrasah ini (1985-1999) terdapat banyak perubahan yang berlaku khususnya yang berkaitan dengan pembangunan madrasah. Pada zaman pentadbiran Ustaz Musa, madrasah ini telah

mengalami dua era iaitu era pemulihan dan era pembangunan.<sup>293</sup> Era pemulihan berlaku pada tahun 1985 hingga 1988. Sebelum era pemulihan ini, Madrasah Idrisiah mengalami zaman kemunduran yang sangat membimbangkan. Kemerostan bilangan pelajar dan kekurangan tenaga pengajar yang kian menurun perlu di ambil tindakan segera oleh Ustaz Musa untuk menyelamatkannya.

Pada awal penubuhan madrasah ini terdapat lima bangunan asas yang mengandungi tiga buah rumah guru yang didiami oleh mudir, penolong kanan dan setiausaha madrasah. Sebuah pejabat yang dikenali sebagai '*Idarah*' atau rumah bulat dan sebuah bangunan induk yang digunakan sebagai asrama dan kelas. Di samping lima buah bangunan ini terdapat sebuah lagi bangunan yang dijadikan asrama untuk pelajar puteri yang dikenali sebagai Asrama Mariah.

Sebelum Ustaz Musa menjadi mudir, madrasah sudah mempunyai 8 bangunan yang telah didirikan semenjak tahun 1917 lagi. Bangunan-bangunan tersebut ialah :-

- i) Pejabat/Idarah bulat pernah berfungsi sebagai pejabat dan bilik guru, tetapi kini ia digunakan sebagai bangunan tetamu.
- ii) Rumah guru didiami oleh mudir dan penolong kanan. Pada asalnya terdapat 3 buah rumah guru tetapi satu daripadanya telah dirobohkan.

---

<sup>293</sup> Rabiaton Laila binti Mohd Yaacob (2002), "*Madrasah Idrisiah: Sejarah Penubuhan, Peranan dan Sumbangannya Terhadap Masyarakat Setempat*". Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya, h. 46.

- iii) Bangunan Induk yang pernah digunakan sebagai asrama, kelas dan maktabah/perpustakaan. Sekarang ia digunakan sebagai pejabat, bilik guru, makmal komputer dan bilik aktiviti pelajar.
- iv) Berek Putih yang digunakan sebagai asrama namun ia telah dirobohkan pada 1967.
- v) Rumah Putih juga berfungsi sebagai asrama dan turut telah dirobohkan pada 1970.
- vi) Berek Merah berfungsi sebagai asrama.
- vii) Rumah Merah menjadi kediaman penolong kanan sekolah.
- viii) Madrasah Mariah iaitu merupakan bangunan tertua di sini yang telah dibina pada tahun 1876 dan pernah digunakan sebagai Madrasah. Sekarang ia digunakan sebagai asrama pelajar puteri khususnya untuk pelajar tingkatan satu.

Sementelah Ustaz Musa menjadi mudir, Sultan Azlan Shah menitahkan agar Madrasah Idrisiah di buat penyusunan semula.<sup>294</sup> Penyusunan tersebut merangkumi perubahan fizikal, kurikulum dan pentadbiran sekolah. Pihak *Chandan Development* telah memulakan langkah dengan membantu mengecat semula madrasah dengan jumlah belanja RM 100,000.<sup>295</sup> Bangunan yang dahulunya usang dan tidak bermaya kini kian menyerlah dan baru.

---

<sup>294</sup> Jurnal Khas Madrasah Idrisiah 2000, h. 18.

<sup>295</sup> Rabiaton Laila binti Mohd Yaacob (2002), *op.cit*, h. 51.

Tahun 1988 hingga pertengahan 1990an merupakan saat-saat penting buat Madrasah Idrisiah kerana waktu ini kerja-kerja pembangunan kian pesat dilakukan meskipun dalam sesi pembelajaran. Lantaran itu, demi melaksanakan pembangunan ke atas madrasah ini terdapat beberapa bangunan yang masih dipertahankan dan ada sesetengahnya terpaksa diruntuhkan untuk kegunaan yang lebih memanfaatkan untuk warga Madrasah Idrisiah.<sup>296</sup> Antara pembangunan baru yang telah dibina atas tapak bangunan yang dirobohkan itu ialah :

- a. Asrama Puteri (1989)
- b. Asrama Putera & Dewan Makan (1991)
- c. Bengkel Kemahiran Hidup, Kantin & Makmal Sains (1992)
- d. Dewan Besar & Musalla (1994)
- e. Bangunan Kelas (1999)

Di sini penulis turut berpendapat bahawa kecemerlangan pelajar madrasah ini adalah didorong oleh keselesaan yang dimiliki mereka ketika belajar seperti ruang belajar yang selesa, adanya kelas-kelas tambahan, jadual perancangan asrama bagi setiap pelajar dan sebagainya. Hal ini kerana kemudahan yang disediakan ini nyata membawa kesan yang sangat memberangsangkan pada setiap keputusan peperiksaan pelajar saban tahun. Namun dalam penyediaan bangunan-bangunan ini ia melibatkan kos yang sangat tinggi. Seawal perbincangan pembentukan semula madrasah, ia melibatkan satu badan kontraktor yang turut sama menyumbangkan wang bagi membantu memulihkan semula madrasah ini. Asrama puteri umpamanya telah

---

<sup>296</sup> Temu bual bersama Mudir Madrasah Idrisiah Ustaz Kamaruddin bin Ahmad, pada 30 Julai 2009.



melibatkan kos RM 78,000, asrama putera dan dewan makan melibatkan kos pembinaan yang termahal ketika itu iaitu RM 1,124,000, makmal sains RM50,000, kantin RM 24,200, dan bengkel kemahiran hidup RM 79,000.

Pada tahun 1994, Ustaz Musa mengusulkan agar didirikan pula surau bagi pelajar puteri dan dewan utama madrasah sebagai tempat peperiksaan utama bagi para pelajar di masa akan datang dan kesemua prasarana ini masih wujud sehingga kini.<sup>297</sup> Kemasukan bilangan pelajar yang tinggi dari tahun ke tahun telah member idea baru kepada Ustaz Musa untuk mendirikan bangunan kelas yang lebih selesa dan mampu menempatkan lebih ramai pelajar di setiap kelas. Maka, pada tahun 1999 tersergamlah sebuah bangunan kelas setinggi empat tingkat yang menelan belanja RM1,295,237 dan telah memulakan operasinya pada 22 Februari 1999. Usaha beliau yang terakhir ini sempat dikecapi oleh Ustaz Musa sebelum beliau kembali ke rahmatullah pada 19 April 1999.

#### **4.9 Projek Institut Pengajian Takhassus al-Idrisiah (IPTA)**

Dengan kemudahan yang ada, Madrasah Idrisiah sudah mampu bersaing dengan sekolah-sekolah lain dalam menuju kegemilangannya. Semangat tinggi yang ditunjukkan oleh Ustaz Musa sebenarnya telah membawa Madrasah Idrisiah ke tahap kegemilangannya. Sesuai dengan kata-kata perangsang yang sering dilontarkan beliau iaitu "*Idrisiah Cemerlang Tahun 2000*". Ustaz Musa Zainuddin terus mengorak langkah dengan lebih berani lagi apabila beliau menyuarakan hasrat untuk mendirikan satu projek iaitu Institut Pengajian Takhassus al- Idrisiah (IPTA) di

---

<sup>297</sup> *Ibid.*

Sungai Siput. Beliau berharap dengan cara ini setiap pelajar lepasan madrasah ini akan menjadi ulama' intelek yang pakar dalam bidang masing-masing. Kesungguhan beliau ini dapat dilihat melalui kata-kata beliau iaitu:<sup>298</sup>

*“Semalam direkod, esok dirancang”  
“kita perlu merobah...”  
“kita perlu muhasabah diri”*

Sememangnya jasa dan sumbangan beliau adalah sangat besar terhadap perkembangan madrasah ini di mata institusi pendidikan di Perak. Penulis dapat mengkategorikan beliau sebagai agen penyumbang di dalam mencetuskan pembaharuan akademik di dalam pendidikan Islam sama ada secara formal atau tidak formal di sepanjang tempoh penglibatan beliau sebagai guru agama di Madrasah Idrisiah. Hal ini jelas menunjukkan beliau seorang yang sangat gigih dan mempunyai wawasan yang tinggi serta jauh ke hadapan. Bak kata beliau:<sup>299</sup>

*“Di kepala kita tidak putus-putus mengharapkan mudah-mudahan lahirah jua hendaknya generasi ulamak dengan bidang-bidang masing-masing. Kerana itu kita sedia menerima pandangan dan teguran dari semua pihak dalam semua perkara asal sahaja ianya dilakukan dengan sihat dan tertib. Jalan yang hendak dilalui oleh Madrasah Idrisiah penuh ranjau dan beronak, akan tetapi matlamat dan wawasan harus dikejar dan dikecapi. Bak kata pendita “biar patang layar bederak patah, namun berhenti pantang sekali”*

Ungkapan di atas merupakan kata-kata aluan beliau yang terakhir dalam penerbitan majalah sebelum beliau kembali ke rahmatullah. Jasa dan sumbangan

---

<sup>298</sup> *Al-Fikrah*, (1999), Edisi 6, h. 32.

<sup>299</sup> *Al-Fikrah*, (1998), Edisi 5, kata-kata aluan Mudir Madrasah Idrisiah, h. 4

beliau sangat besar kepada kegemilangan Madrasah Idrisiah. Dengan itu, penulis dapat menggambarkan bahawa beliau juga merupakan ulama intelektual Islam yang sangat tekun dan mempunyai cita-cita yang sangat tinggi bagi melahirkan ulama dan umara sesuai dengan visi Madrasah Idrisiah itu sendiri. Selama hampir 14 tahun madrasah mengalami zaman kemerosotan, selama 14 tahun juga Ustaz Musa membawa anjakan paradigma dan akhirnya kegemilangan telah dapat dikecapi semula.

#### **4.10 Majlis Syura**

Ustaz Musa telah memperkenalkan satu badan yang bertanggungjawab membantu pengetua dalam melicinkan pentadbiran sekolah. Badan ini dikenali sebagai Majlis Syura. Ahli-ahlinya telah dipilih sendiri oleh pengetua berdasarkan kepada kriteria-kriteria tertentu seperti kekananan guru-guru tersebut dalam pentadbiran sekolah. Majlis ini berperanan sebagai penyelesai masalah dalaman sekolah seperti urusan penawaran dan pengambilan guru-guru wakaf, menangani masalah disiplin pelajar yang berat serta memberi cadangan kepada Jawatankuasa Tadbir Sekolah bagi sesuatu perkara yang difikirkan perlu untuk kepentingan sekolah.

Dibawah ni disenaraikan ahli-ahli Majlis Syura bagi sesi persekolahan 1998:<sup>300</sup>

- i. Ustaz Musa b. Zainuddin
- ii. Kamaruddin b. Ahmad
- iii. Ahmad Nazri b. Baharuddin

---

<sup>300</sup> Lihat Diari Madrasah Idrisiah 1910-2000, h. 21.

- iv. Hamdan b. Hussin
- v. Kamaruddin b. Wok
- vi. Abdul Rahman Najib b. Mohd Nor
- vii. Khairul Anwar El-Syazali b. Musa

#### **4.11 Kesimpulan**

Madrasah Idrisiah kini telah kembali mengecap zaman kegemilangannya setelah mengharungi zaman kemerosotan dan kemunduran yang sangat panjang. Ustaz Musa b. Zainuddin merupakan tokoh yang bertanggungjawab memulihkan semula dan membawa sinar baru kepada madrasah ini. Lantaran usaha yang bersungguh-sungguh ini Madrasah Idrisiah bangun kembali sebagai sebuah pusat pendidikan agama yang digeruni dan disegani oleh sekolah-sekolah berasrama penuh yang lain. Ternyata terdapat pelbagai perubahan yang dilakukan setelah tampuk pemerintahan beralih ke tangan Ustaz Musa Zainuddin.

Berdasarkan analisis kajian penulis dapati sistem pendidikan dan kesan pembaharuan yang diperkenalkan oleh beliau itu telah melahirkan ramai pelajar yang hebat dan berjaya memperoleh ilmu di peringkat yang lebih tinggi. Ramai pelajar telah menjejakkan kaki ke menara gading sama ada di dalam atau di luar negeri. Ternyata jua motto madrasah iaitu "*Idrisiah Cemerlang Tahun 2000*" berjaya dicapai sedikit demi sedikit sepanjang 14 tahun pentadbirannya dan kesinambungan itu berlarutan hingga ke hari ini. Setelah kematian beliau, tampuk pentadbiran telah diserahkan pula kepada Ustaz Kamaruddin bin Ahmad yang juga bertekad

meneruskan impian beliau yang tergendala dan menaikkan lagi pembangunan di madrasah ini.

## **BAB 5:**

### **PENUTUP**

#### 5.1      Pendahuluan

**Bab yang kelima ini merupakan bab yang terakhir di dalam kajian penulis. Di dalam bab ini penulis akan membuat kesimpulan terhadap kajian yang telah penulis lakukan ke atas Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala**

**Kangsar Perak: Sejarah dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam dari tahun 1985-1999. Selain itu penulis juga akan melontarkan beberapa saranan kepada pihak-pihak tertentu hasil daripada kajian penulis.**

## **5.2 Kesimpulan**

### **5.2.1 Kesimpulan Umum**

- 1) Secara umumnya, Madrasah Idrisiah telah ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1922 iaitu permintaan dari Sultan Idris Mursyidul Adzam Shah, Sultan Perak yang memerintah pada waktu itu. Dari awal penubuhannya sehingga kini, Madrasah Idrisiah telah ditadbir oleh 8 orang mudir dan setiap mudir yang mengelola madarasah ini telah membawa kisah dan sejarah yang berbeza-beza dalam memajukan pendidikan Islam di Madrasah Idrisiah.**
- 2) Madrasah Idrisiah mengalami 4 peringkat perkembangan iaitu peringkat kebangkitan (1917-1927), peringkat kegemilangan (1928-1969), peringkat malap (1970-1984) dan peringkat pemulihan (1985-1999).**
- 3) Madrasah Idrisiah telah melahirkan beberapa orang alim ulama dan tokoh Islam berwibawa di negara ini. Antaranya Tuan Haji Sha'aya Abdul Majid (bekas mufti Perak 1963-1977), Dato' Haji abu Hassan Abdul Majid (bekas mufti Perak dan mudir Madrasah Idrisiah yang kelima), Dato' Haji Abdul Malik bin Haji Nordin (bekas mufti Perak**

**1981-1985), Dato' Seri Harussani bin Zakaria (mufti Perak 1985-hingga kini), Tuan Haji Abdul Kahar (bekas khadi Teluk Intan) dan ramai lagi. Seorang tokoh ulama yang tidak asing lagi dalam sejarah perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu ialah Tuan Haji Abu Bakar al-Baqir telah belajar di Madrasah Idrisiah di bawah didikan gurunya Syeikh Abdullah Fahim.**

- 4) Dalam usaha mengejar matlamat dan tujuan yang dikehendaki dalam pendidikan Islam, maka sudah tentu madrasah Idrisiah telah merangka sebaik mungkin pelbagai strategi supaya madrasah dapat merealisasikan matlamat sebenar pendidikan di dalam Islam. Penulis akan memaparkan realiti pelaksanaan pendidikan Madrasah Idrisiah dengan merujuk kepada hasil kajian dan pemerhatian penulis. Tujuan-tujuan tersebut dapatlah dibahagikan kepada tiga kategori utama seperti berikut:

#### 4.1 Pembentukan Akhlak dan Peribadi

Di dalam program pendidikan madrasah ini, tujuan pembentukan akhlak dan keperibadian diberikan keutamaan seiring dengan penguasaan ilmu dan kemahiran akademik. Justeru beberapa keperluan utama telah dikenal pasti bagi merealisasikan tujuan tersebut.

Pemantapan dari sudut akhlak diberi perhatian dengan mengasah perkembangan intelek dan sahsiah yang sihat sehingga berkemampuan mengendalikan diri dengan baik dan sempurna. Selain itu, diwujudkan

pemupukan sifat positif, berdikari serta mengikis sifat-sifat negatif melalui pengajaran, pengalaman dan menghayati tujuan serta peranan solat, puasa, zikir dan doa-doa harian yang sesuai dengan peringkat usia pelajar Madrasah Idrisiah.

Penghayatan terhadap amalan ibadat, pengetahuan mendalam ilmu-ilmu Islam serta pengawasan dan pemantauan di kalangan guru-guru dijangka dapat melahirkan individu pelajar yang cemerlang akhlaknya. Manakala penyemaian ciri-ciri kepimpinan, mengasah bakat, potensi semula jadi dan tumpuan terhadap kekuatan rohani selain jasmani merupakan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Madrasah Idrisiah bagi melahirkan keperibadian yang sempurna.

#### 4.2 Penguasaan Ilmu dan Kemahiran

Penguasaan ilmu atau akademik dilihat sebagai suatu keperluan yang penting dalam meningkatkan kemajuan umat. Berdasarkan senario ini, Madrasah Idrisiah meletakkan matlamat untuk pencapaian ilmu seiring dengan aspek pembentukan akhlak dan keterampilan. Di dalam hal ini, penekanan terhadap asas-asas ilmu agama diberi pendedahan yang luas.

Penekanan terhadap pengajaran al-Quran, penguasaan ilmu-ilmu Islam, kemahiran bahasa Melayu, Inggeris dan Arab serta mahir dalam ilmu-ilmu yang berorientasikan Sains dan Teknologi menjadi tumpuan penting dalam



sistem pendidikan Madrasah Idrisiah. Ini sangat bersesuaian dengan tuntutan Islam supaya menguasai ilmu dan kemahiran yang secukupnya untuk menghadapi arus kehidupan dunia serta beroleh kecemerlangan di akhirat kelak.

Jika disorot kepada Islam itu sendiri, maka amat ketara sekali bahawa Islam telah memberikan penegasan, keutamaan, kewajipan, kemuliaan dan keunggulan terhadap ilmu berbanding agama lain. Ayat-ayat yang berkaitan bukan sahaja menyebut tentang kepentingan dan keutamaan ilmu bahkan mengenai martabat dan kemuliaan orang-orang yang berilmu di sisi Allah. Justeru, rujukan kepada *Iqra'* iaitu wahyu pertama yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w amat signifikan dengan budaya ilmu menjadi gesaan kepada seluruh warga Madrasah Idrisiah untuk mencari, menguasai dan mengembangkan ilmu itu ke seantero alam.

#### 4.3 Matlamat pendidikan Madrasah Idrisiah

Berdasarkan dua tujuan utama yang digariskan oleh Madrasah Idrisiah, penulis mendapati bahawa aspek tersebut sangat bersesuaian dengan tuntutan syariat Islam dan pelaksanaan pendidikannya. Justeru, merujuk kepada matlamat pendidikan Madrasah Idrisiah ia merupakan persepaduan di antara dua aspek tujuan tersebut yang mana akan melahirkan generasi yang mantap dan utuh di sudut akidah dan keimanannya, berusaha mendaulatkan Islam

serta mempunyai ikatan ukhuwah yang kuat. Maka ia sudah tentu akan merealisasikan matlamat pendidikan Islam.

Dalam pada itu, sepanjang pemerhatian dan kajian penulis dapat merumuskan bahawa sistem pendidikan Madrasah Idrisiah telah menepati aspek-aspek pendidikan yang diberi keutamaan di dalam Islam. Ini dapat dilihat berdasarkan kandungan silibus agama dan aktiviti ko-kurikulum khususnya.

Sementara itu, dalam aspek kurikulum, Islam telah menggariskan beberapa ciri utama yang perlu diterapkan antaranya kurikulum Islam menekankan pengajian al-Quran, asas-asas agama dan bahasa. Ia merangkumi ilmu pengetahuan yang bersifat bersepadu, penekanan dari sudut teori dan praktikal, setiap subjek mestilah mengandungi unsur-unsur akidah, syariah dan akhlak serta kurikulum tersebut hendaklah digubal oleh golongan yang pakar.

Dengan menjadikan ciri-ciri tersebut sebagai piawaian kepada kurikulum pendidikan di Madrasah Idrisiah, penulis sekali lagi dapat menyimpulkan bahawa sememangnya kurikulum madrasah ini telah mencakupi ciri-ciri yang dituntut tersebut. Namun begitu, penulis mendapati masih wujud kelemahan di dalam menggabungkan pembelajaran subjek-subjek agama dengan isu-isu semasa dan perkembangan dunia moden serta penghayatan dari sudut praktikal.

Dalam pada itu, aspek pemilihan guru telah menjadi agenda penting kepada sistem pendidikan Madrasah Idrisiah sebagaimana yang ditekankan di dalam pendidikan Islam. Guru-guru yang dipilih adalah terdiri dari kalangan mereka yang mempunyai sahsiah yang baik di samping keupayaan ilmu yang memuaskan. Justeru mereka yang mempunyai iltizam dan komitmen yang tinggi untuk memartabatkan sistem pendidikan Islam menjadi pilihan utama.

Penulis amat menegaskan bahawa amalan sistem pendidikan Madrasah Idrisiah secara keseluruhannya amat bertepatan dengan prinsip-prinsip pendidikan di dalam Islam dan seharusnya ia dipertahan dan diperkasakan.

#### 5.2.2 Kesimpulan Khusus

Setelah penulis membuat sorotan mengenai Madrasah Idrisiah dan tokoh pemulihannya Ustaz Musa bin Zainuddin 1985-1999, dapatlah dibuat kesimpulan antaranya:

- i) Ustaz Musa bertekad untuk mengadakan beberapa perubahan yang mencakupi banyak bidang. Bidang pendidikan adalah wadah utama perubahan tersebut. Namun ia bukanlah satu usaha yang mudah untuk dilakukan sekiranya tanpa disertai oleh semangat juang yang tinggi dan bantuan dari pihak-pihak tertentu. Beliau berserta badan jawatankuasa tadbir madrasah telah melakukan beberapa usaha di dalam memastikan pelajar-pelajar di madrasah mendapat

pendidikan sama seperti yang diperolehi oleh pelajar di sekolah-sekolah kebangsaan yang lain.

ii) Berlaku perubahan kurikulum sebelum dan selepas Ustaz Musa menjadi mudir. Ia terjadi kerana sebelum pentadbiran beliau, semua mata pelajaran yang ada di Madrasah Idrisiah adalah wajib diambil dan dipelajari oleh para pelajar dan selepas merdeka, Ustaz Musa telah mengkategorikan subjek-subjek yang perlu di ambil oleh pelajar mengikut level masing-masing. Beliau telah mengurangkan mata pelajaran tradisional iaitu subjek-subjek yang majoritinya di ajar dan menggunakan kitab Arab dan mata pelajaran sains praktikal diperkenalkan. Dengan ini para pelajar dapat mempelajari ilmu akademik sama seperti sekolah-sekolah di bawah kementerian di samping mereka memperoleh pengetahuan yang luas mengenainya.

iii) Ko-kurikulum sewaktu era 1985-1999 telah mendedahkan pelajar bahawa selain menumpukan pelajaran semata-mata, pelajar juga mesti aktif dan mahir dalam berpersatuan, sukan dan sebagainya. Hal ini kerana dengan aktiviti-aktiviti yang diceburi oleh mereka ia secara langsung dapat melahirkan pelajar yang berdisiplin, berwawasan dan berkemampuan dalam memberi segala pertolongan dan bantuan yang diperlukan. Selain itu, ia juga berperanan dapat melatih diri pelajar berhadapan dengan pelbagai cabaran, membentuk budaya kerjasama di kalangan pelajar di samping membentuk dan menjana peribadi serta akhlak pelajar agar menjadi insan taqwa, berilmu, beramal dan sebagainya seiring dengan landasan Islam. Dengan itu, penulis amat

menyokong sekali perubahan ko-kurikulum baru yang diperkenalkan oleh Ustaz Musa ini dan kegiatan itu berterusan sehingga kini.

iv) Selain itu, salah satu kesan penerapan kurikulum SMKA yang dibuat oleh Ustaz Musa mendatangkan kesan positif khususnya untuk tempoh jangka masa yang panjang walaupun selepas kematian beliau. Ini dapat dilihat dari tempoh beliau menjadi mudir dan selepas 6 tahun kematian beliau, kemasukan pelajar ke Madrasah Idrisiah semakin bertambah dari tahun ke tahun. Ini disebabkan kurikulum SMKA ini telah diolah dengan sebaiknya bagi pelajar jurusan agama untuk menempatkan diri dalam bidang sains-teknikal-ekonomi pada dunia alaf baru ini.

v) Penulis berpendapat, ternyata kesan daripada program yang telah diketengahkan oleh Ustaz Musa membawa manfaat yang sangat besar di dalam melahirkan pelajar yang mempunyai jiwa agama dan akademik yang baik, khususnya selepas menamatkan pengajian di madrasah ini. Ustaz Musa mempunyai harapan yang sangat besar terhadap semua pelajar Madrasah Idrisiah dan beliau percaya hasratnya untuk melahirkan '*Da'i lallah*' akan tercapai satu hari nanti walaupun usaha tersebut bukanlah suatu yang mudah. Beliau sedaya upaya cuba untuk mengembalikan peranan Madrasah Idrisiah yang dahulunya telah banyak melahirkan tokoh-tokoh ulama besar dalam negeri Perak khasnya dan negara umumnya.

### 5.3 Saranan

Di bawah ini disertakan serba sedikit saranan yang dapat dititipkan daripada penulis. Saranan-saranan yang diberikan hanyalah mengikut daripada pemerhatian penulis sepanjang mengendalikan proses kajian ini. Terdapat beberapa saranan yang mungkin boleh diambil perhatian oleh pihak-pihak tertentu yang terlibat sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung dalam bidang yang berkaitan dengan kajian penulis ini. Berikut adalah antara saranan-saranan yang dapat diutarakan di dalam kajian penyelidikan penulis terhadap Madrasah Idrisiah Bukit Chandan, Kuala Kangsar Perak: Sejarah dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam Dari Tahun 1985-1999.

Penulis mengambil kesempatan ini untuk memberi beberapa saranan bagi meningkatkan kemajuan dan perkembangan pembelajaran di Madrasah Idrisiah, antaranya:

- i) Para pelajar perlu mengubah sikap malas kepada rajin berusaha kerana usaha itu tangga kejayaan. Pelajar seharusnya berdikari tanpa mengharap arahan sepenuhnya dari guru. Pelajar juga mesti menunjukkan akhlak yang baik di samping mempunyai budaya cintakan ilmu pengetahuan serta perlu bagi seseorang pelajar itu untuk menentapkan sasaran dalam belajar untuk membangkitkan semangat terus belajar.

- ii) Ibu bapa memainkan peranan penting di dalam mendidik anak-anak. Mereka mestilah menunjukkan contoh teladan yang baik kepada anak-anak dan sentiasa mengambil berat tentang pendidikan anak-anak. Ibu bapa juga harus bekerjasama dengan pihak sekolah di dalam membantu meningkatkan prestasi pembelajaran anak-anak.
- iii) Masyarakat juga berperanan terhadap perkembangan sekolah dengan memberi galakan dan dorongan sama ada dalam bentuk material atau moral. Masyarakat merupakan suatu kelompok besar yang mengandungi beberapa unit kecil yang tersusun bagi menggerakkan dan menjaga kepentingan sesuatu unit tersebut. Contohnya di dalam setiap masyarakat, terdapat persatuan penduduk atau rukun tetangga, pertubuhan agama, jawatankuasa masjid, surau, persatuan belia dan sebagainya. Maka, persatuan-persatuan kemasyarakatan ini perlu menjalinkan suatu hubungan kerjasama dengan pihak sekolah bagi mengurangi masalah kewangan, disiplin dan akademik pelajar.
- iv) Di sekolah, guru merupakan golongan yang paling hampir dengan pelajar. Mereka adalah contoh ikutan yang baik (*qudwah hasanah*) bagi setiap pelajar. Justeru di samping mengajar dengan penuh dedikasi mereka perlu memberikan tunjuk ajar yang betul, nasihat dan motivasi kepada pelajar agar dapat memupuk minat dan menaikkan prestasi pembelajaran pelajar. Selain itu, penulis juga berpendapat, perlu diwujudkan persatuan guru-guru sekolah agama untuk memelihara kebajikan dan masa depan mereka. Ia juga bertujuan untuk memastikan kualiti dan kerjaya mereka terjamin dan dapat dimajukan

dari semasa ke semasa. Selain itu, pelajar mula mendapat manfaat daripada pengaplikasian kaedah-kaedah baru dan gaya serta pola pembelajaran mereka semakin serasi. Umpamanya melalui multimedia. Jika dalam pendidikan Islam, guru turut menggunakan segala pengetahuan baru mengenai cara pembelajaran yang lebih efisien, pendidikan Islam pastinya akan menjadi lebih berkesan. Sekiranya, penemuan-penemuan baru Sains tidak diguna dalam pendidikan Islam dan penulis pasti akan berlaku kepincangan antara pencapaian dalam bidang pendidikan Islam dengan pencapaian dalam bidang-bidang lain. Inilah antara usaha yang perlu dilakukan anjakan paradigma dalam sistem pendidikan Islam di Madrasah Idrisiah. Seperti kata-kata masyhur Eistein “agama tanpa Sains buta, Sains tanpa agama cacat”

- v) Seterusnya, penulis turut memfokuskan saranan kepada Jawatankuasa Tadbir Madrasah Idrisiah kerana ia merupakan pihak tertinggi di peringkat madrasah yang mentadbir dan mengurus selia Madrasah Idrisiah. Untuk menjadikan Jawatankuasa Tadbir ini lebih berketerampilan, penulis merasakan ahli jawatankuasa yang dilantik itu hendaklah betul-betul layak dan mempunyai minat dan kesungguhan untuk memajukan madrasah. Ahli yang dilantik adalah mewakili semua lapisan masyarakat contohnya guru, ulama, ibu bapa, bekas pelajar, parti politik, belia dan wanita. Seterusnya bagi memantapkan pengurusan pejabat madrasah, penulis merasakan pembantu tadbir perlu diberi latihan pengurusan pejabat seperti kemahiran ICT (*Information dan Communication Technology*). Seterusnya, pihak Jawatankuasa Tadbir Madrasah juga bertanggungjawab untuk menambah kewangan sekolah seperti



menggerakkan aktiviti perniagaan. Pihak jawatankuasa tadbir juga mesti mempunyai kerjasama yang baik dengan pihak guru dan ibu bapa serta sentiasa prihatin dengan perkembangan sekolah.

- vi) Golongan pemerintah dan masyarakat hendaklah sentiasa berganding bahu memantapkan sistem pendidikan Islam dengan meningkatkan sarana dan prasarana pusat-pusat pendidikan Islam di bandar dan di pedalaman.

## **BIBLIOGRAFI**

### **RUJUKAN UTAMA**

Al-Quran.

### **BUKU**

‘Abdul al-Rahman al-Ba’ni (1983), *Madkhal ala Tarbiyyah fi Dau’i al-Islam*. C. 2. Beirut: Maktabah al-Islam.

Abdul Halim El-Muhammady (1994), *Pendidikan Islam: Peranannya dalam Pembangunan Ummah*. Selangor: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah.

\_\_\_\_\_ (1991), *Pendidikan Islam (Falsafah, Disiplin Dan Peranan Mendidik)*. Kuala Lumpur: ABIM.

Abdul Halim Nasir (1994), *Seni Bina Masjid Melayu-Nusantara*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.

- \_\_\_\_\_ (1981), *Tempat-tempat Bersejarah Perak*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Negara,
- Abdul Halim bin Haji Mat Diah (1989), *Islam dan Demokrasi Pendidikan*, Cet. 1. Kuala Lumpur: ABIM.
- Abdul Karim Zaidan (t.t), *Usul al-Dakwah*, Damsyik : Dar Omar al-Khattab.
- Abdullah Fatah Thayyarah (1996), *Ruh al-din al-Islam*, cet. 2. Mesyuarat Jemaah Abd Rahman.
- Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Jusuh (1990), *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_ (1989), *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Muhammad Zin, Zulkiplie Abd. Ghani dan Abdul Ghafar Hj. Don (2005), *Pendidikan Islam di Malaysia: Dari Pondok ke Universiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Abdullah (1998), *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu A'la al Mawdudi (1985), *Asas-Asas Islam*, terj. H.O.K Rahmat, Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Abu Urwah (1984), *Risalah Usrah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Adib Vincent Tung Abdullah (1999), *Adat Pusaka & Raja-Raja Orang Besar-Besar Negeri Perak Darul Ridzuan*. Ipoh: Compass Life Sdn. Bhd.
- Adnan Hj. Nawang (1998), *Perak Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Ahmad Haji Mohd Salleh (1985), *Kursus Pendidikan Islam*. Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_ (1997), *Pendidikan Islam, Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ahmad Mahdzan Ayob (1985), *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Ahmad Mukhtar Umar, ed (1998), *al-Mu'jam al-Arabi al-Asasi*. Tunis: al-Munazzamah al-'Arabiah lil al-Tarbiah wa al-Thaqafah wa al-Ulum
- Ahmad Shalaby (1974), *Sejarah Pendidikan Islam*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Auni Abdullah (2000), "Kerajaan Melayu: Sendi Islam dalam Pemerintahan Tradisi", dalam *Tamaddun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Had Salleh (1980), *Pendidikan ke arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*. Kuala Lumpur: Fajar bakti.
- \_\_\_\_\_ (1977), "Institusi Pondok di Malaysia", dlm. Zainal Kling (ed.), *Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Collingwood, R. G. (1946), *The Idea of History*, c. 1. London: Oxford University Press.
- Chelliah, C. D. (1947), *A History of Education Policy of The Straits Settlements*. Kuala Lumpur: The Government Press.
- Danny Wong Tze-Ken, Joseph M. Fernando, Mardiana Nordin dan Sivachandralingham Sundra Raja (2006), *Sejarah Sumber dan Pendekatan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- De Jong, P.E. De Josselin (1963), *Agama-agama di Gugusan Pulau-pulau Melayu*, Abdullah Hussain (terj), Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Dewey, John (1944), *Democracy and Education: An Introduction to the Philosophy of Education*. New York: The Macmillan.
- Fathi Yakan (1978), *Apa Ertinya Saya Memeluk Islam*, Chadidjah N'asution (terj.), Jakarta: Bulan Bintang.
- George Makdisi (1991), *Religion, Law and Learning in Classical Islam*. USA: Variorum.
- \_\_\_\_\_ (1990), *The Rise of Humanism in Classical Islam and Christian West: With Special Reference to Scholarticism*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Ghazali Darusalam (2001), *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Gufran A. Mas'adi (1997), *Pemikiran Fazlur Rahman Tentang Metodologi Pembaharuan Hukum Islam*. Jakarta.

- Hashim Ismail (2005), "Kaum Muda dan Pemikiran Progresif di Malaysia", dalam Hamzah Hamdani (ed.), *Islam di Malaysia dan Sastera Nusantara*. Kuala Lumpur: Gapeniaga Sdn. Bhd.
- Hashim Musa (2001), *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam : Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Hasan Langgulung (1991), *Pendidikan Islam Menghadapi Abad Ke-21*. Shah Alam: HIZBI.
- \_\_\_\_\_ (1986), *Manusia dan Pendidikan: Suatu Analisis Psikologi Pendidikan*. Jakarta: Penerbit Pustaka al-Husna.
- Haron Din (1985), *Manusia Dan Islam*. Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia.
- Ibn Khaldun, (t.t), *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Ali Abd. Al-Wahid Wafi (ed), j.1. Qahirah: Dar al-Nahdah.
- Ibrahim Abu Bakar (1994), *Islamic Modernism in Malaya: the life and thought of Sayid Syekh al-Hadi 1867-1934*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP.
- Ishak Saat (2007), *Sejarah Politik Melayu Pelbagai Aliran*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Ismail Haji Ibrahim, Ismail Abdul Rahman dan Mat Asin Dollah (1993) "Syeikh Tahir Jalaluddin", dalam Ismail Mat (peny.), *Ulama Silam Dalam Kenangan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Janesik Velerie J. (1994), "The Dance of Qualitative Research Design" in Norman K. Denzin Yvonna S. Lincoln (ed.), *Handbook of Qualitative Research*. London: Sage Publication.
- Joseph T. Shipley (1945), *Dictionary of Word Origins*. New York: The Philosophical Library.
- Kay, Meirē Weir (1976), *Webster's Collegiate Thesaurus*. USA: G. & C. Merriam Company Publisher.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1988), *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur: Malaysia Kementerian Pelajaran.

- Keontranigrat (1986), *Metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: P.T Gramedia.
- Khursid Ahmad (1974), *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Kim, Khoo Kay dan Mohd Fadzil Othman (1995), *Pendidikan di Malaysia Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Kim, Khoo Kay (1980), “Perkembangan Agama Islam”, dalam Awang Had Salleh, *Pendidikan ke arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Klein, Ernest (1966), *A Comprehensive Etymologied Dictionary of the English Language*. Amsterdam: Elsevier Publishing Company.
- Legal Research Board (1987), *Education Act, 1961*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Mahmud Arif (2008), *Pendidikan Islam Transformative*. Yogyakarta: LKiS Yogyakarta.
- Mak Soon Sang (1996), *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Maneh Hammad al-Johani (1984), *The Truth About Jesus*. Riyadh: World Assembly of Muslim Youth (WAMY).
- Md. Noor Salleh, Abdul Halim Haji Salleh (1998), *Islam di Kedah Darul Aman*. Kedah: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman.
- Md. Sidin Ahmad Ishak (2000), *The Malays In The Middle East, With A Bibliography Of A Malay Printed Works Published In The Middle East*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Atiyyah al-Abrasyi (t.t), *Ruh al-Tarbiyyah wa al-Ta’lim*, c. 10. Mesir: Isa al-Bab al-Halabi.
- Mohammad Redzuan Othman (2006), “Malays, Islam And The Middle East Before World War II: A Critical Analysis On The Historical Sources”, dlm. Danny Wong Tze-Ken, Joseph M. Fernando, Mardiana Nordin dan Sivachandralingam Sundara Raja (ed.), *Sejarah Sumber dan Pendekatan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- 
- (2006), *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Mohamed Sith haji Muhamed (1974), *Sekolah Rendah Agama Negeri Perak*. Perak: Pejabat Agama Perak.
- Mohd Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Roselan Ab Malek (1993), *Salasilah Nama Tempat Negeri Perak Darul Ridzuan*. Selangor: Penerbit Prisma Sdn. Bhd,
- Mohd Salleh Lebar (2002), *Perancangan Pendidikan Peringkat Sekolah dan Ipt*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Salleh Lebar (1992), *Perubahan dan Kemajuan Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise. Wong Hoy Kee dan Gwee Yee Hean (1972), *Perspective: The Development of Education in Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: Heinemann Education Book.
- Mohd Yusuf Ahmad (2002), *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mok Soon Sang dan Lee Shok Mee (1988), *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budi.
- Muhammad Ahmad al-'Adawi (1979), *Da'wah al-Rusul ila Allah Ta'ala*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Muhammad Idris Abd Rauf (1990), *Kamus Idris al-Marbawi*. Kuala Lumpur : Dar al-Fikr.
- Muhammad Yusoff Hashim (1992), *Pensejarahan Melayu: Kajian Terhadap Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur, h.1-3 dan Muhammad Natsir Mahmud (1997), *Orientalisme: Al-Quran Di Mata Barat*. Semarang.
- \_\_\_\_\_ (1988), *Pensejarahan Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Teks Publishing.
- Muhd Yusof Ibrahim (1997), *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian dan Kaedah*, cet. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Yusof Ibrahim & Mahyuddin Haji Yahya (1968), *Sejarawan dan Pensejarahan: Tokoh dan Karya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Kassim (1991), *Pengislaman Ilmu*, cet. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nabir Haji Abdullah (1976), *Maahad II Ihya Assyarif Gunung Semanggol 1934-1959*. Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Redcliffe, David James (1978), *Education and Cultural Change Among The Malays, 1900-1940*. Kuala Lumpur.
- Roff, W. R. (1980), *The Origin Of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_ (1967), *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur : University of Malaya Press.
- S.M. Naquib al-Attas (1969), *Preliminary Statement On A General Theory Of The Islamization Of The Malay-Indonesian Archipelago*, Kuala Lumpur,:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sabri Hai Said (1983), *Madrasah al-Ulum al-Syariah Perak 1937-1977: Satu Kajian Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sayyid Abul A'la al-Maududi, *Towards Understanding Islam*, Khurshid Ahmad (terj.). Lahore: Islamic Publicating Limited.
- Sayyid Qutb (1972), *Islam the Religion of the Future*. Kuwait: International Islamic Federation of Student Organization.
- Sobri Sakamon (1988), *Masalah Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pustaka al-Rahmaniah.
- Soekarno dan Ahmad Supardi, *Sejarah dan Falsafah Pendidikan Islam*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Sufean Hussin (2002), *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia: Teori dan Analisis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_ (1993), *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Alwi al-Hady (1999), "The Life of My Father", dalam Alijah Gordon (ed.), *The Real Cry of Syed Syeikh al-Hady: With Selections of His Writings by His Son Syed Alwi al-Hady*. Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute.
- Talib Samat (1992), *Syed Syeikh al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tan Liok Ee (1990), "Dasar Pendidikan Dalam Konteks Dekolonisasi: Semenanjung Tanah Melayu 1945-1955, dlm. Cheah Boon Kheng dan Abu Talib Ahmad (ed.), *Kolonialisme di Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Tarif Khalidi (1975), *Islamic Historiography; The Histories of Mas'udi*. Albany: State University of New York Press.

Universiti Malaya (2004), *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)*., Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Zainal Abidin Abdul Kadir (1994), Ke arah Amalan dan Penghayatan Nilai Islam Satu Pendekatan Bersepadu, dalam. Abd Halim El-Muhammady, *Pendidikan Islam Peranannya Dalam Pembangunan Ummah*. Selangor: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah.

Zawawi Haji Ahmad (1984), *Pendidikan Islam: Kaedah dan Teknik Pengajaran*, Edisi 1. Kuala Lumpur: International Book Service.

## **TESIS**

Kim, Keum Hyun (1995), *Konsep Jadi Orang dalam masyarakat Melayu: Satu Kajian Kes di Negeri Terengganu*, Tesis Sarjana Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mohd Azhar Bahari (2003), *Madrasah Idrisiah tahun 1922 hingga 2000: Peranan Sultan dan Ulama Terhadap Penubuhan dan Perkembangannya*. Tesis Sarjana Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Syuja' Bin Saedan (2006), *Sejarah Perkembangan Pendidikan Islam: Suatu Kajian Khusus Di Sekolah Menengah Agama Tarbiyah al-Nashiin, Bukit Meriam, Kota Kuala Muda, Kedah*. Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Zahoor Ahmad Fazal Hussain (1975), *Analysis of the effects of changes in administrative policies of the Singapore Ministry of Education on the operation of the Singapore school system 1960-1972*, Tesis PhD untuk University Microfilms International.

## **LATIHAN ILMIAH**

Abas Bin Awang (1974), *Sejarah Kuala Kangsar 1874*, Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Hasbullah Bakry (1963), "*Tjatatatan tentang Mula Masuknya Islam ke Indonesia*" Kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar "Sejarah Masuknya Islam



ke Indonesia”, Medan: Panitia Seminar Sejarah Masuknya Islam ke Indonesia.

Ismail Sudin (1971), *Sejarah Sosial Masyarakat Melayu Kuala Kangsar Dari 1887 Hingga 1940: Dengan Mengutamakan 1920 Han Dan 1930 Han*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Maemon Hj. Md. Sabri (1974), *Sejarah Pendidikan Agama Islam di Perak*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Nabir b. Haji Abdullah (1973), *Maahad II Ihya Assyarif Gunung Semanggol 1934-1956*, Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Rabiaton Laila binti Mohd Yaacob (2002), “*Madrasah Idrisiah: Sejarah Penubuhan, Peranan dan Sumbangannya Terhadap Masyarakat Setempat*”. Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.

Taufik Suhaimi bin Ahmad (1998), *Madrasah Idrisiah Kuala Kangsar: Satu Kajian dari Segi Sejarah Penubuhan, Perkembangan, dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam*, Kertas Projek, Jabatan al-Quran dan Sunah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

## **KAMUS**

Khalid M. Hussain (1999), *Kamus Dwibahasa*. Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noresah Baharom *et al.* (2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noresah Binti Baharom *et al.* (2002), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Osman Haji Khalid *et al.* (2006), *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*, Cet. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Oxford Student's Dictionary of English*. London: Oxford University Press.

*Webster's Unified Dictionary and Encyclopedia*.

Winstedt, R. O. (1970), *Kamus Bahasa Melayu*, Cet. 4. Kuala Lumpur: Marican & Sons Sd. Bhd.

## **PROSIDING**

Ahmad Hidayat Buang, Mohd Roslan Mohd Nor dan Luqman Abdullah (2008), *The Madrasah System in Malaysia: Its Contribution to the Nation and Challenges*. In IAS-AEI International Conference on New Horizons in Islamic Area Studies: Islamic Scholarship Across Cultures and Continents, on 22-24 November 2008.

Mahayuddin Haji Yahaya (1998), "Abu Jabir Abdullah bin Ahmad al-Ghadamisi: Tokoh Ulama Islah di Tanah Melayu", dalam *Sejarah dan Proses Pemantapan Negara-Bangsa*, Prosiding Kongres Sejarah Malaysia Kedua, jil.2.

Rahimin Affandi Abd Rahim dan Idris Awang (2003), "*Usaha Memperkasakan Institusi Pendidikan Islam di IPTA Malaysia: Satu Analisa Terhadap Pengalaman APIUM*", dalam Prosiding Seminar Kebangsaan memperkasakan sistem pendidikan. Johor Bharu: Anjuran Fakulti pendidikan UTM, pada 21 Okt 2003.

Rahimin Affandi Abd. Rahim (2003), "Analisis Sejarah Dakwah dan Jalinan Intelektual Rantau Malaysia-Indonesia", dalam (edit oleh Zulkiple Abd. Ghani) *Jaringan Dakwah Malaysia-Indonesia*. UKM: Terbitan Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU).

---

(2002), "Dakwah Dan Jalinan Intelektual Di Rantau Alam Melayu-Indonesia: Satu Analisa Sejarah", dalam *Seminar Antarabangsa Pengajian Dakwah Indonesia-Malaysia*, anjuran bersama Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara dan Fakulti Pengajian Islam, UKM, pada 18hb Mei 2002, di Medan, Indonesia.

---

(2001), "Al-Quran Dan Pemodenan Di Alam Melayu : Satu Analisa", dalam *Seminar Warisan Al-Quran Peringkat Kebangsaan 2001*, Anjuran bersama Pusat Ilmu Kemanusiaan, USM dengan YADIM, di USM, pada 24-25hb. Oktober 2001.

---

(2000), "Kebudayaan Melayu Dan Islam Di Nusantara: Satu Analisa Pengkaedahan", dalam *Seminar Hukum Islam Semasa 111 Peringkat Kebangsaan 2000*, Anjuran Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, pada 7-8hb. November.

## JURNAL

Mohammad Redzuan bin Othman (1998), "The Role of Makka Educated Malay in the Development of Early Islamic Scholarship and Education in Malay" dalam *Journal of Islamic Studies*, v. 9:2.

Muhd Nur Manuty (1984), "Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia: Beberapa Analisis Kritis Terhadap Penilaian Asas Dalam Perspektif Sejarah", *Jurnal Pendidikan Islam*, jil.2, Oktober 1984. Kuala Lumpur: ABIM.

Teuku Ibrahim Alfian (1972/73), "Pengertian Kata Sejarah", *Jebat*, bil. 2, Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zawawi Hj. Ahmad (1984), "Struktur Pendidikan Islam", *Jurnal Pendidikan Islam*, bil. 1. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

### **MAJALAH**

Pyan Husayn (1975), "Teori dan Metode Sejarah", *Dewan Bahasa*, jil. 19, bil. 3, Mac 1975.

Suara Majlis, bil. 7, April 1983.

Wan Ngah bin Wan Dagang (1975), "Islam ke Alam Melayu Dibawa Ahli-ahli Sufi", *Pengasuh*, bil. 406, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Mei 1975.

### **AKHBAR**

*Berita Harian*, 2 Disember 1995. "Madrasah Idrisiah Kekalkan Kejayaan".

Rosnani (2002), Kelebihan SMKA Lahir Umat Islam Terbaik Berbanding SAR, *Berita Harian*, 16 Disember 2002.

### **INTERNET**

Khairul Azhar Idris, *Ilmu Tunggal Kemajuan Pemikiran Generasi Muda*.  
<http://www.ikim.gov.my>.

[Megaproyek Islamisasi Peradaban Syed M. Naquib Al-Attas](http://indrayogi.multiply.com),  
<http://indrayogi.multiply.com>, 29 Jun 2008.

### **LAIN-LAIN RUJUKAN**

Buku Cenderamata Majlis Ihtifal dan Majlis Pengkisahan Madrasah Idrisiah, 2000.

Catatan Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar (1986), bil. 2/86, 11 Sept 1986, bil (132) dalam SPK 4/7/12 Pt. 1.

Cenderamata Jubli Emas Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar, Perak.7.9.1972.

Fail Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Madrasah Idrisiah, bil (100) dalam SPK 4/7/12. Pt.1 bertarikh 10 Jan 1986.

Fail Minit mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Madrasah Idrisiah, bil (132) dalam SPK 4/7/12. Pt.1 bertarikh 10 Jan 1986.

Jamaliah Zabidi dan Madihah Faizi ed. (2000), "Wawancara Khas Bersama Dato' Seri Haji Harussani bin Haji Zakaria", *Jurnal Khas Madrasah Idrisiah 2000*.

Jurnal Khas Madrasah Idrisiah 2000.

Kertas kerja bagi memajukan Madrasah Idrisiah, 22 April 1975. dari Pejabat Orang Besar Jajahan. Lihat juga Surat, Dato' Setia Abdul Wahab bin Nordin AMP, PPT PJK, Pengerusi Jawatankuasa Madrasah Idrisiah Bukit Chandan, Kuala Kangsar, 23.4.1975 dalam fail O.B.J.P. Bit (29) No. 38/74.

Majalah Al-Fikrah Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar, 1999.

Majalah Al-Fikrah Edisi Milenium (2000), Madrasah Idrisiah, Bil: 008.

Minit mesyuarat bertarikh 1.2.75. Bil (16), dlm. MIBCKK. 1/74.

Minit mesyuarat bertarikh 27.4.74. bil (5), dlm. MIBCKK. 1/74.

Surat dari Dato' Setia Abdul Wahab bin Nordin AMP, PPT, P1K, Pengerusi Jawatankuasa Madrasah Idrisiah Bukit Chandan. Kuala Kangsar, bertarikh 23 April 1975. dlm Fail O.B.J.P bil 27. NO. 38/74.

### **Senarai Responden**

Kamaruddin bin Ahmad, Pengetua Madrasah Idrisiah (1999-kini),

Abdul Rahman Najib bin Mohd Noor dan, Penolong Kanan Hal Ehwal Akademik

Abdul Rahim bin Sabli, Guru dan Kaunselor Madrasah Idrisiah.

Abdul Salem Basri, Warden Madrasah Idrisiah.

Ahmad Nazri bin Baharuddin, Guru Madrasah Idrisiah.

Anwar El-Syazali bin Musa, Pemangku Pengetua Madrasah Idrisiah.

Hamdan bin Hussain bekas Penolong Kanan Hal Ehwal Murid

Harussani Zakaria, Alumni Madrasah Idrisiah.

Hasnida binti Md Husain, Guru Madrasah Idrisiah

Hasnol Asri bin Musa, Penyelaras Pusat Sumber Madrasah Idrisiah.

Mohd Nasrul Asri, Pelajar Madrasah Idrisiah

Mohd Rifaie Hussain, Pelajar Madrasah Idrisiah

Najmawati binti khaidir, Guru Penyelaras Ko-kurikulum Madrasah Idrisiah,

Noor Khairunnisa' Abdul Halim, Pelajar Madrasah Idrisiah

Sakinah Sakor, Pembantu Tadbir Kanan dan Warden Asrama Madrasah Idrisiah

Raja Nurul Aisyah Raja Sulaiman, Pelajar Madrasah Idrisiah